



Kementerian Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia




LAPORAN TAHUNAN 2022



Kementerian Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2022



RASIONAL MUKA HADAPAN LAPORAN TAHUNAN 2022

JALURAN MIKRO

Jaluran mikro yang saling berkait memperkenalkan jalinan rangkaian hubungan antara Jabatan Perangkaan Malaysia dengan pihak berkepentingan secara holistik merangkumi pelbagai sektor sama ada kerajaan, perniagaan, industri maupun masyarakat setempat.

Jalinan utuh ini akhirnya akan menjana pencaturan dan perlaksanaan inisiatif yang mendatangkan manfaat pada peringkat nasional dan global.

Cetakan Pertama, 2022

Hakcipta Terpelihara © Jabatan Perangkaan Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Telefon : (603) 8885 7000
Faks : (603) 8888 9248

Laman Web DOSM : www.dosm.gov.my

E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan dan permintaan data)

Media Sosial : www.facebook.com/StatsMalaysia
www.twitter.com/statsmalaysia
www.instagram.com/statsmalaysia
www.youtube.com/statsmalaysia
www.tiktok.com/statsmalaysia

ISI KANDUNGAN



002 | Perutusan



006 | Profil Korporat DOSM



032 | Aktiviti Utama DOSM



038 | Pencapaian Signifikan 2022



082 | Modal Insan dan Pembangunan Kapasiti



108 | Modenisasi dan Inovasi Statistik



128 | Komunikasi Statistik



162 | Ke Arah Organisasi Statistik Terbilang di Dunia



182 | Work Life Balance



204 | Cabaran dan Aspirasi 2023

PERUTUSAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



GG TAHUN 2022
MENYAKSIKAN
KEJAYAAN TERBESAR
DOSM MENERBITKAN
SEBANYAK 1,563
PENERBITAN STATISTIK
BERBANDING 524
PENERBITAN PADA
TAHUN 2021.
JJ

**YBHG. DATO' SRI DR.
MOHD UZIR MAHIDIN**
Ketua Perangkawan Malaysia



Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

**ALHAMDULILLAHIR RABBIL A'ALAMIN
WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN WA'ALA ALIHI WASAHBIH
AJMAIN**

Alhamsdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2022 dapat diterbitkan. Penerbitan seumpama ini adalah wadah dokumentasi bagi pencapaian signifikan DOSM sepanjang tahun 2022.

MEMACU PERKHIDMATAN STATISTIK NEGARA

DOSM merupakan agensi peneraju perkhidmatan dalam bidang statistik yang bertanggungjawab mengukuhkan sistem statistik Negara untuk pembentukan dasar perancangan dan pembangunan negara. Tahun 2022 menyaksikan kejayaan terbesar DOSM menerbitkan sebanyak 1,563 penerbitan statistik berbanding 524 penerbitan pada tahun 2021. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga DOSM dengan momentum kejayaan ini dan bersama kita mengorak langkah kejayaan pada tahun mendatang.

Tahun 2022 DOSM bermula dengan pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 melibatkan seramai 92,000 isi rumah terpilih meliputi lebih 500,000 orang penduduk di seluruh negara. Dapat HIES/BA telah digunakan secara menyeluruh dalam penggubalan dasar dan program pembasmian kemiskinan serta polisi yang berkaitan dengan kesamarataan pendapatan isi rumah bermula daripada Rancangan Malaysia yang Kedua sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sehubungan itu, dapatan pada tahun ini menjadi penanda aras baharu Kerajaan menggubal dasar Negara untuk kesejahteraan rakyat di samping sebagai salah satu input untuk menilai pencapaian RMKe-12 dan Agenda 2030 Pembangunan Mampan (SDGs). Selain itu, kesinambungan daripada berakhirnya operasi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (Banci Malaysia 2020), DOSM telah melancarkan Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Februari 2022. Lebih daripada 1,000 laporan diterbitkan secara berperingkat merangkumi 16 Negeri, 160 Daerah Pentadbiran, 222 Parlimen dan 600 Dewan Undangan Negeri (DUN). Kolaborasi strategik antara DOSM dengan Kementerian/ Agensi, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak swasta dan masyarakat umum yang terjalin erat adalah demi menjamin integriti data dalam menghasilkan statistik kependudukan dan demografi. Syabas kepada seluruh warga DOSM yang bertungkus-lumus sepanjang penghasilan keluaran dapatan Banci Malaysia 2020 dan pelaksanaan survei HIES/BA pada tahun 2022.

MEMPERKASA TRANSFORMASI YANG DINAMIK

DOSM sentiasa komited dalam memperluaskan penyebaran statistik kepada umum. Sepanjang tahun 2022, sebanyak lima (5) dashboard baharu telah dibangunkan seperti OpenDOSM Nextgen yang telah memberikan kemudahan dan manfaat kepada umum selain daripada penambahbaikan perkhidmatan atas talian DOSM sedia ada. Platform media sosial juga terus diimarahkan dan menjadi wahana komunikasi statistik yang efektif. Di samping itu, DOSM kekal teguh dalam jalinan komunikasi dan kerjasama strategik melalui 3 Memorandum Persefaham (MoU) yang baharu, diikuti dengan 52 kunjungan muhibbah/hormat dari pelbagai pihak pada tahun 2022. Selain itu, hubungan DOSM dengan orang ramai juga terus diimbangi dalam menyebarkan statistik data dengan tepat supaya perbincangan yang positif dapat diterap dalam mendidik orang awam tentang statistik. Tahniah kepada semua warga DOSM yang telah berjaya menepati sasaran transformasi cabaran ke arah dunia pendigitalan semasa.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Sebagai sebuah organisasi yang pesat berkembang dalam penerbitan statistik negara, DOSM sangat menitikberatkan hubungan antarabangsa demi memartabatkan statistik dunia dapat diakses secara menyeluruh. Pada tahun 2022, DOSM telah diiktiraf sebagai ahli dalam 53 Jawatankuasa, Kumpulan Pakar, Kumpulan Kerja, Persatuan dan ahli GC SIAP serta dilantik sebagai Pengurus bagi *18th Session of the GC SIAP 2022*. DOSM turut mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh badan statistik antarabangsa, seperti *United Nations Statistical Commission (UNSC)* dan agensi-agensi statistik di bawah naungan *United Nations Statistics Division (UNSD)*. Ini membolehkan DOSM berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan agensi statistik lain serta bekerjasama untuk meningkatkan penyelaras dan kerjasama di kalangan badan statistik antarabangsa. Sebagai ahli dalam pelbagai keanggotaan di peringkat antarabangsa, DOSM telah memainkan peranan secara aktif dalam mencapai matlamat ini dan mempertingkatkan tadbir urus dan pengawasan data Malaysia.

PENUTUP

Mengimbau tahun 2022, DOSM telah berjaya berusaha untuk menjadi setaraf organisasi statistik negara-negara sejagat yang mengalami anjakan paradigma daripada pelbagai aspek. Dalam meniti arus kemodenan ini, warga DOSM telah banyak menggembungkan tenaga menyumbang ke arah kefahaman dan literasi statistik masyarakat tentang pembekalan maklumat yang tepat dan berkualiti sebagai elemen utama dalam memastikan semua perancangan dirangka pada landasan yang betul. Berbekalkan pelan strategik DOSM sedia ada, proses pengukuhan sistem statistik negara pada peringkat nasional dan global dapat terus dipertingkatkan. Saya merakamkan setinggi penghargaan atas khidmat bakti dan pengorbanan warga DOSM sepanjang tahun 2022. Intihanya, semoga segala pelaporan pencapaian di dalam Laporan Tahunan 2022 ini menjadi pembakar semangat warga DOSM dalam meluaskan horizon pemikiran supaya lebih berketerampilan dalam melaksanakan tanggungjawab yang dipikul dan memberikan perkhidmatan yang terbaik demi memartabatkan imej Jabatan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia



PROFIL KORPORAT DOSM

Tadbir Urus	008
Maklumat Korporat	016
Carta Organisasi	020
Kewangan	030



TADBIR URUS

LATAR BELAKANG

Pada tahun 1949, di bawah peruntukan **Statistics Ordinance 1949**, Biro Statistik telah ditubuhkan dan diketuai oleh **Registrar of Statistics**. Pada masa itu, Biro Statistik berperanan menjalankan tugas-tugas pungutan, penyediaan dan penerbitan perangkaan terhad kepada data perdagangan luar negeri dan pertanian ladang.

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 telah membawa kepada penyatuan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1965, Akta Perangkaan 1965 telah diluluskan oleh Parlimen dan *Statistics Ordinance 1949* dimansuhkan. Akta baru ini lebih holistik dan memberi mandat yang lebih besar dalam melaksanakan tugas mengumpul statistik. Sehubungan itu, nama Biro Statistik telah ditukar kepada Jabatan Perangkaan yang diketuai oleh Ketua Perangkawan. Ketika itu, Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan mempunyai 12 bahagian.

Sebagai agensi kerajaan unggul yang bertanggungjawab mengumpul, mentafsir dan menyebarkan statistik terkini, Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia (DOSM)*) memainkan peranan penting dalam memantau prestasi ekonomi dan pembangunan sosial negara. Lokasi Ibu pejabat DOSM adalah di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, dengan cawangan pejabat di setiap negeri. Jumlah terkini Bahagian adalah sebanyak 18 Bahagian manakala pejabat DOSM Negeri adalah sebanyak 14 cawangan, diikuti 30 Pejabat Operasi untuk pengumpulan data dan satu (1) Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) yang mula beroperasi sejak tahun 2012.

PUNCA KUASA

Statistics Ordinance 1949 telah dimansuhkan dan digantikan dengan **Akta Perangkaan 1965**. Pada masa yang sama, **Akta Banci 1960** juga digunakan untuk pelaksanaan banci. **Akta Perangkaan 1965 telah disemak semula pada tahun 1989**. Fungsi Jabatan dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 2(2):



Fungsi-fungsi Jabatan ini adalah untuk mengumpulkan dan mentafsirkan perangkaan-perangkaan bagi maksud memperlengkapi maklumat yang dikehendaki dalam membentuk atau menjalankan dasar Kerajaan dalam apa bidang atau selainnya yang dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, komers, perindustrian atau pertanian (termasuk perhutanan, perikanan dan perburuan). 



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 415

AKTA PERANGKAAN 1965

(Disemak - 1989)

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi Statutes Act 1965 sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan selinggi dicapai sejauh sahah di bawah skelayan 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 52], teks ini bukan perundangan.



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 16

AKTA BANCI 1960

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANTA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Census Act 1960.
Melainkan jika dan sejingga diterapkan sahah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 52], teks ini bukan perundangan.

DIBERITAKAN OLEH
PENERBITAN PEMERIKAR UNDANG-UNDANG MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENTAKALAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

United Nations Fundamental Principles of Official Statistics merupakan teras tadbir urus statistik yang menggariskan prinsip asas untuk diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi. Sebagai entiti penjana statistik negara, statistik rasmi merupakan input utama kepada proses pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar sosioekonomi negara yang digunakan oleh kerajaan.



UNITED NATIONS FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS

PRINCIPLE 1

RELEVANCE, IMPARTIALITY AND EQUAL ACCESS

PRINCIPLE 2

PROFESSIONAL STANDARDS, SCIENTIFIC PRINCIPLES, AND PROFESSIONAL ETHICS

PRINCIPLE 3

ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY

PRINCIPLE 4

PREVENTION OF MISUSE

PRINCIPLE 5

SOURCES OF OFFICIAL STATISTICS

PRINCIPLE 6

CONFIDENTIALITY

PRINCIPLE 7

LEGISLATION

PRINCIPLE 8

NATIONAL COORDINATION

PRINCIPLE 9

USE OF INTERNATIONAL STANDARDS

PRINCIPLE 10

INTERNATIONAL COOPERATION

PELAN STRATEGIK JABATAN

Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2021-2025 merupakan dokumen induk bagi tempoh lima tahun yang menggariskan teras strategik, strategi, program serta aktiviti dan arah tuju Jabatan Perangkaan Malaysia. Pelan Strategik ini dirangka selari dengan dasar semasa Kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan Jabatan serta perubahan landskap sosioekonomi dan cabaran yang berlaku di peringkat nasional dan global.

Dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan statistik kepada masyarakat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah merangka pelan strategik yang komprehensif untuk merealisasikan visi jabatan. Pelan Strategik yang berbentuk komprehensif, progresif dan responsif ini meliputi keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta mensasarkan pencapaian bagi memenuhi ekspektasi pengguna.

PSJ 2021-2025 ini merupakan pelan yang menggariskan komitmen Jabatan Perangkaan Malaysia dalam menyampaikan perkhidmatan statistik yang terbaik melalui pelaksanaan strategi dan program yang telah dikenal pasti. Pelan ini dibangunkan berlandaskan peranan Jabatan sebagai penjana statistik rasmi Malaysia untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat pada masa hadapan.

Pelancaran PSJ 2021-2025 pada Mac 2021 disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Mohd Sallehuddin Hassan. PSJ 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Jabatan 2010-2014 dan Pelan Transformasi Jabatan 2016-2020.



PELAN **STRATEGIK**

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2021-2025

VISI

Peneraju Perkhidmatan
Statistik Demi
Kesejahteraan Sejagat

Meningkatkan Inovasi Rantaian
Statistik untuk Penyampaian
Perkhidmatan yang Efisien

MISI

Memacu Statistik Berintegriti
dan Perkhidmatan Profesional
untuk Pembudayaan Keputusan
Berasaskan Bukti

Memperkasakan
Perkhidmatan Statistik
yang Berintergriti,
Relevan dan Andal

MOTO

Statistik Nadi Kehidupan


Membudayakan
Statistik dalam
Kehidupan

Memacu Analitik
Data Sektor
Awam






KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA







MAKLUMAT KORPORAT DOSM



VISI

Peneraju Perkhidmatan Statistik
demi Kesejahteraan Sejagat



MISI

Memacu Statistik Berintegriti
dan Perkhidmatan Profesional
untuk Pembudayaan
Keputusan Berasaskan Bukti



MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

OBJEKTIF

01	02	03	04
Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian	Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar	Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data	Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum
05	06	07	
Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan	Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi	Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.	

FUNGSI UTAMA

Di bawah **"Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)"**, fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

- 01** Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.
- 02** Menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

FUNGSI BAHARU

Bagi mengukuhkan Sistem Statistik Negara dan selari dengan penggunaan *Generic Statistical Business Process Model (GSBPM)*, fungsi baharu DOSM adalah seperti berikut:

- 01** Mengumpul, memperoleh, menyusun, mentafsir dan menganalisis data bagi menyediakan dan menyebar statistik rasmi
- 02** Menetapkan standard berkaitan statistik termasuk menetapkan definisi, konsep, metodologi, klasifikasi dan kod statistik yang seragam untuk kegunaan agensi
- 03** Sebagai pusat repositori statistik yang bersumberkan data primer dan data pentadbiran daripada pelbagai sumber
- 04** Memberi khidmat nasihat teknikal statistik dan memastikan agensi mematuhi dasar dan garis panduan standard statistik yang ditetapkan; dan
- 05** Mengabsahkan metodologi, statistik dan analisis yang diterbitkan oleh agensi termasuk hasil dapatan oleh pakar runding yang dilantik oleh agensi.



PERANAN

Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, berorientasikan pengguna dan bertepatan masa, untuk pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara.

DASAR KUALITI

DOSM komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.



PIAGAM PELANGGAN



DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, boleh dipercayai (*reliable*) dan berintegriti iaitu:

1. Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut **Kalendar Keluaran Awalan (Advanced Release Calendar-ARC)** yang ditetapkan.
2. Memastikan prasarana **eStatistik** boleh diakses 24 jam sehari.
3. Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan;
 - ↗ Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja;
 - ↗ Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja;
 - ↗ Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan proses tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja; atau
 - ↗ Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bekerja.



DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

01 Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan; dan

02 Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh 7 hari bekerja.

NILAI TERAS

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif DOSM, semua anggota DOSM perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

01 MESRA PELANGGAN

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna statistik. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

02 INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat peribadi responden dilindungi dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

03 KOMPETEN

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi melaksana pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, meningkatkan nilai kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta membudayakan pembelajaran berterusan.

04 BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi serta sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

05 SEMANGAT KEBERSAMAAN


Mewujudkan persekitaran kerjasama yang utuh dalam diri setiap anggota agar menjadikan setiap perancangan, keputusan dan tindakan yang dilakukan lebih teratur, menjimatkan masa, cekap, dan menghasilkan produktiviti yang tinggi serta matlamat dan sasaran organisasi dapat dicapai secara keseluruhan.

06 PROFESIONALISME


Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan memberikan komitmen terbaik, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik di samping terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan.

ORGANISASI DOSM

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN



01 | YBHG. DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

02 | YBRS. PUAN HAJJAH NAZARIA BINTI BAHRUDIN
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

03 | YBHG. DATIN SERI ROZITA BINTI TALHA
TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI

PENGURUSAN KORPORAT



PUAN BETTY BINTI HASAN

PENGARAH KANAN
INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS
PASARAN BURUH (ILMIA)



PUAN MARIYAM BINTI MOHAMAD

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



ENCIK MOHD YAZID BIN KASIM

PENGARAH KANAN
CHANGE MANAGEMENT OFFICE
(CMO)



PUAN JAMALIAH BINTI JAAFAR

PENGARAH EKSEKUTIF
MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS
(MBLS)



PUAN JUNIADAH BINTI ALI

PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



PUAN SITI ZAKIAH BINTI MUHAMAD ISA

PENGARAH
BAHAGIAN PERANGKAAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN
ANTARABANGSA



ENCIK ZURAIDY BIN ZAINAL ABIDIN

PENGARAH
INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA

SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL



PUAN SITI ASIAH BINTI AHMAD

PENGARAH KANAN

BAHAGIAN PERANGKAAN HARGA, PENDAPATAN DAN
PENGHARGAAN

**ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM BIN
WAN MOHAMAD NAJURI**

PENGARAH KANAN

BAHAGIAN PERANGKAAN PENDUDUK DAN DEMOGRAFI



PUAN FUZIAH BINTI MD. AMIN

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN PERTANIAN
DAN ALAM SEKITAR

PUAN ROSLAWATI BINTI YAHYA

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA
DAN SOSIAL



PUAN RYANTI BINTI SAARI

PENGARAH

BAHAGIAN METODOLOGI DAN PENYELIDIKAN

ENCIK HERZIE BIN MOHAMED NORDIN

PENGARAH

BAHAGIAN INTEGRASI DAN PENGURUSAN DATA

PENGURUSAN EKONOMI



ENCIK ZAINUDDIN BIN AHMAD

PENGARAH KANAN

BAHAGIAN PERANGKAAN PERKHIDMATAN

PUAN NORHAYATI BINTI JANTAN

PENGARAH KANAN

BAHAGIAN PERANGKAAN AKAUN NEGARA



PUAN SITI HASLINDA BINTI MOHD DIN

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA

PUAN JAMIA AZNITA BINTI JAMAL

PENGARAH

BAHAGIAN PETUNJUK EKONOMI



PUAN SHAFIZAERMAWATY BINTI SHAFEI

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN IMBANGAN
PEMBAYARAN

ENCIK AB. RAHMAN BIN MOHAMAD

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN PENGETUARAN
INDUSTRI DAN BINAAN
(sehingga Oktober 2022)




PUAN NORALIZA BINTI MOHAMAD ALI

PENGARAH

BAHAGIAN PERANGKAAN PENGETUARAN
INDUSTRI DAN BINAAN
(bermula 15 November 2022)

DOSM NEGERI



ENCIK MUHAMMAD AMRI BIN IDRIS
PENGARAH
NEGERI SABAH

PUAN NORFARIZA HANIM BINTI KASIM
PENGARAH
WILAYAH PERSEKUTUAN



ENCIK MOHD RIDAUDDIN BIN MASUD
PENGARAH
NEGERI PERAK


ENCIK MOHD SUAIMI BIN MOHD YUNUS
PENGARAH
NEGERI PULAU PINANG
(sehingga Oktober 2022)



ENCIK ZAINOL BIN JAMIL
PENGARAH
NEGERI JOHOR
(sehingga Oktober 2022)

**PUAN DAYANG ROZANA BINTI ABANG
HASAN**
PENGARAH
NEGERI SARAWAK

DOSM NEGERI



PUAN HARTINI BINTI YAACOB

PENGARAH
NEGERI SELANGOR

PUAN MAZREHA BINTI YA'AKUB

PENGARAH NEGERI JOHOR
(bermula 15 November 2022)
PENGARAH NEGERI MELAKA (sehingga Oktober 2022)



ENCIK ABANG SAIFULHADI BIN ABANG HAJI

IBRAHIM

PENGARAH
NEGERI MELAKA
(bermula 15 November 2022)

ENCIK KHAIROLNIZAM BIN HASSAN

PENGARAH
NEGERI PULAU PINANG
(bermula 15 November 2022)
PENGARAH NEGERI PAHANG (sehingga Oktober 2022)



ENCIK RAZAMAN BIN RIDZUAN

PENGARAH
NEGERI PAHANG
(bermula 15 November 2022)

ENCIK FAREZA BIN MOHAMED SANI

PENGARAH
NEGERI KELANTAN

DOSM NEGERI



ENCIK MOHD SAWAL BIN SHAKIMON

PENGARAH
NEGERI SEMBILAN

PUAN MARLINI BINTI SAHUL HAMID

PENGARAH
NEGERI TERENGGANU



PUAN NADIA BINTI MARZUKI

PENGARAH
NEGERI KEDAH

PUAN PATHMAVATHI A/P APPULANAIDU

PENGARAH
NEGERI PERLIS
(sehingga Oktober 2022)



ENCIK MINSON BIN MAJIMBUN

PENGARAH
NEGERI PERLIS
(bermula 1 November 2022)

LOKASI (IBU PEJABAT, INSTITUT LATIHAN, DOSM NEGERI & PEJABAT OPERASI)

IBU PEJABAT DAN INSTITUT LATIHAN

- 01** Ibu Pejabat (Putrajaya)
- 02** Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS)
- 03** Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)
- 04** Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)



DOSM KELANTAN


- 05** Pejabat Negeri
- 06** Pejabat Operasi Kuala Krai

DOSM TERENGGANU

- 07** Pejabat Negeri
- 08** Pejabat Operasi Besut
- 09** Pejabat Operasi Dungun

DOSM PAHANG

- 10** Pejabat Negeri
- 11** Pejabat Operasi Bentong
- 12** Pejabat Operasi Temerloh



DOSM SELANGOR

- 23** Pejabat Negeri
- 24** Pejabat Operasi Gombak
- 25** Pejabat Operasi Kajang
- 30**
- 31**

DOSM PERAK

- 19** Pejabat Negeri
- 20** Pejabat Operasi Taiping
- 21** Pejabat Operasi Teluk Intan
- 22** Pejabat Operasi Sungkai

DOSM MELAKA


- 26** Pejabat Negeri

DOSM NEGERI SEMBILAN

- 27** Pejabat Negeri

DOSM SABAH

- (32)** Pejabat Negeri
- (33)** Pejabat Operasi Keningau
- (34)** Pejabat Operasi Kota Marudu
- (35)** Pejabat Operasi Lahad Datu
- (36)** Pejabat Operasi Sandakan
- (37)** Pejabat Operasi Tawau

**DOSM WILAYAH PERSEKUTUAN**

- (38)** Pejabat Negeri
- (39)** Pejabat Operasi Labuan
- (40)** Pejabat Operasi Putrajaya

DOSM SARAWAK

- (41)** Pejabat Negeri
- (42)** Pejabat Operasi Bintulu
- (43)** Pusat Operasi Kapit
- (44)** Pejabat Operasi Limbang
- (45)** Pejabat Operasi Miri
- (46)** Pejabat Operasi Sarakei
- (47)** Pejabat Operasi Sibu
- (48)** Pejabat Operasi Sri Aman

KEWANGAN

Pada tahun 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus berjumlah **RM214,252,200.00** berbanding **RM201,675,462.00** pada tahun 2021. Peruntukan Belanja Pembangunan yang telah diluluskan adalah berjumlah **RM109,179,001.00** berbanding **RM142,766,000.00** pada tahun 2021.

BELANJA MENGURUS

Peruntukan Belanja Mengurus sebanyak **RM214,252,200.00** dengan meliputi Dasar Sedia Ada (DSA) berjumlah **RM214,002,200.00** dan Program Khusus Bertugas Luar Negara berjumlah **RM250,000.00**. Sehingga 31 Disember 2022, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Mengurus adalah sebanyak **101.00 peratus** dengan perincian seperti di bawah:

Dasar	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)	Prestasi Belanja (%)
DSA	214,002,200.00	216,284,243.81	(2,282,043.81)	101.07
Program Khusus Luar Negara	250,000.00	121,017.00	128,983.00	48.41
Jumlah	214,252,200.00	216,405,260.81	(2,153,060.81)	101.00


BELANJA PEMBANGUNAN

Peruntukan Belanja Pembangunan bagi tahun 2022 sebanyak **RM109,179,001.00** dengan melibatkan **9 projek**. Sehingga 31 Disember 2022, prestasi perbelanjaan peruntukan Belanja Pembangunan adalah sebanyak **96.30 peratus**. Perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan pembangunan adalah seperti jadual di bawah:

Projek	Peruntukan Lulus (RM)	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Belanja (%)
Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020	60,000,000.00	40,000,000.00	38,760,045.95	96.90
Banci Ekonomi dan Perusahaan Kecil Sederhana 2021	7,000,000.00	11,600,000.00	11,557,470.75	99.63
Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA)	19,700,000.00	39,200,000.00	38,020,146.94	96.99
Survei Guna Tenaga Serta Gaji dan Upah	4,500,000.00	3,697,000.00	3,568,648.95	96.53
<i>Labour Market Information Analytics Platform (LMIAP) Fasa 1</i>	1,000,000.00	700,000.00	0.00	0.00
Kajian Indikator Baharu Pasaran Buruh	100,000.00	565,100.00	562,275.62	99.50
<i>National Household Indicators Surveys (NHIS)</i>	750,000.00	560,200.00	549,059.22	98.01
Smart Newss Fasa V	0.00	10,903,370.56	10,899,675.17	99.97
Smart Newss Fasa VI	13,500,000.00	1,953,330.44	1,223,255.44	62.62
Jumlah (RM)	106,550,000.00	109,179,001.00	105,140,578.04	96.30

KAWALAN DAN PEMANTAUAN

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan dan pengurusan kewangan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang disalurkan adalah digunakan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value of money*.





AKTIVITI UTAMA DOSM

Data Primer	034
Statistik Keluaran	035
Rangka Statistik	036
Konsultansi / Rundingan Teknikal	037




DATA PRIMER

BANCI DAN SURVEI

Seiring dengan ketersediaan maklumat terkini bagi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai dalam persekitaran global yang dinamik dan mencabar, DOSM bertanggungjawab mengumpul, mentafsir dan menyebarkan statistik yang bertepatan masa dan relevan. Bagi tujuan tersebut, DOSM telah menjalankan pelbagai banci dan survei secara bulanan, suku tahunan dan tahunan dalam bidang ekonomi dan sosial. Ini adalah termasuk survei-survei *ad hoc* yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.



BILANGAN BANCI DAN SURVEI



STATISTIK KELUARAN

Hasil daripada pelaksanaan banci dan survei serta penyusunan data sekunder, DOSM telah berjaya menghasilkan **1,563 penerbitan** sepanjang tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, **826 penerbitan** merupakan penerbitan baharu

BILANGAN PENERBITAN DAN KELUARAN



RANGKA STATISTIK


MALAYSIAN STATISTICAL ADDRESS REGISTER (MSAR)

MSAR merupakan platform pangkalan data tempat kediaman (TK) yang dibangunkan oleh DOSM bagi menyokong pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Bilangan BP *frozen frame* adalah sebanyak **99,356 BP** dan **9,399,552 TK** (termasuk TK Institusi). Pengemaskinian maklumat tempat kediaman dan isi rumah akan dibuat secara berterusan oleh DOSM Negeri.

MALAYSIAN STATISTICAL BUSINESS REGISTER (MSBR)

MSBR merupakan sumber data untuk menyusun maklumat demografi berkenaan senarai pertubuhan perniagaan yang berstruktur dan syarikat yang beroperasi di Malaysia. Pengemaskinian rangka pertubuhan dilakukan secara atas talian di bawah platform NEWSS. MSBR berperanan sebagai sumber rangka untuk binci dan survei ekonomi di DOSM.

Sehingga 22 Disember 2022, jumlah keseluruhan bilangan pertubuhan di MSBR adalah sebanyak **1,214,290**. Pecahan mengikut sektor / subsektor adalah seperti berikut:



KONSULTASI/ RUNDINGAN TEKNIKAL

JUMLAH KONSULTASI

137



KERAJAAN

97



SWASTA

37




INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

2



ANTARABANGSA

1





PENCAPAIAN SIGNIFIKAN 2022

Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022

040	Sambutan Hari Statistik Negara dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) 2022	052
044	<i>9th Malaysia Statistics Conference (MyStats) 2022</i>	059
048	Keluaran Statistik Baharu 2022 Diari DOSM	066



SURVEI PENDAPATAN, PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN KEMUDAHAN ASAS (HIES/BA) 2022




Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dua (2) kali bagi setiap 5 tahun. Survei Perbelanjaan Isi Rumah dilaksanakan sejak 1957 lagi, manakala Survei Pendapatan Isi Rumah mula dilaksanakan pada 1974 secara berasingan. Kedua-dua survei ini telah dijalankan secara serentak bermula pada tahun 2014. Survei HIES & BA 2022 merupakan survei terkini yang dilaksanakan melalui kaedah kerja lapangan bermula pada Januari hingga Disember 2022. Survei ini akan mengumpulkan maklumat berkaitan pendapatan, perbelanjaan dan kemudahan isi rumah. Bagi memastikan bahawa data ini memberi manfaat kepada pihak kerajaan terutamanya dalam menjana analisis mengikut domain secara lebih terperinci.

Tujuan utama Survei Pendapatan dan Kemudahan Asas ini dijalankan adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah, mendapatkan statistik terkini berkaitan isi rumah miskin dan bagi mengenal pasti capaian kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah. Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas membentangkan statistik mengenai taburan pendapatan isi rumah, insiden kemiskinan dan maklumat kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, perumahan dan peralatan yang dimiliki oleh isi rumah. Statistik berkaitan pendapatan yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garisan panduan daripada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition, 2011* yang diterbitkan oleh United Nations.

Seterusnya, tujuan utama Survei Perbelanjaan ini dijalankan adalah untuk mengumpul maklumat tentang paras dan corak perbelanjaan penggunaan oleh Isi Rumah (IR) ke atas pelbagai jenis barang dan perkhidmatan, menjadi asas bagi menentukan jenis barang dan perkhidmatan

yang akan digunakan di dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP) dan digunakan bagi mengemaskini wajaran IHP di mana IHP merupakan pengukur kepada kadar perubahan purata harta bagi sekumpulan barang dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan IR di Malaysia. Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah ini membentangkan statistik perbelanjaan penggunaan IR meliputi 12 Kumpulan Utama barang dan perkhidmatan. Pengelasan Kumpulan Utama ini berdasarkan *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (UNSD)*. Statistik dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan *System of National Accounts 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Survei ini amat penting dan memberi banyak manfaat kepada rakyat secara langsung dan tidak langsung, antaranya, maklumat pendapatan dan perbelanjaan serta kemiskinan yang akan digunakan sebagai input kepada program pelaksanaan bantuan sosial yang lebih berkesan kepada rakyat yang memerlukan. Maklumat kemudahan asas dapat digunakan dalam usaha penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan asas di pelbagai lokasi. Manakala, maklumat pola perbelanjaan digunakan sebagai asas pengukuran inflasi yang akhirnya menjadi maklumat berguna kepada rakyat dalam pengukuran perubahan harga barang dan kos sara hidup. Hal ini, dapat membantu negara mencapai kesejahteraan dan kemakmuran yang secara tidak langsung turut dirasai oleh rakyat keseluruhannya. Laporan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022 (HIES/BA) dijangka akan diterbitkan pada bulan Jun 2023.





MAJLIS PELANCARAN SURVEI HIES/BA 2022

Majlis pelancaran Survei HIES/BA 2022 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapha Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada 17 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Majlis dimulakan dengan ucapan kata-kata aluan oleh Ketua Perangkawan Malaysia dan diikuti dengan majlis perasmian oleh YB Menteri Ekonomi. Pameran mengenai produk-produk Jabatan turut disediakan semasa majlis pelancaran ini. Seramai lebih daripada 150 orang yang hadir pada majlis perasmian tersebut. Seterusnya, program disusuli dengan Lawatan Kerja Lapangan HIES/BA 2022 bersama komuniti. Majlis perasmian diakhiri dengan sesi bergambar bersama komuniti.



PELAKSANAAN HIES/BA 2022

Survei HIES/BA 2022 dilaksanakan bermula pada Januari sehingga Disember 2022. Liputan survei ini merangkumi responden bagi semua negeri dan 160 daerah pentadbiran di Malaysia yang melibatkan anggaran sebanyak 92,800 tempat kediaman atau lebih kurang 500,000 orang penduduk terpilih untuk ditemuramah di seluruh negara. Pegawai dan anggota akan menemuramah responden secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pendapatan isi rumah yang diperoleh, perbelanjaan yang diperuntukkan dan akses kepada kemudahan asas. Mereka akan melawat Isi Rumah (IR) di tempat kediaman terpilih bagi mengumpul maklumat berkaitan demografi, pendapatan, perbelanjaan dan kemudahan asas dengan menggunakan borang soal selidik. Maklumat yang dikumpul akan disemak oleh pegawai berpengalaman dari DOSM Negeri bagi mengesan dan membetulkan sebarang kesilapan atau maklumat yang tertinggal ketika survei dilaksanakan. Proses semakan semula dilapangan juga dilaksanakan bagi isi rumah terpilih untuk memastikan data yang dipungut adalah berkualiti. Selain daripada itu, pegawai dan anggota Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan yang telah dilantik sebagai pemantau bagi setiap negeri juga melaksanakan semakan borang dan kerja luar bagi memastikan kualiti data survei HIES&BA 2022 kekal jitu.



Data pendapatan isi rumah yang dikumpul adalah bagi tempoh dua belas bulan yang lalu manakala bagi data perbelanjaan IR pula dipungut bagi dua tempoh rujukan. Tempoh rujukan pertama ialah selama sebulan merujuk kepada perbelanjaan harian yang dilakukan oleh IR bermula dari hari pertama hingga ke hari terakhir bulan berkenaan. Tempoh rujukan kedua ialah bagi barang yang tidak kerap dibeli seperti barang tahun lama dan item terpilih yang mana tempoh rujukan dikira bagi 11 bulan yang lalu.



PROGRAM DATA REVIEW SURVEI HIES/BA 2022

Objektif utama program Data Review diadakan adalah untuk membincangkan penemuan data secara terperinci, membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan operasi dan prosesan serta penyediaan platform untuk penghasilan data HIES/BA yang berkualiti. Program Data Review HIES/BA 2022 diadakan sebanyak tiga (3) kali. Senarai program Data Review HIES/BA 2022:

- ▶ Data Review HIES/BA 2022 Bil. 1/2022, 28-30 Ogos, Kota Bharu, Kelantan
- ▶ Data Review HIES/BA 2022 Bil. 2/2022, 13-15 November 2022, Melaka Tengah, Melaka.
- ▶ Data Review HIES/BA 2022 Bil. 1/2023, 30-31 Januari 2023, ILSM, Sungai, Perak.



SISTEM HIES/BA GO-LIVE

Sistem HIES/BA telah dibangunkan secara dalaman (*inhouse*) oleh pasukan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), DOSM. Sistem ini boleh dilayari menggunakan web browser dan menyokong *mobile responsive*. Sistem ini terbahagi kepada dua (2) iaitu HIS dan HIES. Modul terlibat adalah Modul Pengurusan Pengguna, Modul Daftar - Pusingan, Batch dan HID, Modul Tangkapan Data - HIS dan HES dan Modul Pamer Data. Sistem ini telah *go-live* pada 31 Januari 2022 dengan penggunaannya ke seluruh DOSM negeri.

BPM juga telah mewujudkan Sokongan Teknikal Sistem HIES/BA bermula pada 31 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Pasukan yang terlibat bertanggungjawab membantu DOSM Negeri dalam menyelesaikan isu-isu teknikal menerusi saluran e-mel dan kumpulan WhatsApp.

Sesi pemantauan bagi Zon Selatan telah diadakan pada 4 hingga 7 Oktober 2022. Sesi pemantauan bagi Zon Pantai Timur telah diadakan pada 12 hingga 13 Oktober 2022 dan 18 hingga 19 Oktober 2022. Sesi pemantauan bagi Zon Tengah telah diadakan pada 25 hingga 26 Oktober 2022. Sesi pemantauan melibatkan Zon Utara telah diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2022 dan sesi terakhir melibatkan Negeri Sarawak telah selesai diadakan pada 10 hingga 11 November 2022.



BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020

MAJLIS PELANCARAN LAPORAN PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020



Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri pada 14 Februari 2022, jam 10.00 pagi di Dewan Canselor, Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor. Turut hadir ke majlis tersebut ialah YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), YBhg. Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid, Pengurus MSU dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci 2020.

Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) telah memanfaatkan penggunaan ICT melalui pemodenan dan integrasi sistem bersepadu *Malaysia Integrated Population Census System* (MyIPCS). Operasi pengumpulan data Banci Malaysia 2020 yang bermula pada 7 Julai 2020 telah berakhir pada 31 Oktober 2021 dengan menggunakan kaedah e-Census, Computer-Assisted Personal Interview (CAPI), Computer Assisted Telephone Interview (CATI), Paper & Pen Interview (PAPI) dan Drop Off & Pick Up (DOPU). Berdasarkan operasi Banci Malaysia 2020, 91.1 peratus penduduk telah dibenci secara elektronik (paperless) dan 8.9 peratus secara PAPI dan DOPU.

Banci Malaysia 2020 yang mengandungi 108 soalan adalah pelaburan besar negara bagi menghasilkan data *baseline* Negara yang baharu mengandungi dimensi statistik sosial, ekonomi dan alam sekitar. Penemuan utama Banci Malaysia 2020 meliputi penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran **Statistik Subnasional Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN)** yang diterbitkan buat julung kali bagi kesemua 222 parlimen selain turut mengeluarkan 36 penerbitan meliputi DUN di Negeri Sembilan. Penerbitan tersebut meliputi





12 statistik sosioekonomi yang terdiri daripada indikator maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan isi rumah; pendidikan; kesihatan; kemiskinan; keselamatan awam; internet serta media sosial dan kemudahan asas.

Lebih daripada 1,000 laporan Banci Malaysia 2020 merangkumi 16 negeri, 156 daerah pentadbiran, 222 parlimen, 600 dewan undangan negeri serta tema diterbitkan secara berperingkat bermula dari Februari 2022.

Bersempena dengan Majlis Pelancaran Data Banci 2020 tersebut, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Management and Science University (MSU) menganjurkan "Seminar Statistik Kependudukan: Ke Arah Kemakmuran Keluarga Malaysia" dan Pameran Banci 2020 secara hibrid iaitu gabungan fizikal dan dalam talian.



Ahli panel seminar tersebut terdiri daripada pakar dalam bidang kependudukan di dalam dan luar negara antaranya, Mr. Srdjan Mrkic, Chief Demographic, UN Statistics Division (UNSD); YBrs. Prof. Ir. Dr. Siti Anom Ahmad, Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia; dan YBhg. Datuk Ramesh Chander, mantan Ketua Perangkawan Malaysia.

Buat julung kali, dashboard Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dikenali sebagai **MyCenDash** turut dilancarkan. MyCenDash dibangunkan sebagai platform interaktif banci yang holistik ke arah penyebaran data banci yang lebih menarik dan mesra pengguna.

Penemuan Banci Malaysia 2020 merupakan tanda aras baharu bagi Kerajaan untuk menggariskan polisi dan dasar yang berkaitan dalam pembangunan kesejahteraan rakyat, di samping dapat memberikan input yang menyeluruh dalam pelaksanaan dasar sedia ada dan akan datang.

MAJLIS PELANCARAN PENERBITAN STATISTIK SUBNASIONAL DUN DAN PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020 – DAERAH PENTADBIRAN

Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN dan Penerbitan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran di Maktab Rendah Sains MARA Jeli, Kelantan pada 29 Mei 2022 telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Hadir ke majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Abdullah bin Ya'kub, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Kelantan yang mewakili YAB Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Penerbitan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran memuatkan statistik utama di peringkat geografi yang lebih kecil iaitu 156 daerah pentadbiran/jajahan, 1,756 mukim/daerah kecil dan 155 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penerbitan ini meliputi statistik penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan.

STATISTIK UTAMA DI PERINGKAT GEOGRAFI YANG LEBIH KECIL

156
DAERAH PENTADBIRAN/JAJAHAN

1,756
MUKIM/DAERAH KECIL

155
PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT)



Statistik Subnasional DUN pula telah diterbitkan buat julung kali bagi kesemua 600 DUN di Malaysia. Penerbitan ini meliputi 12 statistik sosioekonomi yang terdiri daripada indikator maklumat asas; penduduk; perumahan; guna tenaga; pendapatan isi rumah; pendidikan; kesihatan; kemiskinan; keselamatan awam; internet dan media sosial, kemudahan asas dan bilangan pertubuhan dan syarikat perniagaan.

Bersempena dengan majlis tersebut, DOSM turut mengadakan sesi pembentangan bertajuk "Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 serta KDNK Negeri Kelantan 2021" yang dibentangkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan. Sesi pembentangan dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Ketersediaan statistik hingga peringkat kawasan terkecil seperti Parlimen dan DUN menjadi input penting oleh pelbagai pihak terutamanya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam menambah baik tadbir urus kawasan dan menyediakan keperluan sosioekonomi secara lebih bersasar untuk kesejahteraan rakyat tempatan. DOSM sebagai pembekal statistik rasmi negara komited dalam memenuhi aspirasi merakyatkan statistik dan pembuatan keputusan berdasarkan bukti.

SESI POST-MORTEM BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020 (BANCI MALAYSIA 2020)

Sesi Post-Mortem Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) telah diadakan pada 24 hingga 26 November 2022. Sesi post-mortem ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan. Objektif utama sesi ini adalah untuk membincangkan mengenai pengalaman, cabaran/ isu yang berbangkit sepanjang pelaksanaan Banci Malaysia 2020 (fasa sebelum, semasa dan selepas banci) serta merangka penambahbaikan bagi Banci Penduduk dan Perumahan yang akan datang.

Seramai 89 orang peserta telah menyertai sesi post-mortem ini yang terdiri daripada Pesuruhjaya Banci 2020, Timbalan-Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020, Penolong-Penolong Pesuruhjaya Banci 2020, ahli-ahli 13 Jawatankuasa Kerja Banci Malaysia 2020 (JKK Banci Malaysia 2020) dan peserta dari DOSM Negeri.



SURVEI EKONOMI TAHUNAN 2022

ANNUAL ECONOMIC SURVEY 2022 (AES 2022)

Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 bagi tujuan membendung penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan ini telah memberi kesan langsung ke atas pertumbuhan perniagaan sama ada menyebabkan penutupan operasi pertubuhan secara sementara atau kekal, perubahan *business model*, pemberhentian pekerja, kemunculan pertubuhan/ industri baharu atau berlakunya perubahan/ pertukaran industri dalam jangka masa pendek. Sehubungan itu, DOSM telah melaksanakan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bagi Tahun Rujukan 2021 untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan kesan pandemik ini terhadap ekonomi negara. Survei ini meliputi 1,095 industri di peringkat lima (5) digit dalam *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0* selaras dengan *International Standard Industrial Classification (ISIC) Ver. 4* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (UNSD)*. Sebanyak 110,000 pertubuhan perniagaan di Malaysia terpilih dalam perlaksanaan AES 2022 yang bermula pada 15 April 2022 hingga 30 September 2022.

Objektif pelaksanaan AES 2022 adalah seperti berikut:



BENGKEL PEMURNIAN SOAL SELIDIK DAN PANDUAN PENGISIAN AES 2022

Perbincangan secara maya telah diadakan secara bersiri di antara pihak SMD bagi memuktamadkan instrumen AES 2022. Bengkel Pemurnian Soal Selidik dan Panduan Pengisian AES 2022 turut diadakan pada 10 hingga 11 Januari 2022 bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi menyemak dan memuktamadkan soal selidik dan panduan pengisian AES 2022 serta memastikan soal selidik yang digunakan memenuhi keperluan Kerajaan dan stakeholders.


TAKLIMAT OPERASI KERJA LUAR AES 2022

Taklimat Operasi Kerja Luar AES 2022 kepada DOSM Negeri telah diadakan pada 22 hingga 25 Mac 2022 bertempat di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia, Sungkai, Perak. Objektif pengaturcaraan sesi taklimat ini adalah untuk menerangkan pendekatan, liputan dan konsep yang akan digunakan dalam AES 2022, membincangkan jadual pelaksanaan aktiviti AES 2022, menjelaskan penambahbaikan soalan dalam soal selidik AES 2022 serta membincangkan strategi pengumpulan data operasi di lapangan termasuk pungutan data melalui kaedah e-AES.



E-AES

Pengisian borang soal selidik AES secara atas talian merupakan kaedah baharu bagi kutipan data AES 2022. Kaedah ini membolehkan responden mengisi borang soal selidik AES dengan lebih mudah dan cepat serta keselamatan data terjamin. Sistem e-AES ini telah berfungsi sepenuhnya pada hari pelancaran operasi luar AES 2022 iaitu pada 15 April 2022.



LAWATAN DAN PEMANTAUAN KERJA LUAR AES 2022

Program Lawatan dan Pemantauan Kerja Luar AES 2022 ini melibatkan Subject Matter Division (SMD) iaitu Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (BPPIB), Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (BPP) dan Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (BPPAS) bersama DOSM Negeri. Selain daripada mengadakan perbincangan berkaitan isu-isu pengumpulan data di lapangan dan prosesan, pemantauan kerja luar ke pertubuhan terpilih juga telah diadakan. Program ini dilaksanakan bermula Jun hingga September 2022. Objektif lawatan adalah seperti berikut:

- ▶ perbincangan dua hala berkaitan isu-isu pengumpulan data di lapangan dan prosesan;
- ▶ memperkuuh kualiti data dan kadar respons survei;
- ▶ menentusahkan status pertubuhan bagi kes-kes Lain Keputusan dan pengemaskinian rangka Banci Ekonomi (BE 2023);
- ▶ memastikan kelancaran sistem iDEPS dan e-AES; dan
- ▶ meningkatkan pengetahuan *Subject Matter Expert* (SME) berkaitan operasi perniagaan, produk yang dikeluarkan oleh pertubuhan dan implementasi teknologi terkini dalam Revolusi Industri 4.0.

Jadual pemantauan ke DOSM Negeri adalah seperti berikut:

DOSM Negeri	Tarikh
DOSM Selangor	22 Jun 2022
DOSM Melaka	18 – 19 Ogos 2022
DOSM Pulau Pinang	18 – 19 Ogos 2022
DOSM Sabah	22 – 24 Ogos 2022
DOSM Pahang	23 – 24 Ogos 2022
DOSM Sarawak	23 – 25 Ogos 2022
DOSM Kedah	29 – 30 Ogos 2022
DOSM Negeri Sembilan	1 – 2 September 2022
DOSM Johor	5 – 6 September 2022
DOSM Terengganu	6 – 8 September 2022
DOSM Kelantan	12 – 13 September 2022
DOSM Perlis	14 – 15 September 2022
DOSM Perak	27 September 2022



PROGRAM SANGKUTAN AES 2022


Program Sangkutan AES 2022 telah diadakan di Bilik Seminar Aminuddin Baki, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli, Kelantan pada 26 Ogos 2022. Program ini merupakan satu platform untuk mengadakan perbincangan dua hala antara SMD terpilih dan semua DOSM Negeri bagi memastikan data yang dikumpul adalah berkualiti dan lengkap. Pihak SMD telah membuat pembentangan berkenaan laporan kemajuan operasi dan tangkapan data AES 2022 kepada Pengurusan Atasan dan DOSM Negeri. Hasil perbincangan ini membantu mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan, khasnya melibatkan aspek operasi dan prosesan untuk persediaan BE 2023. Seterusnya, hubungan dan kerjasama erat antara SMD dan DOSM Negeri juga dapat diwujudkan sekali gus membantu dalam penghasilan data yang berkualiti.



PEMBANGUNAN BORANG INTELLIGENT CHARACTER RECOGNITION (ICR) ANNUAL ECONOMY SURVEY (AES) 2022

Pembangunan sistem ICR meliputi aktiviti *definition*, *scripting*, *database creation*, *testing*, *deployment* dan lain-lain aktiviti berkaitan bermula Ogos 2022 sehingga Oktober 2022.

Penetapan medan-medan bagi borang ICR AES.



PELAKSANAAN ICR DALAM AES 2022 KE DOSM NEGERI

Pelaksanaan *installation*, *configuration*, pengujian dan latihan pengguna akhir bagi keperluan AES 2022 di semua DOSM Negeri bermula 12 September 2022 sehingga 5 Oktober 2022. Negeri yang terlibat adalah di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.



SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN) DAN SEDEKAD INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)



Pada 20 Oktober 2010, Hari Statistik Sedunia (*MyStats Day*) telah diisytiharkan oleh *United National General Assembly* (UNGA). Selepas itu, Hari Statistik Sedunia kedua telah diadakan pada 20 Oktober 2015 dan kini ia dianjurkan setiap lima tahun pada tarikh tersebut. Di Malaysia, Hari Statistik Sedunia telah disambut bermula pada tahun 2010 melalui penganjuran pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Bermula pada tahun 2017, Hari Statistik Negara (HSN) diisytiharkan di Malaysia dan disambut setiap tahun pada tarikh 20 Oktober. Sambutan HSN pada tahun 2022 cukup istimewa apabila ia disambut bersekali dengan ulang tahun ke-10 (sedekad) penubuhan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM).

TEMA

"Connecting The World With Data We Can Trust"

OBJEKTIF

OBJEKTIF



Meningkatkan kepentingan statistik sebagai asas (*central*) kemakmuran kehidupan bermasyarakat dan negara


Meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan komuniti tentang kepentingan statistik kepada negara

Memperkuuhkan lagi kerjasama dengan pihak berkepentingan khususnya bagi proses pengumpulan data Jabatan

Mengiktiraf sumbangan ahli statistik di Malaysia, terutama dalam pengurusan statistik rasmi berdasarkan asas-asas perkhidmatan, integriti dan profesionalisme

Mempromosikan aktiviti-aktiviti DOSM semasa Hari Statistik Negara 2022

AKTIVITI UTAMA DAN ROAD TO HSN



MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL STATISTIK BERSEMPENA SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA (HSN) 2022 DAN SEDEKAD INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)

Majlis Perasmian Karnival Statistik bersempena HSN 2022 dan Sedekad ILSM telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada 20 Oktober 2022 di ILSM, Sungkai, Perak. Majlis turut diserikan dengan gimik pelancaran dan penyampaian hadiah bagi pemenang Pertandingan Debat Statistik antara Institusi Pengajian Tinggi 2022 dan Pertandingan Dashboard Geographic Information System (GIS). Seramai 300 orang jemputan terdiri daripada wakil agensi Kerajaan dan Swasta, wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pengarah-pengarah Negeri dan Penghulu-penghulu Kampung setempat telah hadir untuk turut sama memeriahkan program ini.



AKTIVITI-AKTIVITI KARNIVAL STATISTIK 2022

Semua aktiviti yang dijalankan sepanjang Karnival Statistik 2022 bersempena HSN 2022:

Fit Dance



Program Derma Darah oleh Hospital Slim River



Saringan Kesihatan oleh Klinik Kesihatan Sungai



Info Busking oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen)



Sesi Talk dan kuiz daripada pelbagai agensi jemputan



Jualan Usahawan Kecil dan Sederhana



Pameran dan Kaunter Bergerak oleh Agensi Kerajaan dan Swasta



Karnival Kerjaya MYFutureJobs



Demonstrasi dan Taklimat Keselamatan Kebakaran



Stats Fit Perdana

**GIS Theme Quick Capture
(Treasure Hunt Using Mobile App)**

GIS Dashboard
Pertandingan Mencipta Dashboard GIS Pintar

GIS TreasureHunt
Pertandingan "Treasure Hunt GIS"

Mari Sertai Pertandingan
Treasure Hunt GIS-Pintar
Bersamaan Hari Statistik
Negara 2022!

Tarikh: 21 Oktober 2022
Masa Pertandingan: 11:00 - 12:00 Tengahari
Tempat: Dataran ILSM, Putrajaya
Sasaran Permohonan: 10:00 Pag

**Pertandingan Bercerita, Mewarna, Bento Sihat dan Kraf Kreatif bersama Tabika Kemas****Pertandingan Memasak****Persembahan Kebudayaan****Kenduri Doa Kesyukuran Sedekad ILSM**

PERTANDINGAN DEBAT STATISTIK ANTARA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI 2022

Buat pertama kali, pertandingan Debat Statistik antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2022 telah dianjurkan oleh DOSM pada 18 hingga 19 Oktober 2022 di ILSM, Sungkai, Perak. Sebanyak 12 IPT telah menghantar pasukan debat masing-masing bagi menyertai pertandingan ini. Johan pertandingan ini telah dirangkul oleh pasukan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) manakala Naib Johan disandang oleh pasukan daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP).



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

Kemuncak bagi sambutan HSN 2022 ialah penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam (FPEI) bertema 'Nadi Negaraku' yang menyaksikan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah mencemar duli untuk turut menyerikan program ini. Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia; dan YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak serta Ketua Jabatan dan agensi di Perak.



9TH MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE (MYSTATS) 2022



Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) adalah acara tahunan yang dianjurkan secara bersama antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM). Program ini telah dianjurkan buat julung kalinya pada tahun 2012 dan telah dianjurkan secara konsisten pada setiap tahun kecuali pada tahun 2014 dan 2019. Objektif persidangan ini adalah untuk membincangkan analisis dan penemuan baharu serta berkongsi pandangan dan idea antara perangkawan, penyelidik, pakar statistik dan pengguna data. Ia menyentuh aspek berkaitan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi di negara ini.



MyStats 2022 adalah persidangan kali ke-9 yang telah dianjurkan pada 5 Oktober 2022 dengan tema **"Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan"** atau **"Dealing with Uncertainties: Unearthing Measures for Recovery"**. Bersempena dengan acara ini, kursus pendek secara maya juga telah dianjurkan pada 4 Oktober 2022.






SHORT COURSES (KURSUS PENDEK)

Sempena Persidangan Statistik Malaysia 2022 kali ke-9, kursus pendek secara maya juga telah diadakan pada 4 Oktober 2022. Selaras dengan tema persidangan, kursus ini telah menampilkan penceramah tempatan dan antarabangsa yang berkongsi pengetahuan dan kepakaran masing-masing seperti di bawah:

Sesi	Tajuk	Penceramah	Organisasi
Parallel Session 1	1a	e-Commerce: Web Scraping Using Beautiful Soup	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	1b	Sharing Experiences, Tips & Uncertainty In Statistical Consulting Projects	Perunding Tamadun Teras Sdn Bhd
Parallel Session 2	2a	Managing Uncertainties in Data Analytics	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	2b	Embracing Society 5.0: The Need for Dynamic and Well Informed Data	INCEIF University
Parallel Session 3	3a	Food Security: Resilience in the Face of Uncertainty	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
	3b	Usage of Big Data to Improve the Quality of Tourism Statistics	Bank of Italy



9th MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE
Department of Statistics Malaysia
Brought to you by the Department of Statistics Malaysia

VIRTUAL SHORT COURSES
IN CONJUNCTION WITH 9th MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE (MYSSTATS) 2022

PARALLEL SESSION 3

Dr. Khairil Anuar Md. Idris
Senior Lecturer
• PhD in Health Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM)
• Lecture at Faculty of Health Science, UPMK Puncak Alam

Food Security: Resiliency in the Face of Uncertainty
This course will provide the audience the evidence on food security as it has come to the fore as a national and global issue in recent years. Food security is about more than just making sure there is enough to eat. It is also about availability, access, and sustainability. This course will cover the concept of food security, its importance to the population, and even supply chain disruptions such as those experienced during the pandemic, ensuring food security is of utmost importance. Malaysia remains vulnerable to food insecurity in the future due to being reliant on imports for most of its food needs. This course will also cover the concept of food poverty, which refers to the inability of people to afford enough food to meet their nutritional needs. This course will also cover the concept of food inflation, which is potentially linked to high food prices in the future. Again, solving the whole crisis in its parts is not the answer; instead, in this lecture, we will try to find out what food security is, what its consequences are, and how it is related to food poverty. At the end of this lecture, you will gain some ideas on how the data science community can help improve, if not eliminate, food poverty in our country.

Dr. Cesareo Catellani
Professor of Italy
• PhD in Mathematics of Natural, Social and Life Sciences, Gran Sasso Science Institute
• Primary research in the fields of Applied Probability, Graph Theory and Evolutionary systems

Usage of Data to Improve the quality of Tourism Statistics
In tourism statistics, the search for timelier and cheaper data sources than the traditional ones, like surveys, is becoming more and more important. In session will share with our investigation - how mobile phone data can be used to estimate the number of international tourists (IntTour) and the balance of payments (BoP). We find that MPO have the characteristics to improve the estimates on the number of international travellers and to be integrated with the survey data. The same approach can be applied to estimate the balance of payments. We will also share the results of the empirical study on the usage of electronic payment data for estimating the travel expenditure of tourists and we propose methods for producing timely and accurate estimates of IntTour and BoP's purpose. Google Trends analysis and we propose methods to produce the sample estimation of international travellers and to improve the quality of provisional data, although the break in time series caused by the pandemic also restricts the limits of this source.

PERSIDANGAN

Program Persidangan dibahagi kepada tiga sesi iaitu sesi plenari, forum dan selari (parallel) telah diadakan pada 5 Oktober 2022. Sesi plenari telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, dengan bersama seorang ahli panel jemputan iaitu YBhg. Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Abas, Profesor Ikhtisas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membicarakan tema yang telah dipilih pada tahun ini. Sesi forum pula, dibahagikan kepada dua bahagian diikuti yang menampilkan empat panel jemputan bagi setiap sesi dan moderator untuk sesi pertama ialah YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial dan Pembangunan Teknikal) manakala moderator untuk sesi kedua pula ialah Prof. Madya Dr. Rabeatul Husna Abdull Rahman, Penolong Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Selain itu, 12 pembentangan secara lisan dan 9 pembentangan poster saintifik telah dibentangkan semasa sesi selari mengikut empat sub-tema yang telah ditetapkan.

Sesi	Tajuk	Moderator	Panel
Plenari	Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan	Puan Betty Hasan Pengarah Kanan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)	YBhg. Prof Datuk Dr. Mohd Gazali Abas Profesor IkhtisasUniversiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Forum 1	Dasar Gaji Minimum di Malaysia: Kesannya dan Kesediaan Majikan	YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial dan Pembangunan Teknikal)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YBhg. Prof Emeritus Tan Sri Anuwar bin Ali Canselor University of Cyberjaya 2. YBhg. Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) 3. Encik Mohd Effendy bin Abdul Ghani Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) 4. Dr. Wye Chung Khain Pensyarah Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Forum 2	Diaspora Malaysia: Brain Drain atau Brain Gain	Prof. Madya Dr. Rabeatul Husna Abdull Rahman Penolong Dekan Fakulti Sains Sosial dan KemanusiaanSekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dato' Nathan K. SuppiahTimbalan Presiden Persekutuan Pekilang - Pekilang Malaysia (FMM) 2. Encik Abd Razak Ithnain Pengurus Kanan Operasi Unit Strategik Modal Insan Kerajaan Negeri Johor 3. Encik Luqman Ahmad Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan Unit Perancang Ekonomi 4. Encik Nazrul Aziz Naib Presiden Graduan, Diaspora & Hubungan Industri TalentCorp



SESI SELARI (PARALLEL SESSION)

Sesi	Moderator	Tajuk	Pembentang
Parallel Session 1	PS1(a)	Encik Muhammad Othman Eksekutif Kanan, Bank NegaraMalaysia	<p><i>Emerging Data Needs Due to the Evolving Financial Landscape</i></p> <p>Encik Mohamad Amjad Mohamed Zahari <i>Trade in Value Added (TiVA)Analysis: Malaysia's Interdependencies in the Production Structure Using Spatial Linkages Analysis</i></p> <p>Encik Jing lian Suah <i>An Application of the Interrupted Time Series Methodology to Evaluate Policy Impact Using Daily Data: The Impact of COVID-19 Cash Handouts on Daily Spending</i></p> <p>Puan Siti Hawa Sa'adun <i>Relationship between Gross Domestic Product (GDP) of Information and Communication Technology (ICT), Import Trade of ICT and Revenue of Services ICT</i></p>
	PS1(b)	Dr. Mai Zurwatul Ahlam Mohd Jaafar Pensyarah Kanan Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia	<p><i>Environmental Uncertainties: Statistical Modelling & Analysis</i></p> <p>Puan Umi Haryantie Mohd Hisham <i>Non-linear Regression of Pumping Rate for Jenderam Hilir Heterogeneous Aquifer</i></p> <p>Puan Idari Ismail <i>Bathtub Hazard Model with Covariates in the Presence of Right- and Interval-Censored Data</i></p> <p>Encik Ahmad Najmi Ariffinn <i>Application of Seamless Hybrid Geocoding Solution for Business Location using KAWASANKU API</i></p>
Parallel Session 2	PS2(a)	Dr. Norli Anida Abdullah Pensyarah Kanan, Jabatan Matematik, Universiti Malaya	<p><i>Business Uncertainties: Risk Assessment and Optimization</i></p> <p>YBrs. Prof. Habshah Midi <i>Prediction Uncertainties: Dealing with Multicollinearity Caused by High Leverage Collinearity Enhancing Observations in Regression Analysis</i></p> <p>Puan Nur Fatihah Mohd Ali <i>Integrating a stream distance measure into a spatial outlier detection algorithm for locating pollution in Klang river basin</i></p> <p>Encik Chin Wen Cheong <i>Asymmetric Volatility and Risk Analysis of Bitcoin Market during the Pandemic</i></p>
	PS2(b)	Encik Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri Senior Director, Department of Statistics Malaysia	<p><i>Transition of Employment and Economic Structure from Pandemic to Recovery</i></p> <p>Encik Muhammad Shafiq Harun <i>Assessment of Malaysia's Employment Recovery Amid Covid-19 Crisis</i></p> <p>Y.M Tengku Noradilah Tengku Jalal <i>Random Forest Classification for Plantation of Rubber Area Using Digital Number Versus Reflectance Values</i></p> <p>Puan Wan Nuraliya Afifah Wan Ramli <i>Krisis Guna Tenaga dalam Sektor Pertanian di Malaysia</i></p>



KELUARAN STATISTIK BAHARU 2022

PENERBITAN BAHARU 2022

LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2021

Laporan ini memaparkan jumlah kerugian dan kerosakan tempat kediaman, kendaraan, premis perniagaan, industri pertanian, industri pembuatan, aset awam dan infrastruktur yang dialami akibat bencana banjir yang memberi kesan kepada hampir keseluruhan negeri di Malaysia iaitu Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Statistik yang dikeluarkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Impak Banjir di Malaysia, 2021 dan juga data pentadbiran yang diperoleh daripada pelbagai agensi. Statistik yang diterbitkan ini meliputi hingga peringkat daerah dan telah dikeluarkan pada 28 Januari 2022.



PENEMUAN UTAMA: BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA, 2020

Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 merangkumi parameter penting yang meliputi statistik penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan. Statistik lain yang tersedia juga adalah purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan, nisbah tanggungan, nisbah jantina, keluasan, kepadatan penduduk dan penduduk mengikut strata. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 digunakan bagi tujuan pengukuran pencapaian pelaksanaan dasar oleh kerajaan yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya menjana pertumbuhan mampan melalui pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Penerbitan ini telah dilancarkan semasa Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 Februari 2022 di Dewan Canselor, Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor.



STATISTIK SUBNASIONAL PARLIMEN DAN DUN, 2020

Statistik Subnasional Parlimen dan DUN diterbitkan julung kali sempena keluaran laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 bagi kesemua 222 parlimen. Penerbitan ini meliputi 12 statistik sosioekonomi yang terdiri daripada indikator maklumat asas, penduduk, perumahan, guna tenaga, pendapatan isi rumah, pendidikan, kesihatan, kemiskinan, keselamatan awam, internet dan media sosial serta kemudahan asas. Penerbitan yang mengandungi latar belakang setiap Parlimen ini turut memuatkan statistik bilangan pertubuhan/syarikat perniagaan mengikut sektor ekonomi yang beroperasi mengikut kawasan Parlimen masing-masing seperti stesen minyak, tadika swasta, kedai dobi, kedai runcit, bengkel kereta dan klinik gigi swasta dan lain-lain. Ketersediaan statistik yang meliputi hingga peringkat kawasan terkecil seperti Parlimen dan DUN ini dapat dimanfaatkan sebagai input penting oleh pelbagai pihak terutamanya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam usaha menambah baik tadbir urus kawasan dan menyediakan keperluan sosioekonomi secara lebih bersasar demi kesejahteraan rakyat. Penerbitan ini telah dilancarkan pada 14 Februari 2022 oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bertempat di Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor.



Kod QR untuk ke pautan senarai penerbitan Statistik Subnasional DUN, 2020

STATISTIK SUBNASIONAL DUN, 2020

Statistik Subnasional Dewan Undangan Negeri (DUN) merupakan penerbitan julung kali yang memaparkan statistik ekonomi dan sosial yang komprehensif beserta liputan khusus hingga ke peringkat DUN. Penerbitan Statistik Subnasional DUN ini merupakan rujukan penting kepada pihak berkepentingan dan pembuat dasar sebagai input kepada pelaksanaan keputusan, pemantauan dan penilaian keberkesanan program pembangunan negara serta penyelidikan di peringkat negeri, daerah pentadbiran, Parlimen dan DUN. Statistik Subnasional DUN ini diterbitkan buat pertama kalinya untuk semua 600 DUN di negara ini meliputi 12 statistik sosioekonomi antaranya penduduk, perumahan, tenaga buruh, pendapatan isi rumah dan kemudahan asas. Penerbitan ini telah dilancarkan pada 29 Mei 2022 oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Jeli, Kelantan.




PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020: DAERAH PENTADBIRAN

Penerbitan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran memuatkan statistik utama di peringkat geografi yang lebih kecil iaitu 156 daerah pentadbiran/jajahan, 1,756 mukim/daerah kecil dan 155 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penerbitan ini meliputi statistik penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan. Penerbitan ini telah dilancarkan semasa Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Subnasional DUN dan Penerbitan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah Pentadbiran di Maktab Rendah Sains MARA Jeli, Kelantan pada 29 Mei 2022 yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020: NEGERI

Penerbitan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Negeri telah diterbitkan pada 29 Mei 2022 dan memuatkan statistik utama di peringkat negeri iaitu melibatkan 13 buah negeri dan 3 wilayah persekutuan. Penerbitan ini mengandungi petunjuk/indikator utama iaitu penduduk, isi rumah, tempat kediaman, jantina, umur, kewarganegaraan, etnik, agama dan taraf perkahwinan.



PENEMUAN UTAMA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN MALAYSIA 2020: BANDAR DAN LUAR BANDAR

Penerbitan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020: Bandar dan Luar Bandar telah diterbitkan pada 23 Disember 2022. Penerbitan ini memaparkan statistik bandar dan luar bandar yang meliputi penduduk, tempat kediaman, isi rumah, etnik, jantina, umur, agama, taraf perkahwinan, purata saiz isi rumah persendirian serta paras perbandaran dalam bentuk spatial.



LAPORAN KAJIAN KHAS BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI 2022 MALAYSIA

Laporan ini memaparkan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang beroperasi di seluruh negara bagi tahun 2022. Laporan ini berasaskan kepada kajian yang bermula dari 3 April 2022 sehingga 29 April 2022 bagi Bazar Ramadan dan dari 14 April 2022 sehingga 29 April 2022 bagi Bazar Aidilfitri. Kajian ini dilaksanakan secara temu ramah bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon yang pemilihannya dibuat secara rawak terhadap peniaga di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia. Statistik yang diterbitkan adalah hingga peringkat daerah. Laporan ini diterbitkan pada 22 Jun 2022.




INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA/MALAYSIA HAPPINESS INDEX (MHI) 2021

Laporan pertama Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia/Malaysia Happiness Index (MHI) telah diterbitkan pada 22 Julai 2022. Laporan ini adalah berdasarkan Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia DOSM yang telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh DOSM pada tahun 2021. Objektif survei adalah untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia. MHI dinilai berdasarkan 13 komponen iaitu keluarga, perumahan dan alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan, kemudahan komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja, pendapatan, keselamatan awam, penggunaan masa, amalan kerohanian, kebudayaan dan pengalaman emosi. Penerbitan ini memaparkan skor kebahagiaan mengikut negeri, strata, jantina, kumpulan etnik, kumpulan umur, taraf perkahwinan dan pencapaian pendidikan. Skor Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) 2021 mencatatkan 6.48 dan berada pada tahap Bahagia.

STATISTIK BUMIPUTERA, 2022

Laporan ini memaparkan statistik berkaitan Bumiputera dalam bidang sosial dan ekonomi. Statistik sosial meliputi tema penduduk, hartanah, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan kebajikan, manakala statistik ekonomi terdiri daripada guna tenaga, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, profesi berdaftar, pertubuhan perniagaan, pelancongan, status kemiskinan eKasih dan matriks perakaunan sosial. Statistik dalam penerbitan ini merupakan kompilasi statistik yang diperoleh daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Statistik yang diterbitkan ini merangkumi peringkat nasional dan negeri bagi tahun 2017 hingga 2022. Laporan ini diterbitkan pada 6 Disember 2022.




MY LOCAL STATS MALAYSIA, 2021

My Local Stats, 2021 merupakan penerbitan ke-5 yang memaparkan statistik ekonomi dan sosial yang komprehensif hingga peringkat daerah pentadbiran. Statistik dalam penerbitan ini meliputi 20 bidang iaitu Maklumat Asas; Penduduk; Perumahan; Guna Tenaga; Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Pelancongan, Pengangkutan & Rekreasi; Internet dan Media Sosial; Kemudahan Asas; Keluaran Dalam Negeri Kasar; Indeks Harga Pengguna; Eksport dan Import; Pertanian; Perlombongan dan Pengkuarian; Pembuatan; Pembinaan dan Perkhidmatan.

Penerbitan kali ini meliputi 39 jadual baharu di peringkat Malaysia, 18 jadual baharu di peringkat negeri dan 15 jadual baharu di peringkat daerah pentadbiran yang melibatkan bidang berikut:

- i. Maklumat Asas;
- ii. Perumahan;
- iii. Guna Tenaga;
- iv. Pendidikan;
- v. Kesihatan;
- vi. Perkhidmatan Kebajikan;
- vii. Pelancongan, Pengangkutan & Rekreasi;
- viii. Kemudahan Asas;
- ix. Keselamatan Awam;
- x. Eksport & Import; dan
- xi. Pertanian.



INDIKATOR MATLAMAT MAMPAK / SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) INDICATORS, MALAYSIA, 2021

Laporan Indikator SDG, Malaysia, 2021 merupakan penerbitan ke-4 yang meliputi 175 indikator (71%) di peringkat nasional dengan tambahan 29 indikator baharu dan 20 indikator di peringkat daerah pentadbiran. Buat julung kalinya pada tahun ini, Laporan ini diterbitkan dalam lima penerbitan mengikut tema dan sebuah ringkasan eksekutif. Perincian mengikut Penerbitan adalah:

- ▶ **Buku Pertama** – Ringkasan Eksekutif
- ▶ **Buku Kedua** – Kemajuan Masyarakat (meliputi 5 Goal iaitu 1,2,3,4 dan 5)
- ▶ **Buku Ketiga** – Kemakmuran (meliputi 5 Goal iaitu 7,8,9,10, dan 11)
- ▶ **Buku Keempat** – Penjagaan Bumi (meliputi 5 Goal iaitu 6,12, 13, 14 dan 15)
- ▶ **Buku Kelima** – Keamanan dan Kerjasama (meliputi 2 Goal iaitu 16 dan 17)




LAPORAN KAJIAN KHAS KOS PENGETAHUAN AYAM DAN TELUR, 2022

Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur, 2022 diterbitkan oleh DOSM menggambarkan senario terkini yang dihadapi oleh pengeluar ayam dan telur di Malaysia. Laporan ini memaparkan pengenalan kepada industri ayam dan telur di Malaysia serta analisis yang dikeluarkan adalah merupakan dapatan daripada pelaksanaan Survei Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur, 2022 yang memaparkan analisis berkenaan kos pengeluaran dalam penghasilan daging ayam dan telur di Malaysia. Pada September 2022, DOSM telah melaksanakan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur bagi menyediakan input dan sokongan kepada Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dalam mengenal pasti kos pengeluaran ayam dan telur di peringkat ladang, borong dan runcit. Kajian ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bermula pada 1 September hingga 30 September 2022 melalui survei dalam talian dan secara bersemuka dengan syarikat penternak, pemborong dan peruncit ayam terpilih di seluruh Malaysia.



KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENUBUHAN NATIONAL LABOUR INSTITUTE (NLI)

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keperluan atau rasional bagi penubuhan National Labour Institute (NLI) di negara ini yang akan berperanan sebagai institusi utama dalam melaksanakan penyelidikan dan menyediakan latihan kepada masyarakat industri mengenai dasar dan undang-undang perburuhan, sumber manusia dan perhubungan perusahaan negara. Pelaksanaan kajian ini adalah bagi memenuhi keperluan cadangan atau strategi yang telah dinyatakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi menambah baik pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, perburuhan dan perhubungan perusahaan negara. Kajian ini telah dilaksanakan pada bulan Jun 2021 dan berakhir pada bulan Mac 2022.



KAJIAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL RAKYAT MALAYSIA BEKERJA DI LUAR NEGARA: SINGAPURA

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan perlindungan keselamatan sosial yang diterima sepanjang tempoh mereka berada atau bekerja di negara berkenaan. Kajian ini dilaksanakan kerana pangkalan data bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura masih belum diwujudkan dan pembangunannya akan membolehkan Kerajaan mengenal pasti profil rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan memudahkan Kerajaan untuk berhubung dengan mereka. Profil dan dapatan kajian ini juga bertujuan untuk membolehkan Kerajaan merangka dasar yang bersesuaian khususnya berkaitan skim perlindungan keselamatan sosial untuk menjaga kebijakan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Kajian ini yang dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah bermula pada bulan November 2021 dan berakhir pada bulan Disember 2022.

KAJIAN MENGENAI ISU PERUNDANGAN PERBURUHAN, PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DAN PERLINDUNGAN SOSIAL: PEKERJA GIG DALAM PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN DAN BARANGAN YANG BEKERJA SENDIRI

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai jumlah pekerja GIG dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barang terutama yang menggunakan platform penyedia perkhidmatan. Kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenal pasti isu-isu serta rekomendasi bersesuaian yang melibatkan pekerja GIG dalam perkhidmatan penghantaran makanan dan barang yang bekerja sendiri berhubung perundangan perburuhan, perhubungan perusahaan dan perlindungan sosial. Selain itu, pada masa ini tiada peruntukan yang jelas berkaitan perundangan perburuhan yang melindungi hak dan kebijakan pekerja-pekerja perkhidmatan penghantaran makanan dan barang terutama yang menggunakan syarikat penyedia perkhidmatan. Kajian ini telah dilaksanakan pada bulan November 2021 dan berakhir pada Disember 2022.



DIARI DOSM

14 JANUARI 2022

Sesi Townhall bersama Ketua Perangkawan Malaysia dengan pegawai-pegawai DOSM yang telah selesai menghadiri kursus Statistical Competencies Development Programme (SCDP)



1 - 27 JANUARI 2022

Aktiviti pelaksanaan Survei Impak Banjir di Malaysia, 2021

27 JANUARI 2022

Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara Bilangan 1 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia



16 FEBRUARI 2022

Mesyuarat Penyelarasan Data Keluasan Hutan untuk Pembangunan MySEEA Akaun Tanah Malaysia bersama PLANMalaysia dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

1 MAC 2022

Penyerahan watikah pelantikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia kepada Encik Wan Mohd Sharulnizam bin Wan Mohd Najuri sebagai Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD) dan Puan Jamaliah binti Jaafar sebagai Pengarah Eksekutif Malaysia Bureau of Labour Statistics (MBLS)

2 MAC 2022

Sesi Taklimat Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan MyLocal Stats 2020 kepada Ahli Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia. Taklimat ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan disempurnakan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

**7 MAC 2022**

Mid-Year Review Meeting antara World Bank Group bersama DOSM

30 MAC – 1 APRIL 2022

Penyerahan watikah pelantikan pemangku Perangkawan Gred E41 ke Perangkawan Gred E41/E44 Fleksi kepada 62 orang Perangkawan oleh Ketua Perangkawan Malaysia

**30 MAC – 1 APRIL 2022**

Bengkel Penstrukturkan Jabatan 2022 bertempat di Hotel Dorsett, Kuala Lumpur

31 MAC 2022



Pelancaran Sistem Pemantauan Operasi Tugas (SPOT-Me) yang akan digunakan sepenuhnya warga DOSM bermula 1 April 2022 oleh Ketua Perangkawan Malaysia

11 – 15 APRIL 2023

Program Audit Pensijilan semula ISO/IEC 27001:2013 ISMS (Skop: "Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) di DOSM Kedah, DOSM Perak dan Ibu Pejabat DOSM



13 MEI 2022



Sidang Media dan Sesi Pengumuman Data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Pertama 2022 bersama Ketua Perangkawan Malaysia dan Gabenor Bank Negara

13 MEI 2023

Penyerahan watikah pelantikan pemangkuan Perangkawan Gred E44 ke Perangkawan Gred E48 oleh Ketua Perangkawan Malaysia



23 MEI 2022



Bengkel Pemantapan Kader ke Arah Pelantikan Chief Data Officer (CDO) melibatkan seramai 48 Perangkawan gred E48 yang sedang berkhidmat di 11 Kementerian dan Agensi dirasmikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia

27 MEI 2022

Majlis Perasmian dan Penyerahan Siap Kerja serta Penyerahan Kunci Aras 7, Aras 8, Aras 9 dan Bilik Studio Blok C7, Kompleks C kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.

**7 JUN 2022**

Lawatan DOSM ke Pos Malaysia Berhad bagi mengukuhkan jalinan kerjasama antara DOSM dan responden, memahami lebih terperinci operasi Pos Malaysia serta menguar-uarkan survei semasa dan Banci Ekonomi akan datang

16 JUN 2022

Lawatan tapak DOSM bersama Indah Water Konsortium Sdn. Bhd di Pantai 2 (IWK)

**30 JUN 2022**

Sidang Media Prestasi Data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Negeri, 2021 oleh Ketua Perangkawan Malaysia

1 JULAI 2022

Sesi perbincangan bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) meliputi proses memuktamadkan dokumen kerjasama DOSM-MYSA dan cadangan projek kolaborasi DOSM-MYSA



3 JULAI 2022

DOSM menerima Anugerah Kecemerlangan Pendokong Perkongsian Data Nasional (Sektor Awam) di Majlis Anugerah Penghargaan Industri Ekonomi Digital Malaysia sempena sambutan Jubli Perak MDEC.



14 JULAI 2022

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Banci Pertanian bersama EPU dan MAFI bertempat di Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Wisma Tani, KPKM

15 JULAI 2022

Lawatan Kerja DOSM ke Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



21 JULAI 2022



Majlis sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Jabatan Perangkaan Malaysia sempena Hari Penduduk Sedunia pada 11 Julai dan Pelancaran *MyDemography Dashboard* yang dirasmikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia

22 JULAI 2022

Majlis Pelancaran Laporan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia 2021



26 – 27 JULAI 2023



Penyertaan wakil DOSM dalam program Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Jabatan Perdana Menteri Tahun 2022 (KIK JPM 2022) di Bilik Serbaguna 1, Setia Perdana 1, Kompleks Setia Perdana, Jabatan Perdana Menteri.

12 OGOS 2022

Sidang Media Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Kedua 2022



28 OGOS 2022



Lawatan delegasi DOSM ke Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)

29 DAN 30 OGOS 2022

Lawatan Kerja DOSM ke Fasiliti Petronas di Kuala Terengganu, Kerteh dan Kuantan



30 OGOS 2022



Sambutan Bulan Kemerdekaan DOSM

26 – 30 SEPTEMBER 2022

Sesi libat urus bersama wakil penternak ayam dan telur di setiap negeri seluruh Malaysia melibatkan sebanyak 237 syarikat dan 425 ladang dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di setiap negeri



11 OKTOBER 2022

Sesi lawatan ke syarikat ladang ternakan ayam dan telur terpilih untuk sesi ujian rintis Survei Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam dan Telur, 2022

12 – 13 OKTOBER 2022 & 25 – 26 OKTOBER 2022

Sesi Interaktif Penghasilan Statistik Akaun Negara bagi negeri dan daerah anjuran Bahagian Perangkaan Akaun Negara (BPAN) bersama DOSM Negeri Zon Tengah dan Zon Timur



11 NOVEMBER 2022



Sidang Media Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Ketiga 2022

22 NOVEMBER 2022

Sambutan Hari Integriti Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Tahun 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM



29 NOVEMBER 2022



Majlis Sekalung Budi Kenangan Abadi YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed bertempat di Dewan Anggerik, DOSM

1 DISEMBER 2022

Sesi pelepasan kontinjen MAKSWIP DOSM



2 DISEMBER 2022



Majlis Perasmian Intelligent Data Lounge (IDL) StatsDW® 2.0

9 DISEMBER 2022

Lawatan kerja YB Mohd Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi ke DOSM



23 DISEMBER 2022



Sidang Media Indeks Harga Pengguna (IHP) November 2022 oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia



MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

Perjawatan

Institut Latihan Statistik Malaysia
(ILSM)

Kursus dan Program Latihan

Pengiktirafan dan Pencapaian
Anggota DOSM

084	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	099
085	Lawatan Rasmi	
088	Ketua Perangkawan Malaysia	105
096		



PERJAWATAN

Secara keseluruhannya, pada tahun 2022 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mempunyai 3,180 perjawatan terdiri daripada 1,028 perjawatan di Ibu Pejabat dan 2,152 perjawatan di peringkat Negeri. Bilangan pengisian anggota di DOSM secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2022 adalah pada kadar 92.2%.

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred Jawatan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Pengisian	Peratusan Pengisian
1	Kumpulan Pengurusan Tertinggi	JUSA	11	11	100%
2	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	41 hingga 54	456	433	95%
3	Kumpulan Pelaksana (Kumpulan B) (Gred 29 hingga 40 dan setaraf)	29 hingga 40	401	380	94.8%
4	Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 19 hingga 28 dan setaraf)	19 hingga 28	2,182	1,984	90.9%
5	Kumpulan Pelaksana (Kumpulan C) (Gred 1 hingga 18 dan setaraf)	1 hingga 18	130	123	94.6%
Jumlah			3,180	2,931	92.2%



JUMLAH BILANGAN PERJAWATAN

3,180

JUMLAH BILANGAN PENGISIAN

2,931

JUMLAH PERATUSAN PENGISIAN

92.2%

PENGISIAN ANGGOTA DOSM MENGIKUT JANTINA

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Jantina	
		Lelaki	Perempuan
1	Pengurusan Tertinggi	4	7
2	Pengurusan dan Profesional	155	283
3	Pelaksana	1,033	1,449
Jumlah		1,192 (40.7%)	1,739 (59.3%)

PERJAWATAN KADER

Sebanyak 243 perjawatan kader diwujudkan di pelbagai kementerian, agensi dan jabatan yang lain. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 215 (88.5%) telah diisi. Penempatan ini adalah berdasarkan waran perjawatan dan kelulusan daripada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang dipohon daripada agensi masing-masing.

INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM)

VISI

Institusi Pembangun Kompetensi Statistik yang Dinamik

ILSM sebagai institusi latihan dalam bidang berkaitan statistik komited untuk menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Institut berlitzam memantapkan kompetensi perkhidmatan statistik yang berpaksikan modal insan berpengetahuan tinggi.

MISI

Memperkasa modal insan ke arah penyampaian perkhidmatan statistik mutakhir dan andal

Misi ILSM untuk memperkasa modal insan adalah berteraskan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan personel. Pemantapan kompetensi anggota menjamin perkhidmatan statistik yang disampaikan adalah seiring dengan permintaan terkini dan andal.

MOTO

"Statistik Mencetus Minda Inovatif"





LATAR BELAKANG

Institut yang diilhamkan lebih 20 tahun lalu ini bermula pada tahun 1987 dengan penubuhan sebuah kumpulan kerja pembangunan sumber manusia bagi merancang pembangunan program latihan di Jabatan Perangkaan Malaysia. Sejak ditubuhkan pada tahun 2011, institut ini telah menjadi nadi dan wadah kepada tradisi kecemerlangan warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). ILSM yang mula beroperasi pada tahun 2012 ini telah melaksanakan kursus pertama bagi Gred 17 dan Gred 27 pada 5 sehingga 7 Mac 2012. Iltizam ILSM adalah untuk terus komited dan kekal relevan sebagai sebuah institusi pembelajaran yang terunggul dalam bidang statistik.

SEDEKAD ILSM

Sempena penubuhan ILSM yang telah mencapai usia sedekad, Institut telah berjaya menganjurkan Majlis Doa Selamat dan Berbuka Puasa pada 20 April 2022. Pengisian program bermula dengan aktiviti penyediaan dan edaran bubur lambuk yang juga melibatkan kerjasama warga kerja DOSM Perak. Aktiviti diteruskan dengan penyerahan sumbangan kepada asnaf dan serta majlis berbuka puasa. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat, pelajar daripada Maahad Tahfiz dan golongan asnaf sekitar daerah Batang Padang.

Sejajar dengan penubuhan institut yang telah mencapai usia sedekad, sambutan Hari Statistik Negara (HSN) diraikan bersekali dengan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM). Kemuncak program melibatkan penganjuran Program Debat Statistik IPT, Karnival Statistik 2022 dan Majlis Forum Perdana Ehwal Islam.

Pengisian program Karnival Statistik 2022 turut melibatkan kerjasama pihak tempatan dan komuniti setempat seperti penganjuran yang menganjurkan aktiviti seperti Jualan Bantu Rakyat Kedai Bergerak, pertandingan memasak, pertandingan mewarna dan kenduri kesyukuran sempena Sedekad ILSM.



KURSUS DAN PROGRAM LATIHAN

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 20 kursus dalaman telah dilaksanakan secara bersemuka dan 2 kursus pula secara dalam talian oleh ILSM. Perincian kategori kursus adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Kursus	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
1	Functional	21	441
2	Generik	1	39
Jumlah		22	480

Nama Kursus	Tarikh
Statistical Competencies Development Programme (SCDP) E41 & E29	15 Nov 2021- 7 Jan 2022
Metodologi Penyelidikan dan Penulisan Manuskrip	8-10 Feb
Indeks Statistik: Konsep, Pengiraan dan Semakan	8-9 Feb
Kursus Jangka Pendek Demografi & Kependudukan Bersama Universiti Malaya	15-18 Feb
Pengurusan Banci dan Penyiasatan Sosial	15-16 Feb
Statistical Competencies Development Programme (SCDP) E19	1-14 Mac
Penganalisaan Data Menggunakan Perisian SPSS	8-9 Mac
Sains Data I - Asas	29-30 Mac
Bengkel Persaraan	29-31 Mac
Pengenalan Banci Dan Penyiasatan Ekonomi	20-30 Apr
Prinsip Ekonomi	20-30 Apr
Pengenalan Kepada Rangka Statistik	24-25 Mei
Sains Data II - Pengurusan Data	8-9 Jun
Pengenalan Kepada Banci dan Penyiasatan Sosial	15-16 Jun
Pemahaman Soal Selidik dan Pengoperasian	19-21 Julai
Sains Data III - Analisis Data	19-20 Julai
Asas dan Aplikasi ArcGis	26-27 Julai
Pengurusan dan Penganalisaan Data Menggunakan Perisian SAS Programming	3-4 Ogos
Aplikasi dan Analisis Menggunakan ArcGIS	16-17 Ogos
Sains Data IV - Analisis Data Lanjutan	24-25 Ogos
Konsep dan Asas Kerangka Statistik Rasmi (Bagi Anggota Bukan Skim E)	20-22 Sep
R Programming	20-21 Sep

Sepanjang tahun 2022 juga, sebanyak 577 kursus/ seminar/ bengkel dalam Jabatan telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada seramai 3,414 warga DOSM untuk tujuan peningkatan ilmu dan kemahiran kerja. Perincian kategori kursus adalah seperti berikut:

KURSUS	JANUARI - DISEMBER 2022	
	Bilangan Kursus/ Seminar/ Bengkel	Bilangan Peserta
Dalam Jabatan	16	1,771
Luar Jabatan (Kerajaan)	518	1,512
Luar Jabatan (Swasta)	43	131
Jumlah	577	3,414

WORKSHOP ON REVISED NEW STRUCTURED OF ISIC REV. 4

Bengkel ini telah diadakan pada 14 Mac 2022 di Bilik Seminar, Aras 2, DOSM, Putrajaya (secara fizikal dan dalam talian) yang dihadiri oleh Bahagian Butiran Perkara (SMD) dari Program Ekonomi, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal, serta DOSM Negeri. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pemakluman kepada SMD dan DOSM Negeri mengenai perubahan draf struktur ISIC Rev. 4 yang telah dipersetujui oleh United Nations Statistical Commission (UNSC) sewaktu sesi 53rd Session of the United Nations Statistical Commission serta mengadakan perbincangan dua hala memandangkan perubahan ISIC ini melibatkan pewujudan kod baharu, perubahan pada diskripsi kod, perubahan pada struktur serta pengenalan kepada beberapa terma baharu.



SAS DATA SCIENTIST 2.0



Seramai sepuluh (10) orang Saintis Data di bawah program kerjasama DOSM – SAS Institute telah diraikan pada satu majlis graduasi di Le Meridien Putrajaya pada 28 Mac 2022. Program SAS Certified Data Scientists adalah inisiatif berterusan DOSM bagi tujuan pembangunan kapasiti Saintis Data yang menggunakan aplikasi Sains Data sepenuhnya dalam menghasilkan statistik rasmi. Kemahiran Saintis Data menjadi asas penting dalam merealisasikan inisiatif Ekonomi Digital Nasional dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

BENGKEL PENUBUHAN NATIONAL BIG DATA ANALYTICS CENTRE (NBDAC)

Satu Bengkel Cadangan Penstruktur NBDAC telah diadakan pada 19 April 2022 di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya bagi memuktamadkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Penubuhan NBDAC sebelum dikemukakan kepada Kabinet.



BENGKEL PENGEMASKINIAN KOD PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA (MSIC) 2008 VERSI 1.0

Bengkel ini telah dianjurkan pada 13 hingga 14 Julai 2022 di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya dan melibatkan kehadiran peserta daripada 5 Bahagian Butiran Perkara (SMD) serta 51 Kementerian/ Agensi. Tujuannya adalah untuk memaklumkan tentang perubahan ISIC kepada Kementerian/ Agensi terlibat dan impak kepada struktur kod MSIC; mengadakan perbincangan dua hala antara DOSM dan Kementerian/ Agensi bagi menentukan keputusan input cadangan kod industri baharu, berkembang dan tidak signifikan yang telah dicadangkan sebelum ini; dan ke arah memuktamad dan mengeluarkan Kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.1.



BENGKEL PENGUKUHAN DATA PERTANIAN



Bengkel Pengukuhan Data Pertanian Siri 1/2022 telah dilaksanakan pada 15 hingga 17 Ogos 2022 bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya dan melibatkan penyertaan Pengarah Bahagian dan DOSM Negeri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Ekonomi (KE) dan agensi pertanian terpilih. Sesi bengkel memberi fokus kepada perkara asas dalam pelaksanaan banci pertanian. Manakala, Bengkel Pengukuhan Data Pertanian Siri 2/2022 telah diadakan pada 31 Oktober hingga 2 November 2022 bertempat di Auditorium Ahmad Noordin, Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan. Bengkel ini turut disertai oleh Pengarah Bahagian dan DOSM Negeri, KPKM, KE, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), dan agensi pertanian terpilih. Sesi bengkel memberi fokus kepada penetapan *threshold* dalam pelaksanaan banci pertanian.

BENGKEL PEMBANGUNAN INDIKATOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)



Program bersama Kementerian/ Agensi ini telah diadakan pada 18 Julai 2022 secara fizikal di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBrs. Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial dan Pembangunan Teknikal. Seramai 79 peserta yang mewakili 22 Kementerian/ Agensi, 4 Bahagian daripada DOSM, 5 Kumpulan Kerja Kluster dan Sekretariat Task Force SDG secara kolektif menyumbangkan input kritikal dalam bengkel ini. Sebanyak 58 indikator SDG telah dibincangkan bersama agensi bagi meningkatkan ketersediaan data dan sebanyak 13 Indikator telah tersedia hasil daripada pelaksanaan bengkel ini.

BENGKEL PELAN KOMUNIKASI PANGKALAN DATA PERLINDUNGAN SOSIAL (PDPS) – PENYELARASAN STRUKTUR DATA PERLINDUNGAN SOSIAL

Bengkel PDPS ini telah dikendalikan pada 21 Julai 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Chini 4 & 5, Doubletree by Hilton, Putrajaya bertujuan untuk merancang pelan komunikasi berkesan bagi pembangunan PDPS antara tiga agensi utama iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri serta DOSM.



BENGKEL PASUKAN KERJA PROJEK PEMBANGUNAN NEWSS 2.0

Bengkel Pasukan Kerja Projek Pembangunan NEWSS 2.0 telah diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2022 melibatkan 70 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan DOSM Negeri di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya. Bengkel khusus ini diadakan untuk membincangkan isu-isu dan penyelesaian serta elemen nilai tambah kepada pengguna sistem yang akan dibawa ke dalam kertas cadangan pembangunan NEWSS 2.0 akan datang.



KURSUS INTELLIGENT CHARACTER RECOGNITION (ICR)

Sesi kursus ICR ini melibatkan Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) bersama Personel MySTEP daripada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), DOSM. Sesi kursus ICRS Admin Training telah diadakan pada 3 hingga 4 Ogos 2022 di Bilik Prosesan Sabah & W.P. Labuan, Hab MyCensus Ibu Pejabat (Blok C7), Putrajaya. Manakala, sesi kursus ICR Deployment telah diadakan pada 7 hingga 8 September 2022 di Bilik PAT, BPM, DOSM, Putrajaya. Pasukan yang terlibat bertanggungjawab membangunkan sistem ICR yang meliputi *definition, scripting, database creation, testing, deployment* dan lain-lain aktiviti berkaitan. Pasukan ini juga terlibat dalam pelaksanaan ICR di negeri-negeri seperti *installation, configuration, pengujian* dan latihan pengguna akhir. Selain itu, pasukan juga membantu DOSM Negeri dalam menyelesaikan isu-isu teknikal menerusi saluran sistem *helpdesk, e-mel* dan kumpulan WhatsApp sepanjang penggunaan Sistem ICR.



BENGKEL PENYUSUNAN JADUAL PENAWARAN & PENGGUNAAN (SUT) DAN AKAUN PENGAGIHAN & PENGGUNAAN PENDAPATAN DAN AKAUN MODAL (APPPAM)



Bengkel yang dianjurkan pada 25 hingga 27 Ogos 2022 di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak ini menyaksikan penglibatan peserta dari Seksyen Makroekonomi Jadual Penawaran & Penggunaan (SMJPP), Bahagian Perangkaan Akaun Negara (BPAN) dan DOSM. Objektif program ini adalah untuk membincangkan definisi dan konsep Akaun Negara; memuktamadkan penyusunan SUT 2016 serta APPPAM 2019; menilai semula kaedah serta menambah baik metodologi penyusunan statistik penganggaran Akaun Negara serta keperluan strategik termasuk pengukuhan sumber data sedia ada dan juga yang baharu; serta menilai semula analisis statistik Akaun Negara berdasarkan situasi ekonomi semasa dan amalan dari statistik negara luar.

KOLOKIUM STATISTIK DOSM 2022

Kejayaan Banci Malaysia 2020: Ke Arah Kemampunan dan Kelestarian Keluarga Malaysia 2030

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) dengan kerjasama Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD) telah menganjurkan Kolokium Statistik DOSM. Penganjuran Kolokium ini adalah menjurus kepada perkongsian dan pembentangan kertas teknikal berkenaan data kependudukan yang merupakan tema utama. Kolokium Statistik 2022 telah diadakan di Dewan Sigma, ILSM bermula 13 hingga 14 September 2022 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Kolokium pada tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai 226 peserta di kalangan Perangkawan yang membentangkan sejumlah 20 kertas kerja teknikal.



SESI PENGUKUHAN PENYUSUNAN ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN KDNK SUKU TAHUNAN

Program ini telah dilaksanakan pada 25 hingga 27 September 2022 bertempat di Hotel Thistle, Port Dickson, Negeri Sembilan dengan penglibatan beberapa Bahagian daripada DOSM. Objektif program adalah untuk membincangkan ketersediaan data dan isu serta cabaran dalam penyusunan anggaran KDNK Awalan dan KDNK Suku Tahunan; menilai semula kaedah serta menambah baik metodologi penganggaran bagi data bulanan dan suku tahunan yang diperlukan bagi penyusunan anggaran KDNK Awalan dan KDNK Suku Tahunan; mengkaji keperluan strategik termasuk pengukuhan sumber data sedia ada dan juga yang baharu; dan membincangkan pelan komunikasi penerbitan statistik anggaran awalan kepada umum.



AWS-DOSM PRE DISCOVERY KICKOFF WORKSHOP

Bengkel ini telah dianjurkan pada 18 Oktober 2022 di Dewan Anggerik, Aras 2, DOSM, Putrajaya. Bengkel ini bermatlamat untuk mengumpul maklumat berhubung persekitaran semasa serta ketersediaan DOSM dalam proses migrasi ke persekitaran *cloud*. Isu-isu utama lain yang turut dibincangkan merangkumi isu seperti tadbir urus data (*data governance*), klasifikasi data (*data classification*), use cases serta sasaran DOSM dalam menerajui Pusat Analistik Data Raya (NBDAC).



KURSUS OPENING THE PANDORA'S BOX: MAKING SENSE OF OFFICIAL STATISTICS



Program ini telah dilaksanakan pada 25 Oktober 2022 bertempat di MIDA Sentral, Kuala Lumpur. Ceramah bagi topik Pelaburan dan Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa telah disampaikan oleh Cik Syahron Helmy binti Abdullah Halim dan Encik Mohd Suhaidi bin Mohd Rais daripada DOSM. Peserta kursus terdiri daripada lebih 60 orang pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri dan *Malaysian Investment Development Authority*.

TAKLIMAT INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), INDEKS KOS BAHAN BINAAN (IKB) & INTERNATIONAL COMPARISON PROGRAM (ICP) 2022

Pada 1 hingga 3 November 2022, taklimat Indeks Harga Pengguna (IHP), Indeks Kos Bahan Binaan (IKB) & *International Comparison Program* (ICP) 2022 telah dijalankan melibatkan seramai 64 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan DOSM Negeri di Negeri Sembilan. Antara objektif taklimat tersebut adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan IHP, IKB & ICP; sebagai medium percambahan idea dan pengetahuan dalam Pungutan Harga bagi memantapkan pelaksanaan kerja di lapangan serta prosesan data; memberikan pendedahan mengenai kepentingan kualiti data yang dipungut di lapangan kepada anggota negeri terutama berkaitan keputusan dan penyebaran maklumat kepada rakyat oleh penggubal dasar & kerajaan; dan memperkuatkkan inisiatif kerja berpasukan di kalangan peserta sebagai medium untuk menyampaikan perkara-perkara baharu serta membincangkan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan statistik.



SEMINAR STATISTIK BELIA KEBANGSAAN 2022

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menganjurkan Seminar Statistik Belia Kebangsaan dengan tema "Mengoptimumkan Keupayaan Generasi Muda Berpacuan Statistik dan Fakta". Seminar ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan data dan literasi statistik serta membudayakan fakta dalam kalangan masyarakat khususnya golongan belia. Seminar ini telah diadakan pada 3 November 2022 bertempat di Hotel Tenera, Bangi dan telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Ramona Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan yang menyaksikan penyertaan oleh seramai 152 orang belia.



BENGKEL RANGKA PERTUBUHAN, ISI RUMAH, BANCI PERTANIAN SERTA PROTOTAIP DASHBOARD STATISTIK SOSIAL DAN EKONOMI

Bengkel ini telah diadakan pada 2 hingga 4 November 2022 di Movenpick Hotel, Sepang melibatkan seramai 98 orang peserta daripada Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi serta pegawai daripada Seksyen Rangka dan Pemetaan, Operasi dan Prosesan di DOSM Negeri. Objektif bengkel ini adalah untuk memperkuatkannya strategi pengurusan rangka pertubuhan, isi rumah, Banci Pertanian serta Pembangunan Prototaip Dashboard Statistik Sosial dan Ekonomi; menjelaskan kepentingan pengemaskinian rangka dan pemantauan kualiti kerja yang jelas dan seragam di semua DOSM Negeri; membentang dan membincangkan status/ progres pengemaskinian rangka dan potensi data pentadbiran bagi Banci Pertanian oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri; mendapatkan input daripada DOSM Negeri berkaitan isu-isu berbangkit semasa melaksanakan pengemaskinian serta membincang penyelesaian dan way forward pengurusan rangka.

KURSUS ARCGIS TRAINING PROGRAM – ARCGIS PRO PROFESSIONAL CERTIFICATION 2201 TAHUN 2022

ESRI Malaysia Sdn. Bhd dan ILSM telah menganjurkan Kursus ARC GIS Training Program-ARC PRO bermula daripada Disember 2022 hingga Jun 2023. Objektif utama pelaksanaan kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan mengoptimumkan penggunaan aplikasi GIS serta menghasilkan pegawai yang berkepakaran dan berpengalaman dalam aplikasi GIS serta diiktiraf berdasarkan standard antarabangsa. Pengajuran kursus ini juga selari dengan hasrat Jabatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan statistik dalam menyusun, menganalisis dan menyebarluaskan maklumat geospatial. Kursus ini telah dihadiri oleh 16 orang pegawai DOSM termasuk daripada DOSM Negeri.

PENGITIRAFAN DAN PENCAPAIAN ANGGOTA DOSM

WILAYAH PERSEKUTUAN



Encik Razale bin Ibrahim

Pegawai Teknologi Maklumat
Gred F48

Bahagian Pengurusan Maklumat
Jabatan Perangkaan Malaysia
(DOSM)

AHLI MANGKU NEGARA (A.M.N)

Pengurniaan Darjah Kebesaran,
Bintang Dan Pingat Persekutuan
(DKBPP)

Tarikh Terima: 7 Jun 2022



Encik Abdul Shafri bin Baharuddin

Pembantu Perangkaan Gred E22

Unit Rangka dan Pemetaan
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Perak
(DOSM Perak)

PINGAT PANGKUAN NEGARA (P.P.N)

Pengurniaan Darjah Kebesaran,
Bintang Dan Pingat Persekutuan
(DKBPP)

Tarikh Terima: 7 Jun 2022



Encik Nazri bin Nasir

Pembantu Perangkaan Gred E22

Unit Perkhidmatan dan Kewangan
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Perak
(DOSM Perak)

PINGAT PANGKUAN NEGARA (P.P.N)

Pengurniaan Darjah Kebesaran,
Bintang Dan Pingat Persekutuan
(DKBPP)

Tarikh Terima: 7 Jun 2022

NEGERI MELAKA**Encik Raymei bin
Abdul Aziz**

Pembantu Perangkaan Gred E22
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Melaka
(DOSM Melaka)

**PINGAT BAKTI
MASYARAKAT (P.B.M)**

Pengurniaan Darjah, Bintang Dan
Pingat Kebesaran Negeri Melaka
Sempena Hari Jadi Ke-73 Tuan
Yang Terutama Yang Di-Pertua
Negeri Melaka

Tarikh Terima: 24 Ogos 2022

NEGERI KELANTAN**Encik Wan Adnan bin
Wan Isa**

Pembantu Perangkaan Gred E22
Unit Rangka dan Pemetaan
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan
(DOSM Kelantan)

PINGAT BAKTI (P.B)

Pengurniaan Kehormatan
Kebesaran Negeri Kelantan
Daripada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia, Sultan Muhammad V

Tarikh Terima: 15 Mac 2022


**Encik Sumariadi bin
Che Mohd Zin**

Pembantu Perangkaan Gred E22
Unit Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan
(DOSM Kelantan)

**PINGAT PANGKUAN
NEGARA (P.P.N)**

PINGAT PERANGAI BAIK (P.P.B)
Pengurniaan Kehormatan
Kebesaran Negeri Kelantan
Daripada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia, Sultan Muhammad V

Tarikh Terima: 15 Mac 2022



Puan Sutrah binti Yaacob

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan
(DOSM Kelantan)

PINGAT TAAT (P.T)

Pengurniaan Kehormatan
Kebesaran Negeri Kelantan
Daripada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia, Sultan Muhammad V

Tarikh Terima: 15 Mac 2022

NEGERI PERAK



**Tuan Haji Mohd Ariff bin
Tajol Aripin**

Pembantu Perangkaan Gred E26

Pejabat Operasi Taiping
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Perak
(DOSM Perak)

**PINGAT PEKERTI
TERPILIH (P.P.T)**

Pengurniaan Darjah Kebesaran,
Bintang Dan Pingat-Pingat
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh Terima: 3 Jun 2022

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Pada 13 Mei 2022, DOSM telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 dan Majlis Jasamu Dikenang Jabatan Perangkaan Malaysia 2021 bertempat di The Everly Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Majlis ini diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang serta memberi galakan kepada warga lain untuk terus melestarikan budaya penyampaian perkhidmatan yang cemerlang di Jabatan serta kepada orang awam. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama warga DOSM dengan Pihak Pengurusan DOSM.

Bilangan Penerima APC 2021 Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
Pengurusan dan Professional	49
Pelaksana	186
JUMLAH KESELURUHAN	235



DOSM SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN (ZON TENGAH)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 peringkat Zon Tengah melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan Selangor telah diadakan pada 13 Julai 2022 bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam, Selangor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir bersama Puan Norfariza Hanim binti Kasim, Pengarah DOSM Wilayah Persekutuan dan Puan Hartini binti Yaacob, Pengarah DOSM Selangor.

Majlis gilang-gemilang ini mengiktiraf 30 orang pegawai tetap dan 16 orang Personel MySTEP Jabatan Perangkaan Malaysia Zon Tengah. Daripada jumlah tersebut, seramai 16 orang penerima APC 2021 adalah dari DOSM Wilayah Persekutuan merangkumi 14 orang anggota tetap dan 2 orang Personel MySTEP.



DOSM PULAU PINANG, KEDAH, PERLIS, PERAK DAN ILSM (ZON UTARA)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 peringkat Zon Utara melibatkan DOSM Perak, DOSM Pulau Pinang, DOSM Kedah, DOSM Perlis dan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) telah diadakan pada 31 Julai 2022 bertempat di Hotel Grand Baron, Taiping, Perak. Turut hadir bersama Encik Mohd Ridauddin bin Masud, Pengarah DOSM Perak, Tuan Haji Mohd Suhaimi bin Mohd Yunus, Pengarah DOSM Pulau Pinang, Puan Nadia binti Marzuki, Pengarah DOSM Kedah, Puan Pathmavathi a/p Appulanaidu, Pengarah DOSM Perlis serta Encik Zuraidy bin Zainal Abidin, Pengarah ILSM. Seramai 58 orang Penerima APC 2021 dan 4 orang pesara turut diraikan dalam majlis yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

APC 2021 bagi Anggota Tetap DOSM Negeri	Bilangan
Pulau Pinang	8 orang
Kedah	10 orang
Perlis	3 orang
Perak	14 orang
ILSM	2 orang
Jumlah	37 orang

APC 2021 bagi Anggota Personel MySTEP DOSM Negeri	Bilangan
Pulau Pinang	4 orang
Kedah	7 orang
Perlis	1 orang
Perak	9 orang
Jumlah	21 orang

Apresiasi 2022 DOSM Negeri	Bilangan
Perak	4 orang
Jumlah	4 orang



DOSM PAHANG, TERENGGANU DAN KELANTAN (ZON TIMUR)

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 dan Majlis Jasamu Dikenang 2022 peringkat Zon Timur yang melibatkan DOSM Pahang, Terengganu dan Kelantan telah diadakan pada 18 September 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Terengganu Equestrian Resort, Kuala Terengganu, Terengganu. Majlis tersebut telah meraikan seramai 23 orang anggota tetap DOSM, 12 orang Personel MySTEP yang merupakan penerima APC 2021 serta 5 orang pesara. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir bersama Encik Khairolnizam bin Hassan, Pengarah DOSM Pahang, Encik Fareza bin Mohamed Sani, Pengarah DOSM Kelantan dan Puan Marlini binti Sahul Hamid, Pengarah DOSM Terengganu.

APC 2021 bagi Anggota Tetap DOSM Negeri	Bilangan
Pahang	8 orang
Terengganu	7 orang
Kelantan	8 orang
Jumlah	23 orang

APC 2021 bagi Anggota Personel MySTEP DOSM Negeri	Bilangan
Pahang	4 orang
Terengganu	3 orang
Kelantan	5 orang
Jumlah	12 orang

Apresiasi 2022 DOSM Negeri	Bilangan
Pahang	2 orang
Terengganu	3 orang
Jumlah	5 orang



DOSM MELAKA, NEGERI SEMBILAN DAN JOHOR (ZON SELATAN)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 dan Jasamu Dikenang 2022 peringkat Zon Selatan telah diadakan pada 13 Julai 2022 bertempat di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir bersama Encik Zainol bin Jamil, Pengarah DOSM Johor, Puan Mazreha binti Ya'akub, Pengarah DOSM Melaka, Encik Sawal bin Sakimon, Pengarah DOSM Negeri Sembilan. Majlis tersebut meraikan seramai 27 orang anggota tetap DOSM dan 35 orang Personel MySTEP yang merupakan penerima APC 2021 serta 4 orang pesara.

APC 2021 bagi Anggota Tetap DOSM Negeri	Bilangan
Melaka	5 orang
Negeri Sembilan	5 orang
Johor	17 orang
Jumlah	27 orang

APC 2021 bagi Anggota Personel MySTEP DOSM Negeri	Bilangan
Melaka	3 orang
Negeri Sembilan	15 orang
Johor	17 orang
Jumlah	35 orang

Apresiasi 2022 DOSM Negeri	Bilangan
Melaka	3 orang
Negeri Sembilan	1 orang
Jumlah	4 orang



DOSM SARAWAK

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 dan Jasamu Dikenang 2022 telah diadakan pada 18 Ogos 2022 bertempat di Dewan Santubong, Pusat Konvensyen CIDB Sarawak, Kuching, Sarawak yang telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir bersama Puan Dayang Rozana binti Abang Hassan, Pengarah DOSM Sarawak. Seramai 21 anggota tetap DOSM Sarawak dan 25 orang Personel MySTEP telah diraikan dalam majlis ini. Penghargaan juga diberikan kepada seorang anggota tetap yang bersara pada tahun 2022.



DOSM SABAH

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 dan Majlis Jasamu Dikenang 2022 telah diadakan pada 8 September 2022 di Dewan Wisma Wanita, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis tersebut telah meraikan seramai 18 orang penerima APC yang terdiri daripada anggota tetap dan 7 orang pesara DOSM. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir bersama Encik Muhammad Amri bin Idris, Pengarah DOSM Sabah.



LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

SESI WALKABOUT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Pada 19 Oktober 2022, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan Sesi Walkabout sempena Hari Statistik Negara 2022 ke semua Bahagian di Ibu Pejabat DOSM, Putrajaya. Sesi ini turut disertai oleh Puan Hajah Nazaria binti Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Sosial dan Pembangunan Sosial serta Datin Seri Rozita binti Talha, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Ekonomi. Tujuan pelaksanaan Sesi Walkabout ini adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim bersama warga DOSM di samping penyampaian amanat daripada Ketua Perangkawan Malaysia.



IBU PEJABAT DOSM, PUTRAJAYA

Blok C7

Aras 7:

- ▶ Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran
- ▶ Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

Aras 8:

- ▶ Bahagian Perangkaan Perkhidmatan
- ▶ Core Team Analitik Data Raya (CTADR)

Aras 9:

- ▶ Bahagian Perangkaan Akaun Negara
- ▶ Bahagian Petunjuk Ekonomi



Blok C6

Aras 3:

- ▶ Bahagian Pengurusan Maklumat

Aras 4:

- ▶ Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

Aras 5:

- ▶ Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
- ▶ Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa

Aras 6:

- ▶ Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan
- ▶ Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial

Aras 7:

- ▶ Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
- ▶ Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data
- ▶ Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa

Aras 8:

- ▶ Bahagian Khidmat Pengurusan

LAWATAN RASMI KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE DOSM NEGERI DAN PEJABAT OPERASI

Sepanjang tahun 2022, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi di negeri. Sesi lawatan ini bertujuan untuk meninjau perkembangan kerja serta menyampaikan amanat selain daripada menyantuni dan beramah mesra dengan warga DOSM.

JADUAL LAWATAN RASMI KE DOSM NEGERI DAN PEJABAT OPERASI 2022

DOSM PERLIS



19 Januari 2022 dan
31 Oktober 2022

DOSM SARAWAK



10 Mac 2022



DOSM PERAK



24 - 25 April 2022



DOSM KEDAH



20 Januari 2022



DOSM PAHANG



29 Mac 2022

14 Jun 2022



DOSM JOHOR



26 Julai 2022

DOSM MELAKA



16 Julai 2022

PEJABAT OPERASI DUNGUN, TERENGGANU



30 November 2022



DOSM SABAH



8 September 2022





MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

Dashboard	110
Portal Data	117
Visual Interaktif	124
Aplikasi Mudah Alih (<i>Mobile Apps</i>)	127



MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

DASHBOARD

Sustainable Development Goals (SDG) Dashboard

SDG Dashboard merupakan platform visual interaktif yang memaparkan indikator SDG terkini bagi tujuan pemantauan kemajuan negara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan. Platform ini telah tersedia sejak tahun 2019 dengan 81 indikator SDG dan kini telah diperluaskan menjadi 175 indikator. Menariknya adalah data daripada platform ini boleh dikongsi dan dimuat turun secara percuma dan pengguna boleh memilih data mengikut disaggregation.

Platform ini merupakan sebahagian dari inisiatif DOSM dalam menyokong usaha kerajaan ke arah pendigitalan dan perkongsian data kepada masyarakat. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pihak berkuasa tempatan, penyelidik dan pelajar bagi mendapatkan maklumat berkaitan pencapaian semasa SDG di peringkat nasional serta peringkat daerah.



MALAYSIA ECONOMIC RECOVERY DASHBOARD (MERD)

Dashboard Pemulihan Ekonomi Malaysia (MERD) memberikan gambaran ringkas tentang situasi pemulihan ekonomi semasa Malaysia berdasarkan prestasi penunjuk ekonomi utama yang terpilih. MERD merupakan kesinambungan dan versi naik taraf Sistem Pemantauan Ekonomi Malaysia (MEID) yang telah dilancarkan pada 1 Julai 2021. Pembangunan dashboard versi mobile ini dibangunkan bermula Jun dan selesai pada Julai 2022 dan telah mula diakses pada Ogos 2022. Dashboard ini mengandungi sembilan petunjuk ekonomi utama; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Tenaga Buruh, Komoditi, Harga, Pembuatan, Perkhidmatan, Perdagangan Antarabangsa, Imbangan Pembayaran dan indikator-indikator lain. Penunjuk ini dipersembahkan dalam visualisasi interaktif siri masa bulanan, suku tahunan dan tahunan.




SISTEM ANALITIK PERTANIAN

Perkembangan data raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang kepada agensi kerajaan dan swasta untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan adalah Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0), dengan objektif seperti berikut:

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan berpacuan analitis data;

- ▶ Mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data bagi membudayakan inovasi penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat; dan
- ▶ Membangunkan kompetensi penjawat awam dalam bidang sains data.

Sistem Analistik Pertanian yang dibangunkan secara pendekatan *coaching* dengan pihak MAMPU merupakan salah satu projek di bawah inisiatif Projek Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA 2.0). Inisiatif DOSM melalui projek ini adalah untuk memberi nilai tambah kepada pengguna berkaitan



produk pertanian dengan menyediakan statistik dalam paparan interaktif dashboard bagi empat subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan serta data pengeluaran dan penggunaan komoditi pertanian terpilih dalam negara. Visual interaktif yang memaparkan statistik berkaitan produk pertanian ini boleh diakses melalui Portal DOSM. Pengguna bebas memilih data yang dikehendaki mengikut pilihan negeri dan ia boleh dimuat turun secara percuma.

Tourism Dashboard

Tourism Dashboard merupakan gabungan pelbagai sumber data yang melibatkan Akaun Satelit Pelancongan dan Statistik Pelancongan Domestik yang diterbitkan oleh DOSM serta indikator daripada Tourism Malaysia. *Dashboard* ini merangkumi data siri masa dan indikator yang signifikan bagi memantau prestasi sektor pelancongan. Objektif pembangunan *dashboard* ini bertujuan untuk memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik yang berkaitan dengan sektor pelancongan. Di samping itu, manual-manual rujukan daripada badan Antarabangsa serta polisi yang dikeluarkan oleh kerajaan berkaitan pelancongan turut dimuat naik ke dalam platform *dashboard* ini.



National Occupational Accident and Disease Statistics

Dashboard ini memaparkan statistik kadar kemalangan pekerjaan yang diperincikan mengikut jenis kemalangan dan kecederaan, punca kemalangan, faktor penyebab kemalangan, industri dan negeri. Statistik ini dijana berdasarkan data kemalangan pekerjaan yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Sumber Manusia. Tujuan utama Analisis Data Raya ini dibangunkan adalah bagi menjana proses automasi yang menggabungkan pelbagai sumber data untuk mengeluarkan indeks/kadar kemalangan pekerjaan kebangsaan mengikut indikator ekonomi dan kemalangan terpilih. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyebarkan maklumat melalui visualisasi yang mesra pengguna.



Job Market Insights

Dashboard ini memaparkan maklumat berkenaan statistik kekosongan pekerjaan dalam pasaran buruh di Malaysia yang diperincikan mengikut kategori industri, pekerjaan, kemahiran, negeri dan lain-lain. Visualisasi interaktif dashboard ini juga bertujuan untuk menilai perubahan dalam permintaan tenaga buruh dari semasa ke semasa di samping memudahkan mana-mana pihak yang berminat dengan pasaran kerja di Malaysia dalam membuat keputusan berinformasi.



My Job Profile

Dashboard ini dihasilkan dengan matlamat untuk menghasilkan profil pekerjaan yang disesuaikan mengikut petunjuk yang berkaitan, kekosongan pekerjaan dan kursus yang ditawarkan dalam profil pekerjaan tersebut. Tujuan lain Dashboard ini adalah untuk membantu pengguna dalam eksplorasi kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai fungsi sumber manusia seperti membangunkan job orders dan deskripsi jawatan dan penyelepasan latihan mengikut keperluan pekerjaan serta penjodohan penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh yang lebih baik.



Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)



Dashboard ini menjadi platform tunggal data pasaran buruh meliputi sumber data DOSM dan agensi terlibat. Objektif pembangunannya adalah bagi memudahkan pengguna mengakses indikator dan statistik berkaitan pasaran buruh, memenuhi permintaan data dari pengguna dalam tempoh lebih singkat serta mengurangkan volum permintaan data yang berbentuk *ad hoc*.

MyPrice Dashboard




Dashboard ini memaparkan harga berdasarkan kepada tiga sumber iaitu harga yang diperoleh daripada pemantauan KPDNHEP, data crawling dan pungutan harga oleh anggota DOSM di outlet terpilih serta mempunyai empat kategori utama barang keperluan terpilih iaitu ayam, daging dan telur; sayur-sayuran; ikan dan makanan laut dan buah-buahan. Dashboard ini bertujuan membekalkan harga harian bagi barang keperluan tersebut kepada pelbagai pihak serta membolehkan kerajaan memantau dan menganalisis trend perubahan harga yang berlaku di samping membantu isi rumah mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai harga daripada sumber yang dipercayai.

DASHBOARD BAHARU 2022


OpenDOSM



Pada 13 April 2022, DOSM telah melancarkan platform OpenDOSM yang telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. OpenDOSM merupakan platform alternatif kepada akses data terbuka bagi statistik rasmi. OpenDOSM adalah platform yang menyediakan akses kepada data berbentuk *machine readable* yang terdiri daripada pelbagai set data, termasuk sosial, ekonomi dan kewangan serta alam sekitar. Antara data yang ada di OpenDOSM ialah Keluaran Dalam Negeri Kasar, Kependudukan, Pasaran Buruh, Imbalan Pembayaran dan lain-lain lagi. Selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan data terbuka, OpenDOSM merupakan inisiatif terbaharu yang dibangunkan sepenuhnya oleh Jabatan bagi mempromosi dan menggalakkan penggunaan data terbuka di kalangan orang awam.




Seterusnya, pemodenisasi dan inovasi statistik telah diperkembangkan dengan mewujudkan OpenDOSM NextGen yang telah dilancarkan pada 12 Januari 2023 oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi Malaysia di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia. Sehingga 3 April 2023, portal OpenDOSM telah mencecah bilangan pengunjung seramai 353,125.



Population and Housing Census of Malaysia Dashboard (MyCenDash)





Dashboard ini telah dilancarkan semasa Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 pada 14 Februari 2022 di Dewan Canselor, Management and Science University (MSU), Shah Alam, Selangor. Objektif pembangunan dashboard ini adalah untuk menyediakan memberikan visualisasi terperinci berkenaan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia bagi 6 tahun bancian (1970-2020) berdasarkan variabel demografi terpilih. Dashboard versi web-based ini membolehkan pengguna meneliti profil penduduk dan tempat kediaman sehingga peringkat terkecil yang meliputi sempadan Mukim dan Dewan Undangan Negeri (DUN).





Kawasanku

KAWASANKU merupakan inisiatif permulaan bagi pembangunan *platform* data terbuka generasi baharu yang mengandungi data berkaitan penemuan Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020 berserta data lain yang berkaitan. *Platform* ini telah dilancarkan pada 14 Jun 2022 di Dewan Anggerik, DOSM oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Inisiatif ini seiring dengan usaha Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti.




MyDemography

MyDemography memaparkan visualisasi statistik penduduk dan demografi serta statistik gender yang menggambarkan keseluruhan perubahan penduduk dan demografi daripada tahun 1970 sehingga kini. Ia mempunyai empat segmen utama: MyPopulation, MyVital, MyAgeing dan MyGender. Dashboard ini dilancarkan secara rasmi mulai pada 21 Julai 2022. Objektif utama pembangunan dashboard ini adalah untuk memudahkan pengguna untuk mengakses indikator penduduk dan demografi serta gender sebagai rujukan dalam pembentukan, pelaksanaan dan pemantauan dasar yang berkaitan bidang kesihatan, kependudukan, ekonomi dan sosial.



Malaysia Input – Output Table Dashboard (MyIOT)



MyIOT Dashboard merupakan satu inisiatif yang telah dibangunkan bagi menerangkan proses aliran barang dan perkhidmatan dalam sektor ekonomi. Platform ini menggambarkan prestasi ekonomi dan hubungan antara pengeluar (Penawaran) dan pengguna (Penggunaan) serta kesalingbergantungan antara industri. Ekonomi Malaysia yang terdiri daripada pelbagai industri, masing-masing mengeluarkan barang dan perkhidmatan khusus mereka yang tersendiri. Sebagai sebuah negara ekonomi perdagangan terbuka, Malaysia bergantung kepada import dan input yang dikeluarkan dari dalam negara bagi memenuhi permintaan pengguna. Segala transaksi perniagaan barang dan perkhidmatan ini direkodkan dalam Jadual Penggunaan Penawaran dan Penggunaan yang kemudiannya dimatrikkkan ke dalam Jadual *Input-Output*. Jadual *Input-Output* memberikan penerangan terperinci tentang struktur pengeluaran dalam ekonomi dan penggunaan barang dan perkhidmatan. Paparan visualisasi MyIOT Dashboard di portal Jabatan telah disebarluaskan kepada umum pada 29 Ogos 2022.

PORTAL DATA

Statistics Data Warehouse (StatsDW 2.0)

StatsDW merupakan sistem pengurusan gudang data yang berperanan sebagai pusat simpanan data ekonomi dan sosial daripada pelbagai bantuan dan survei yang dilaksanakan oleh DOSM. StatsDW membolehkan capaian pantas dan mudah kepada data siri masa yang disimpan dan menyediakan akses yang lebih luas kepada pengguna mengikut keperluan dan tahap capaian yang dibenarkan. Selain berfungsi sebagai storan data, ia juga menyediakan platform interaktif antaranya melalui eDatabank, Data Visualisation, Virtual MyLab, Actionable Analytics dan Mobile Discovery di mana pengguna boleh meneroka dan melaksanakan analisis dengan lebih berkesan. StatsDW telah dirasmikan pada 27 Jun 2022 oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bertempat di Hotel Everly, Putrajaya.



MAIN SUBJECT

Our Platform is your team's data pipeline. Programmatic Data comes faster. With versatile options, your team stays sustainable with Digitized Data.

eDataBank

An interactive report builder, tools to generate and explore our data.

Data Visualization

Check out our predefined dashboard for each theme and subject.

Mobile Discovery

Making complex data more accessible, understandable, and usable.

Virtual MyLab

Generate report and request data sets to circulate for higher level users.

Actionable Analytics

Provide actionable intelligence to every user with powerful data analytics tools.

Intelligence Data Lounge

Acquire and analyse more in our dedicated lab.



Projek Statistics Big Data Analytics (StatsBDA)

DOSM merupakan agensi kerajaan yang telah melaksanakan projek Big Data melalui StatsBDA. Projek StatsBDA ini bermula pada Disember 2016 dan pembangunannya telah selesai pada Mei 2018. Projek StatsBDA ini mempunyai 5 modul iaitu Trade by Enterprise Characteristic (TEC), Price Intelligence (PI), Public Maturity Assessment on Official Statistics (PMAOS), Real Time Business Status (RTBS) dan BiZcode@StatS.

StatsDigital



Dalam usaha melestarikan penerbitan statistik dan laporan terpelihara sebagai khazanah negara, Jabatan telah melaksanakan Modenisasi Pendigitalan DOSM. Modenisasi yang dinamakan StatsDigital ini telah mentransformasikan statistik dan laporan berbentuk fizikal kepada bentuk digital yang boleh dicapai oleh semua peringkat pengguna melalui *Portal StatsDigital*.

Portal StatsDigital ini mengandungi penerbitan seawal tahun 1891 hingga ke tahun semasa. Pengguna boleh memilih penerbitan dalam bentuk e-book atau set data yang akan memudahkan pengguna melakukan analisis yang berkaitan.


Antara Penambahbaikan Projek StatsDigital yang terkini ialah:

- ▶ Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Database – NoSQL Enterprise Database dan Infra
- ▶ Penyelenggaraan Sistem *StatsDigital Base on Latest Technology* – Server, Storage dan semua Infra bagi StatsDigital.
- ▶ Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) dan Penyelenggaraan Baik Pulih (Corrective Maintenance) Scanner, Workstation, Power Stabilizer dan PC.
- ▶ Tools Maintenance & License.
- ▶ Latihan Teknikal dan Latihan Pengoperasian dipergiatkan lagi.

The screenshot shows the official website of the Malaysian Statistical Department (Jabatan Perangkaan Malaysia). The top navigation bar includes links for 'Portal Rasmi', 'Penerbitan', 'Dataset', and 'Malum Balas'. The main content area features a banner for the '1.1.2020 MENGHITUNG MALAYSIA' population and housing census. Below the banner, there's a section titled 'INFO STATSITALIAN' with a brief history of the department. A large search bar is at the top right. The bottom of the page has a footer with links to various government departments.


This screenshot shows the 'PENERBITAN TERKINI' (Latest Publications) and 'PENERBITAN POPULAR' (Popular Publications) sections. The 'TERKINI' section displays eight recent publications from March to August 2021, all titled 'Penunjuk Ekonomi Malaysia...' with the year 2021. The 'POPULAR' section shows four older publications: 'PERANGKAN PERASIHAN LAMPU DAN KERAMAIAN MALAYSIA EKONOMI INDUSTRI' (1957), 'BERGAMAN PUSTING MALAYSIA RUMAH' (1957), 'STATISTIK RUMAH MALAYSIA' (1958), and '1957 POPULATION CENSUS' (1957).

Portal Banci Malaysia (MyCensus)



Portal Banci Malaysia 2020 dibangunkan dengan objektif untuk menjadi pusat rujukan berhubung penyebaran data, statistik, maklumat dan aktiviti-aktiviti banci secara berstruktur, sistematik dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan banci. Pembangunan Portal Banci telah bermula sejak Oktober 2017 dan telah dilancarkan kepada umum pada 30 Mei 2018. Di antara modul yang terdapat dalam Portal Banci adalah Info Banci, Media dan Produk Banci serta pautan kepada Stats Geoportal, MyCenDash, e-Learning, MyLocal Stats dan Kawasanku serta laman web rakan banci antarabangsa seperti New Zealand, Australia, Korea dan lain-lain.

Sehingga 31 Disember 2022, seramai 4,053,627 pengguna daripada pelbagai negara telah melayari Portal Banci Malaysia 2020 (MyCensus Portal). Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 112,930 pengguna berbanding pada tahun 2021. Jumlah pengguna yang tertinggi melayari portal ini adalah daripada Malaysia iaitu seramai 3,386,081 (94.78%) diikuti Singapura 75,092 (1.86%) dan Amerika Syarikat 69,187 (1.71%). Manakala, mengikut daerah di Malaysia pula, pengguna daripada Kuala Lumpur adalah yang tertinggi iaitu seramai 1,917,873 (43.35%) diikuti Shah Alam 340,293 (7.69%) dan Johor Bahru 198,830 (4.49%).



Paparan Statistik Pelawat Portal Banci Malaysia 2020 Sehingga 31 Disember 2022

Country	Users	% Users
1. Malaysia	3,836,081	94.78%
2. Singapore	75,092	1.86%
3. United States	69,187	1.71%
4. Brunei	10,848	0.27%
5. Australia	4,916	0.12%
6. Indonesia	4,591	0.11%
7. United Kingdom	3,977	0.10%
8. India	3,850	0.10%
9. Hong Kong	3,805	0.09%
10. Japan	3,731	0.09%

Paparan Mengikut Negara

City	Users	% Users
1. Kuala Lumpur	1,917,873	43.35%
2. Shah Alam	340,293	7.69%
3. Johor Bahru	198,830	4.49%
4. Puchong	175,096	3.96%
5. Petaling Jaya	130,995	2.96%
6. Ipoh	117,894	2.66%
7. Kota Kinabalu	108,313	2.45%
8. Kuching	107,176	2.42%
9. Kajang	79,212	1.79%
10. Singapore	72,872	1.65%


Paparan Mengikut Daerah di Malaysia

Antara penambahbaikan Portal MyCensus yang terkini ialah:

- ▶ Newsletter dan artikel yang berkaitan dengan Banci Malaysia 2020.

- ▶ Quick Facts secara bulanan merupakan infografik yang memaparkan maklumat ringkas berkaitan penemuan utama banci. Terdapat 12 siri Quick Facts yang telah dimuat naik secara bulanan ke portal banci dan ia adalah berdasarkan tema-tema yang dikenalpasti seperti penduduk, tempat kediaman dan status perkahwinan. Quick Facts ini dipaparkan pada slider di muka utama portal dan kompilasi 12 siri Quick Facts ini kemudian dihubungkan pada ruangan infografik.

- ▶ Penambahan button sub-menu baru di bawah menu ‘Produk Banci > Penerbitan > Banci 2020’. Sub-menu yang ditambah adalah seperti berikut:



MyParlimen: Memaparkan senarai buku-buku penerbitan Statistik Subnasional Parlimen dan DUN mengikut negeri.




Senarai Daerah Pentadbiran, Mukim dan Pihak Berkuasa Tempatan: Memaparkan senarai daerah pentadbiran, mukim dan pihak berkuasa tempatan.

StatsGeoportal





Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan capaian pelbagai maklumat geospatial yang amat diperlukan dalam perancangan dan pembangunan. Selain itu, aplikasi ini dapat membantu DOSM dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat secara atas talian bagi mendapatkan maklumat pemetaan Malaysia. Manfaat melalui aplikasi ini juga akan dapat menggalakkan penggunaan maklumat geospatial yang lebih meluas di peringkat Malaysia, Negeri dan Daerah. Terdapat enam (6) modul yang dipaparkan di dalam portal iaitu Interaktif Visualisasi, Informasi Statsgeo, Interaktif Data Siri Masa, Small Area Population, Point of Interest (POI) geospatial dan Laporan.



Berikut merupakan bilangan transaksi aplikasi perkhidmatan atas talian bagi Stats Geoportal sepanjang tahun 2022:



Aktiviti pengemaskinian data Stats Geoportal yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

- ▶ Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, 2020
- ▶ Anggaran Penduduk Semasa, 2022
- ▶ Perangkaan Penting, 2021
- ▶ Guna Tenaga, 2021
- ▶ Pendapatan Isi Rumah, 2020
- ▶ Fasiliti Kesihatan, 2021
- ▶ Fasiliti Pendidikan, 2021
- ▶ KDNK, 2021

Malaysia Informative Data Centre (MysIDC)



The screenshot shows the official website of the Malaysia Informative Data Centre (MysIDC). The header features the MysIDC logo and the text "Malaysia Informative Data Centre". Below the header is a navigation bar with links for "Home", "Glossary", "User's Manual", "Terms Of Use", and "Open Data License". A dropdown menu for "English" is also present. The main content area is divided into sections: "ABOUT MysIDC" which provides a brief overview of the data portal; "OBJECTIVE" which outlines the goals of MysIDC; and a large central panel for displaying data. On the left side, there is a sidebar titled "INDICATORS" containing a list of various social and economic indicators such as National Accounts, Balance of Payments and External Sector, Indices, Principal Statistics of Industries, Monetary and Banking, Labor Market, Population, Household Income and Expenditures, Agriculture, Environment, Education, and Others Social Indicators. At the bottom of the sidebar are links for "eDatabase" and "eStatistik". The footer contains a disclaimer and contact information for the Director of the Data Integration & Management Division.

Malaysia Informative Data Centre (MysIDC) adalah gerbang informasi setempat yang mengandungi data sosial dan ekonomi bagi Malaysia. MysIDC mengandungi data daripada DOSM serta agensi kerajaan yang lain. Data yang terdapat di dalam MysIDC meliputi Akaun Negara, Imbangan Pembayaran dan Pelaburan, Perdagangan Luar Negeri, Indeks, Perangkaan Utama Industri, Kewangan dan Perbankan, Pasaran Buruh, Kependudukan, Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Pertanian, Alam Sekitar, Pendidikan, Petunjuk Sosial Lain dan Indikator Jangka Pendek. Sehingga Disember 2022, terdapat sejumlah 33,197 transaksi online yang menggunakan Portal MysIDC ini.


VISUAL INTERAKTIF

Visual Interaktif My Local Stats

Visual Interaktif My Local Stats merupakan salah satu inisiatif DOSM untuk memaparkan statistik sehingga ke peringkat daerah pentadbiran secara visualisasi berbentuk infografik agar ia berupaya menarik lebih ramai pengguna untuk mengakses statistik yang dibekalkan. Visual Interaktif My Local Stats disediakan dalam versi web melalui portal DOSM dan mobile apps DOSM.

Visual Interaktif My Local Stats meliputi:

- ▶ 12 topik statistik sosial iaitu Maklumat Asas; Penduduk; Perumahan; Guna Tenaga; Pendapatan & Perbelanjaan; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Pelancongan, Pengangkutan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; Kemudahan Asas; dan
- ▶ Lapan (8) topik statistik ekonomi iaitu KDNK; Indeks Harga Pengguna; Eksport & Import; Pertanian; Perlombongan; Pembuatan; Pembinaan dan Perkhidmatan.



Malaysia External Trade Statistics Online (METS Online)



Versi pertama METS Online telah dilancarkan pada Disember 2010 dan versi kedua telah dikeluarkan pada bulan September tahun 2014. Manakala, METS Online Versi 3 yang menyediakan maklumat eksport dan import di peringkat *Harmonized Commodity Description and Coding System (HS)* 10-digit dan *Standard International Trade Classification (SITC)* 9-digit telah dilancarkan pada 7 Februari 2018. HS adalah berdasarkan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO), manakala SITC adalah berdasarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). METS Online versi terkini dapat memberikan pengguna keupayaan untuk memilih sehingga 11,700 kod produk berbanding 5,200 kod dalam edisi sebelumnya. METS Online dibangunkan untuk memudahkan pengguna mengakses maklumat perdagangan luar negeri antara Malaysia dan negara lain.

Population Quick Info (PQI)

PQI merupakan satu sistem carian penduduk yang cepat dan mudah. Sistem ini mesra pengguna kerana data boleh dimuat turun serta dicetak terus melalui internet. Data yang terkandung dalam PQI adalah data Anggaran Penduduk Antara Banci 1970-2010, Anggaran Penduduk Semasa dan Unjuran Penduduk yang merupakan anggaran penduduk pertengahan tahun (30 Jun). Data ini boleh diakses mengikut negeri, kumpulan etnik, umur dan jantina.




Interactive Malaysia Statistical Business Register (i-MSBR)



i-MSBR merupakan aplikasi perkhidmatan dalam talian berbentuk visual interaktif yang dibangunkan berasaskan senarai pertubuhan di *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). Ia memaparkan statistik pertubuhan aktif berdaftar yang beroperasi di Malaysia. Sehingga kini, i-MSBR telah dikemaskini berdasarkan data terkini sehingga 31 Disember 2022 dan maklumat ini akan dikemaskini secara berkala setiap enam (6) bulan sekali. Berdasarkan i-MSBR bilangan pertubuhan aktif terkini adalah sebanyak 1,204,987.

Malaysia Business Cycle Clock (MBCC)



Seiring kemajuan dan kepesatan teknologi, data menjadi instrumen yang paling berharga. Dalam usaha mendekatkan data dengan rakyat, projek *Malaysia Business Cycle Clock* (MBCC) merupakan inovasi DOSM untuk menggambarkan secara visual Indeks Pelopor (IP) dan Indeks Serentak (IS) yang diterbitkan secara bulanan. MBCC melangkaui visualisasi tradisional bagi statistik siri masa Indeks Pelopor, Indeks Serentak dan komponen-komponennya. Majlis pelancaran telah diadakan pada 5 Disember 2019 dan MBCC berupaya memberi dimensi baharu kepada pengguna untuk memahami pergerakan kitaran ekonomi secara visual serta mesra pengguna dan interaktif berbanding melihat data siri masa. Sehingga kini, MBCC akan dikemaskini bagi setiap bulan.

Malaysia CPI Inflation Calculator





Malaysia CPI Inflation Calculator ialah visual interaktif yang disediakan sebagai satu platform kepada pengguna untuk mengira berapakah susut nilai wang pada masa tertentu dan sekaligus menjadi salah satu medium untuk melihat kuasa pembeli pada tempoh masa tertentu. Visual interaktif ini menyediakan data perbandingan nilai wang bagi satu tempoh bulan pada tahun tertentu kepada satu tempoh bulan pada tahun yang lain mengikut keperluan perbandingan pengguna. Platform ini melibatkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) bermula dari tahun 1980 sehingga data tahun semasa.

APLIKASI MUDAH ALIH (MOBILE APPS)

DOSM telah mencipta dua aplikasi mudah alih yang boleh diakses secara percuma dan berfungsi melalui peranti *Android*, *IOS* dan *Huawei*. Aplikasi ini menyediakan Penunjuk Utama mengenai Penduduk, Pengangguran, Perdagangan Luar Negeri, Indeks Harga Pengguna, Indeks Pengeluaran Perindustrian, Pembuatan dan Keluaran Dalam Negeri Kasar. Data ini tersedia pada frekuensi yang berbeza, misalannya secara bulanan, suku tahunan atau tahunan.


MyLocal Stats



Buat julung kalinya, DOSM memperkenalkan statistik di peringkat daerah dalam bentuk infografik yang lebih mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Maklumat tersebut diperkenalkan melalui sistem interaktif aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai *MyLocal Stats*. *MyLocal Stats* akan membantu pengguna mengakses statistik sehingga peringkat daerah dan tempatan bagi membolehkan usaha perancangan pembangunan tempatan dilaksanakan. Data yang dikemas kini adalah berdasarkan Kalendar Awalan Keluaran (ARC). Setiap kali aplikasi dilancarkan, data juga akan dikemas kini ke peranti mudah alih untuk mencerminkan maklumat statistik terkini. *My Local Stats Mobile Apps* boleh dimuat turun dengan kata carian DOSM.

BizCode@Stats

Aplikasi *BizCode@Stats* adalah platform untuk berkongsi aktiviti kod dan klasifikasi statistik keluaran DOSM. Ia dibangunkan mengikut piawaian pengkelasaran global. Aplikasi mudah alih *BizCode@Stats* direka untuk membantu pengguna mengenal pasti kod dan keterangan secara interaktif. *BizCode@Stats* adalah *platform* yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi kod dan klasifikasi statistik melalui peranti mudah alih tanpa sambungan internet. Aplikasi ini boleh dimuat turun dengan kata carian *BizCode@Stats*.





KOMUNIKASI STATISTIK

Medium Penyebaran Statistik	130
Statistik Bersama Komuniti	142
Kunjungan Hormat dan Kunjungan Muhibah	156
Memorandum Persefahaman (MoU)	160



MEDIUM PENYEBARAN STATISTIK

Untuk melaksanakan penyebaran keluaran statistik utama DOSM, penggunaan pelbagai medium komunikasi adalah sangat penting. Oleh itu, DOSM telah menerbitkan pelbagai bahan cetak dan muat turun secara percuma yang mudah diakses melalui eStatistik di portal DOSM. Selain itu, DOSM juga memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan Tik Tok untuk menyebarluaskan statistik dengan lebih cepat kepada masyarakat umum yang semakin meluas menggunakan platform tersebut. Malahan keluaran statistik juga disebarluaskan melalui WhatsApp dan e-mel kepada beberapa kumpulan sasaran seperti Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Timbalan Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Jabatan, Duta-duta, Kesatuan Sekerja serta juga kepada pengetua sekolah di seluruh negara.



DOSM @ MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 6,100 kenyataan akhbar dan artikel berkaitan DOSM telah disiarkan oleh akhbar bercetak dan secara atas talian. DOSM telah mengeluarkan kenyataan akhbar berkaitan aktiviti yang dijalankan dan produk DOSM seiring dengan tarikh siaran data dan diedarkan kepada semua media tempatan serta antarabangsa.

Liputan DOSM dalam media sepanjang tahun 2022:

Bulan	Media Cetak dan Elektronik		Jumlah
	Umum	Keluaran Statistik DOSM	
Januari	108	365	473
Februari	71	468	539
Mac	209	296	505
April	117	375	492
Mei	112	491	603
Jun	144	473	617
Julai	139	502	641
Ogos	204	359	563
September	126	347	473
Oktober	94	257	351
November	74	350	424
Disember	79	340	419
Jumlah	1,477	4,623	6,100

A collage of news clippings from Malaysian newspapers, including The Star, Bernama, and Berita Harian, covering topics such as Malaysia's population reaching 32.7 million, food inflation reaching 4.1%, and the country's economic recovery on the right track.

PROGRAM WAWANCARA DOSM SEPANJANG TAHUN 2022

Program	Bilangan
TV	10
Radio	18
Online	1
Jumlah	38





PROGRAM WAWANCARA DOSM NEGERI SEPANJANG TAHUN 2022



DOSM @ MEDIA SOSIAL

Peningkatan penggunaan internet telah mendorong penyebaran maklumat serta data secara meluas melalui platform media sosial dan mengubah cara DOSM berkomunikasi dengan pengguna. Penyebaran maklumat melalui pelbagai platform sosial media membantu masyarakat mengenal dan memahami statistik dengan lebih baik. Sehingga 31 Disember 2022, liputan dan jumlah pengikut DOSM merentasi pelbagai platform media sosial adalah seperti berikut:

Facebook: Department of Statistics, Malaysia (@StatsMalaysia) has 44,988 followers. <https://www.facebook.com/StatsMalaysia>

YouTube: StatsMalaysia (@StatsMalaysia) has 2,090 subscribers, 426 videos, and 184,617 views. www.youtube.com/statsmalaysia

Instagram: Department of Statistics Malaysia (@StatsMalaysia) has 8,388 followers and 4,576 posts. www.instagram.com/statsmalaysia

Twitter: DOSM (@StatsMalaysia) has 14,248 followers and 7,597 tweets. www.twitter.com/statsmalaysia

HARI BERSAMA PELANGGAN (HBP)

Pada tahun 2022, DOSM telah melaksanakan Hari Bersama Pelanggan (HBP) melalui platform *Microsoft Teams* (3) dan *Facebook Live* (2). Sesi yang telah dianjurkan pada bulan April, Mei, September, Oktober dan Disember 2022 adalah bagi menyediakan ruang kepada pengguna dan pelanggan DOSM untuk mengemukakan sebarang pertanyaan.



14 April 2022

HBP Bil. 1/2022
Penyiasatan Ekonomi Tahunan 2022

Penceramah:
Encik Razaman bin Ridzuan
Timbalan Pengarah
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

FB Live



24 Mei 2022

HBP Bil. 2/2022
Hak Seorang Penjawat Awam

Penceramah:
Puan Siti Nadia binti Rahim
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan

Microsoft Teams



Hari Bersama Pelanggan Bil. 3/2022

Statistik Di Hujung Jari

20 September 2022
Selasa
9.30 pagi
Microsoft Teams

Penceramah:
ENCIK ZULKFLI BIN AHMAD
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

Microsoft Teams

Hari Bersama Pelanggan Bil. 4/2022

Jejak Data Dewan Undangan Negeri (DUN)

7 Oktober 2022 (Jumaat)
9.30 pagi
@StatsMalaysia

Penceramah:
CIK SUHAILY BINTI SAFIE
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Penduduk & Demografi (BPPD)

Cik Mazliana binti Mustapa
Ketua Penolong Pengarah
Core Team Analitik Data Raya (CTADR)

FB Live

Hari Bersama Pelanggan Bil. 5/2022

DOSM '360 Degree'

7 Disember 2022 (Rabu)
9.30 pagi
Microsoft Teams

Penceramah:
PUAN UMMI KALSUM BINTI MOHAMAD
Ketua Penolong Pengarah
Realiti Pengurusan Perubahan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Microsoft Teams

APLIKASI ATAS TALIAN @ PORTAL DOSM

Sehingga 31 Disember 2022, portal rasmi DOSM www.dosm.gov.my telah dikunjungi oleh lebih daripada 7,301,112 juta pelawat. Portal rasmi DOSM juga dilengkapi dengan pelbagai aplikasi dalam talian bagi memudahkan perolehan capaian statistik oleh pengguna.

The screenshot shows the DOSM official portal homepage. At the top, there's a navigation bar with links for 'Contact Us', 'FAQs', 'Feedback', and 'Sistem'. Below the navigation bar is a search bar. The main content area is titled 'Online Services' and features a grid of 20 icons representing different statistical services. To the right of the grid is a large QR code. At the bottom of the page, there's a footer with links for 'Home', 'About Us', 'Statistics On-Demand', 'Services & Tools', 'Standard', 'Achievement', and 'Library'. The footer also includes social media links for Facebook, Twitter, LinkedIn, and YouTube.



7,301,112
JUTA PELAWAT

Pada tahun 2022, seramai 16,623 pengguna baru telah berdaftar di eStatistik. Manakala sebanyak 1,099,790 transaksi muat turun percuma bagi penerbitan DOSM termasuk permintaan data telah dilakukan oleh pengguna.

The screenshot shows the 'My Account' section of the eStatistik portal. It includes fields for 'User ID' and 'Password', and a link to 'Forgot Password?'. Below these are sections for 'e-Survey' (with links to Miti e-Survey, MDT e-Survey, QCS e-Survey, and PRM e-Survey), 'Data Request & Feedback' (with links to Order Form and Feedback Form), and 'User Guide' (with links to eStatistik, QCS e-Survey, and Miti e-Survey). At the bottom, there's a copyright notice and a note about browser compatibility.

The screenshot shows a 'Free Download' section of the DOSM portal. It lists various publications categorized by 'Man Category' and 'Sub-Category'. The publications include Miti e-Survey, MDT e-Survey, QCS e-Survey, PRM e-Survey, Data Request & Feedback, User Guide, and other administrative documents. The table includes columns for 'No.', 'Title of Publications', 'Product Type', 'Release Series', and 'Release Date'. At the bottom, there's a copyright notice and a note about browser compatibility.




16,623
PENGGUNA BARU



1,099,790
TRANSAKSI MUAT TURUN PERCUMA
BAGI PENERBITAN DOSM

NEWSLETTER 2022

Sepanjang tahun 2022, sejumlah 88 Newsletter telah dikeluarkan oleh DOSM. Newsletter ini mengandungi maklumat secara ringkas bagi produk dan penerbitan terpilih DOSM, panduan maklumat am semasa, teknologi dan modul yang dibangunkan serta program semasa yang telah dijalankan oleh Bahagian Butiran Perkara dan DOSM Negeri.



STATS ALERT 2022

Stats Alert merupakan salah satu cara untuk meningkatkan literasi statistik terhadap pengguna dengan menggunakan kaedah infografik yang lebih mudah difahami. Keseluruhan sebanyak 265 Stats Alert telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 dengan purata 22 Stats Alert sebulan.



265
STATS ALERT TELAH
DIKELUARKAN PADA 2022

POCKETSTATS 2022

Penghasilan buku PocketStats telah bermula pada suku ketiga tahun 2018. Sehubungan itu, PocketStats Siri 1 telah dikeluarkan pada 16 November 2018 dan PocketStats Siri 2 (suku tahun keempat 2018) telah diterbitkan pada 31 Disember 2018. Penghasilan PocketStats Malaysia dan PocketStats Negeri telah diteruskan sehingga kini dan diterbitkan setiap suku tahunan.



Isi Kandungan Pocketstats Malaysia 2022:

- ▶ Infografik
- ▶ Indikator Utama
- ▶ Indikator Ekonomi
- ▶ Indikator Sosial
- ▶ Indikator Lain
- ▶ Indikator Sosioekonomi Negeri
- ▶ Infografik Negeri
- ▶ Perkhidmatan Penyebaran Maklumat

Isi kandungan PocketStats Negeri 2022:

- ▶ Infografik
- ▶ Indikator Ekonomi
- ▶ Indikator Sosial
- ▶ Indikator Ekonomi Terpilih Mengikut Negeri
- ▶ Indikator Sosial Terpilih Mengikut Negeri
- ▶ Perkhidmatan Penyebaran Maklumat



STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

Sesi statistik bersama komuniti dianjurkan dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan statistik yang tepat, berkualiti dan boleh dipercayai untuk pembangunan ekonomi negara. Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh DOSM, meraikan sambutan Hari Statistik Negara, serta mengeratkan hubungan antara komuniti dan warga DOSM.



JANUARI 2022

20 Januari 2022

Sesi Bersama Komuniti Kg. Wang Tepus, Jitra, Kedah bersempena Hari Statistik Negara.



28 Januari 2022

Stats Talk oleh DOSM dengan topik "Kependudukan dan Demografi" secara dalam talian anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)



FEBRUARI 2022

8 Februari 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Terengganu kepada YDH DCP Dato' Rohaimi bin Md Isa, Ketua Polis Ibu Pejabat Polis Kontinen Terengganu



27 Februari 2022

Kunjungan Hormat Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kerajaan Negeri Selangor kepada DOSM Kelantan

20 Januari 2022

Pembentangan oleh DOSM berkaitan topik "Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah serta Kemiskinan" dalam forum *"Industry in the Classroom"* anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Industry in the Classroom

Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah serta Kemiskinan

● 20 Januari 2022 (Khamis)
● 11.00 pagi
● Online dan tertutup

anjuran

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Puan Pazlina Waty Che Pah
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

23 - 24 Februari 2022

Pameran Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas 2022 (HIES/BA 2022) oleh DOSM Sarawak bagi promosi dan publisiti HIES/BA 2022 di Lobi Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks Persekutuan Kuching, Sarawak





MAC 2023

6 Mac 2022

Kunjungan Hormat DOSM Kelantan kepada Encik Muhammad Fakhrezal bin Zainordin, Base Manager, Tok Bali Supply Base (TBSB), Pasir Puteh, Kelantan



9 Mac 2022

Kunjungan Hormat DOSM Sabah kepada YBhg. Datuk Dr. Mistirine binti Radin, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah



10 Mac 2022

Kunjungan Hormat DOSM Kelantan kepada Y.M. Haji Tengku Ab Rahman bin Tuan Yunus, Ketua Jajahan Kuala Krai, Kelantan



28 - 30 Mac 2022

Pameran DOSM sempena Showcase Setahun Sabah Maju Jaya di Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah



APRIL 2022

1 April 2022

Kunjungan Hormat DOSM Pulau Pinang kepada YB Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhammed Yunus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang



5 April 2022

Kunjungan Hormat DOSM Negeri Sembilan kepada Pengarah Unit Pembangunan Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan



6 April 2022

Kunjungan Muhibbah DOSM Negeri Sembilan kepada YBhg. Dato' Seri Aminuddin bin Harun, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

**6 April 2022**

Kunjungan Muhibah daripada YBrs. Encik Nor Afzami bin Isa, Pengarah RISDA Negeri Perlis kepada DOSM Perlis

**11 April 2022**

Kunjungan Muhibah DOSM Pahang kepada YAB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Pahang

12 April 2022

Kunjungan Hormat DOSM Sarawak ke Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak

**28 April 2022**

Stats Talk oleh DOSM berkenaan Statistik Tenaga Buruh dan Indeks Harga Pengguna secara dalam talian anjuran Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

6 April 2022

Kunjungan Hormat DOSM Sabah kepada Encik Sr. Shaffri bin Baudi, Pengarah Bahagian Pemetaan Topografi Sabah, Jabatan Ukur & Pemetaan Negeri Sabah

11 April 2022

Kunjungan Hormat DOSM Terengganu kepada YBM Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Terengganu bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu

**12 April 2022**

Kunjungan hormat DOSM Pejabat Operasi Labuan, Sabah ke Labuan Financial Services Authority (LFSA)

**14 April 2022**

Kunjungan Hormat DOSM Negeri Sembilan kepada Encik Kamal bin Roslim, Pengarah Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan di Kompleks Penyiaran RTM, Seremban





MEI 2022

10 Mei 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Pahang ke Jabatan Penerangan Pahang

14 Mei 2022

Taklimat Sosioekonomi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kepada Media Negeri Kelantan di Hotel Grand Renai, Kota Bharu, Kelantan



18 Mei 2022

Kunjungan Hormat DOSM Pahang ke Pusat Kecerdasan Buatan dan Sains Data, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

25 Mei 2022

Kunjungan Hormat DOSM Selangor kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Haji Haris Bin Kasim



25 Mei 2022

Kunjungan hormat DOSM Terengganu kepada Puan Mazura binti Ngah Abd Manan, Pengarah JKM Negeri Terengganu bertempat di Wisma Negeri, Kuala Terengganu

30 Mei 2022

Stats Talk bersama peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN tahun 2022 oleh DOSM dengan topik "Statistik Pemangkin Kemajuan Negara" anjuran INTAN bertempat di INTAN Kampus Wilayah Timur (INTIM)

13 Mei 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Perlis kepada YBrs. Cik Norazlin binti Nordin, Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Perlis



18 Mei 2022

Sesi Awareness Programme StatsDW 2.0 Siri 1 2022 oleh DOSM Negeri Sembilan bertempat di Bilik Salatin DOSM Negeri Sembilan

25 Mei 2022

Sesi Literasi Statistik Stats Talk Bil. 1/2022 anjuran DOSM Terengganu di Sekolah Menengah Sains Kuala Terengganu (SESTER)



25 Mei 2022

Sesi Literasi Statistik Bersama Pejabat Daerah Serian, Tebedu dan Siburan, Sarawak

25 Mei 2022

Program Kepentingan Statistik bersama JaPEN Perlis anjuran DOSM Perlis sempena Program Derma Darah dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar bertempat di Pusat Transformasi Bandar, UTC Perlis

**JUN 2022****3 Jun 2022**

Sesi perkongsian *Tips & Tricks SAS Certified Data Scientist* oleh DOSM kepada pegawai Jabatan Imigresen

8 Jun 2022

Kunjungan Muhibbah DOSM Kedah kepada YBrs. Tuan Haji Rozaini bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

15 Jun 2022

Program Forum Statistik anjuran DOSM Pahang dan Universiti Malaysia Pahang (UMP)

16 - 18 Jun 2022

Pameran DOSM sempena Festival Kesenian Rakyat Kelate 2022 di Pantai Getting, Tumpat, Kelantan

20 Jun 2022

Sesi Literasi Statistik bersama Pejabat Daerah Bintulu, Pejabat Daerah Tatau, Pejabat Daerah Sebauh, dan Bintulu Development Authority serta komuniti di Kampung Jepak, Bintulu, Sarawak

**21 Jun 2022**

Seminar *My Local Stats and Sustainable Development Goals (SDG)*: Statistik Peringkat Tempatan dan Pembangunan Mampan ke arah Kemakmuran Keluarga Malaysia anjuran DOSM dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT

**21 Jun 2022**

Kunjungan Hormat DOSM Selangor kepada YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor

**24 Jun 2022**

Sesi Kunjungan Hormat daripada DOSM Wilayah Persekutuan kepada YBrs. Encik Lim Ann Teck, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan (JaPen) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

22 Jun 2022

Sesi Perkongsian Penggunaan ICT dan eDagang oleh DOSM secara dalam talian anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu

28 Jun 2022

Kunjungan Hormat delegasi Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ke DOSM Sarawak

29 Jun 2022

Stats Talk oleh DOSM dengan topik "Job Vacancies Landscape in Malaysia" secara dalam talian anjuran INTI International College Subang, Selangor

30 Jun 2022

Kunjungan Hormat DOSM Kedah kepada Kol. Kehormat (PA) Haji Hashim bin Asman, Pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Darul Aman, Kedah



JULAI 2022

4 Julai 2022

Kunjungan Hormat DOSM Kedah kepada Tuan Nasrudin bin H. Mahmud, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Kedah

15 Julai 2022

Taklimat Pencapaian KDNK Negeri Melaka dan Statistik Subnasional bersama Ketua Perangkawan Malaysia



17 Julai 2022

Sesi Literasi Data Banci Malaysia 2020 bersama Komuniti di Kg. Paya Kelubi, Tempoyak, Pendang bertempat di Masjid Ar-Rahman, Kariah Kg. Paya Kelubi/ Tempoyak, Kedah



20 Julai 2022

Kunjungan Hormat daripada YBhg. Datuk A. Nagaraju, mewakili Gabungan Persatuan Masyarakat India Sabah ke DOSM Sabah



5 Julai 2022

Stats Talk kepada warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertajuk "Pemikiran Statistik Pemangkin Peningkatan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam: Data Analytic For Decision Making" oleh DOSM anjuran JPA bertempat di Auditorium JPA



18 Julai 2022

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia dan DOSM Kedah kepada YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah dan pembentangan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK Negeri Kedah, 2021

20 Julai 2022

Kunjungan Hormat DOSM Negeri Sembilan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

20 Julai 2022

Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia dan DOSM Kelantan kepada YB. Dato' Abdullah Yaakob, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Kelantan

25 Julai 2022

Sesi Literasi Statistik bersama Pejabat Daerah Maradong, Pejabat Daerah Sarikei, Pejabat Daerah Pakan dan Pejabat Daerah Julau serta bersama komuniti Ketua Masyarakat, Wakil Persatuan dan Pertubuhan Perniagaan di Meradong, Sarawak



26 Julai 2022

Sesi Taklimat Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan Prestasi Ekonomi Negeri Johor 2021 di Dewan Bankuet, Bangunan Sultan Ismail, Nusajaya, Johor yang dihadiri oleh seramai 132 orang peserta

26 Julai 2022

Kunjungan Hormat Ketua Perangkawan Malaysia dan DOSM Johor kepada YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor

28 Julai 2022

Sesi Literasi Statistik bersama Pejabat Daerah Sri Aman dan Pejabat Daerah Lubok Antu serta bersama komuniti Ketua Masyarakat di Sri Aman, Sarawak

**OGOS 2022****3 Ogos 2022**

Sesi engagement DOSM Pejabat Operasi Labuan bersama Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd.

**9 Ogos 2022**

Penerangan ringkas berkenaan kemajuan kerja Maharani Self Updating Maklumat Kendiri oleh Encik Zainol bin Jamil, Pengarah DOSM Johor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim bertempat di Desa stay D'Sawah, Sungai Balang, Muar Johor

**10 Ogos 2022**

Sesi engagement DOSM Pejabat Operasi Labuan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Labuan

**9 Ogos 2022**

Kunjungan hormat DOSM Sarawak kepada YBhg. Dato Sri Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak serta kepada YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar, Speaker DUN Sarawak

12 Ogos 2022

Kunjungan Hormat DOSM Sabah kepada pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

24 Ogos 2022

Kunjungan Hormat daripada YBhg. Prof. Dr. Azami bin Zaharim, Perunding SIA Institut Darul Ehsan (IDE), Encik Khairul Arifin Bin Mohd Munir, Pengurus Kanan Penyelidikan Institut Darul Ehsan (IDE) dan YBrs. Dr. Mohammad Fahmi Ngah, Pengarah Selangor Research Institut (SRI) kepada DOSM Selangor

19 Ogos 2022

Siri Taklimat Sosioekonomi Program Jelajah YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 Ke Negeri Terengganu dan Kelantan Sempena Penyediaan Bajet 2023 bertempat di Primula Hotel



SEPTEMBER 2022

7 September 2022

Kunjungan Hormat DOSM Sarawak kepada YBhg. Datu Dr Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

11 September 2022

Sesi Pembentangan berkaitan Pensempadan Pewartaan oleh DOSM dan JUPEM Kedah bertempat di Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Anak Bukit, Kedah

15 September 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Terengganu ke Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Gong Baru, Tok Nasek, Kuala Terengganu



17 September 2022

Pameran DOSM sempena Majlis Perasmian Penutup Karnival Sambutan Bulan Kebangsaan 2022 anjuran IKRAM Kelantan bertempat di Mydin Mall, Tunjong, Kota Bharu, Kelantan



29 September 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Sabah kepada Jabatan Siasatan Jenayah, Kontinjen Sabah

8 September 2022

Kunjungan Muhibah Ketua Perangkawan Malaysia dan DOSM Sabah kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah



12 September 2022

Kunjungan Hormat DOSM Wilayah Persekutuan kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur

16 – 17 September 2022

Pameran oleh DOSM Perlis sempena Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Negeri Perlis (HPPNs) bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis



19 September 2022

Kunjungan Muhibah DOSM Terengganu kepada Encik Azman bin Sulong, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pusat Chabang Tiga (SKPCT), Terengganu

21 September 2022

Kunjungan hormat DOSM Wilayah Persekutuan kepada Senator Datuk Haji Bashir Bin Haji Alias di Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan (PL)

28 September 2022

Kunjungan Hormat DOSM Kelantan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan



OKTOBER 2022

7 – 9 Oktober 2022

Pejabat Operasi Keningau menyertai pameran sempena Program Youth Career (Y-Career) di Kompleks Sukan Keningau, Sabah



12 Oktober 2022

Pameran DOSM sempena Centre for Spatially Integrated Digital Humanities Day (CSIDH DAY) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)



13 Oktober 2022

Webinar "Data Sciences: Challenges, Opportunities & Realities" secara atas talian anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama DOSM

14 Oktober 2022

Pameran DOSM sempena Program Perkhidmatan Komuniti Bergerak atau *Mobile Community Services* (Mobile CS) Siri 6 dan Siri 7 Tahun 2022 anjuran Perbendaharaan Malaysia Sarawak di Daro, Sarawak

18 Oktober 2022

Kunjungan hormat daripada Tuan Haji Abdul Hakim Amir bin Osman, Ketua Pengawai Eksekutif dan Pengurusan Atasan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) ke DOSM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

19 Oktober 2022

Program Statistik bersama Komuniti oleh DOSM Perlis melibatkan komuniti setempat di kawasan tumpuan pelancongan Taman Buah-Buahan Eksotik Perlis



14 & 16 Oktober 2022

Program Stats Talk di SMK Elopura 2, Sandakan melibatkan pelajar Tingkatan 6 Rendah sempena Hari Statistik Negara 2022



20 Oktober 2022

Program Stats Talk bersama pelajar Kolej Tingkatan 6 Tawau yang disampaikan oleh Encik Minson bin Majimbun, Ketua Pejabat Operasi Tawau sempena sambutan Hari Statistik Negara 2022

20 Oktober 2022

Pameran dan Kuiz Statistik sempena sambutan Hari Statistik Negara 2022 oleh DOSM Wilayah Persekutuan bertempat di lobi Wisma FGV, Kuala Lumpur

20 Oktober 2022

Pameran Hari Statistik Negara 2022 anjuran DOSM Selangor dan Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data (BIPD), DOSM dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertempat di Persada FST, Fakulti Sains & Teknologi, UKM Bangi, Selangor

20 Oktober 2022

Pameran DOSM sempena sambutan Hari Statistik Negara di Lobi Bangunan Sultan Iskandar, Sarawak

20 Oktober 2022

Pameran Statistik oleh Pejabat Operasi Langkawi sempena Hari Statistik Negara 2022 di Dermaga Tanjung Lembung, Langkawi, Kedah

**20 Oktober 2022**

Pameran oleh DOSM Pahang sempena Hari Statistik Negara 2022 bertempat di East Coast Mall, Kuantan, Pahang

20 Oktober 2022

Sesi Statistics Talk sempena dengan Hari Statistik Negara 2022 yang dihadiri oleh warga Sekolah Menengah Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu

**25 Oktober 2022**

Kunjungan Hormat DOSM Pulau Pinang kepada YBrs. Sr. Harith Fadzilah bin Abd Khalid, Pengarah Politeknik Seberang Perai (PSP), Pulau Pinang

**20 Oktober 2022**

Pameran Statistik oleh DOSM Kedah sempena Hari Statistik Negara 2022 di Universiti Utara Malaysia Sintok, Kedah

**20 Oktober 2022**

Pameran sempena Hari Statistik Negara 2022 oleh DOSM Negeri Sembilan bertempat di Lobi Wisma Persekutuan Seremban, Negeri Sembilan

20 Oktober 2022

Pameran oleh DOSM Terengganu sempena Hari Statistik Negara 2022 bertempat di Lobi Wisma Persekutuan Kuala Terengganu

**22 Oktober 2022**

DOSM Sabah menyertai pameran sempena Simposium Inspirasi Kerjaya Anak Muda Sabah di Universiti Malaysia Sabah

27 Oktober 2022

Sesi perkongsian ilmu dan pameran oleh DOSM Negeri Sembilan sempena sambutan Hari Statistik Negara 2022 di Kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan





NOVEMBER 2022

3 November 2022

Program Seminar Statistik Belia Kebangsaan melibatkan pembentangan topik "Peranan Generasi Muda dalam Melestarikan Statistik" oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia



8 November 2022

Kunjungan Hormat DOSM Terengganu kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) melibatkan JPKK Kampung Tok Dat, JPKK Kampung Tanah Merah, JPKK Kampung Gong Nangka dan JPKK Kampung Cabang 3 Pak Wong bertempat di Dewan Sivik Jabi, Besut



12 November 2022

Pameran DOSM sempena STEM Career Fair anjuran YAYASAN PETRONAS di SMK Bako, Sarawak




14 November 2022

Lawatan Kerja Rasmi DOSM Sabah bersama Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi) ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah



14 November 2022

Sesi pembentangan DOSM's Talk On Data Collection dengan tajuk "Official Statistics in Malaysia" secara atas talian disampaikan oleh Encik Barshah bin Abu Bakar daripada DOSM Selangor kepada pelajar Institut Sains Matematik (ISM), Fakulti Sains, Universiti Malaya



16 November 2022

Sesi pembentangan DOSM's Talk On Data Collection dengan tajuk "Questionnaire Design of Labor Force Survey in Malaysia" disampaikan oleh Encik Frankie Albert Antau daripada DOSM Selangor kepada pelajar Institut Sains Matematik (ISM), Fakulti Sains, Universiti Malaya



16 November 2022

Kunjungan Muhibbah daripada Encik Ahmad Norhad bin Zahari, Setiausaha Bahagian Teknologi Komunikasi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) ke Pejabat Operasi Kajang, Selangor

**16 November 2022**

Lawatan Akademik oleh Pensyarah Pengiring dan pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Infomatik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke Ibu Pejabat DOSM

**29 November 2022**

Industry Talk: Menelusuri Banci Malaysia 2020 Negeri Selangor yang disampaikan oleh Puan Hartini binti Yaacob, Pengarah DOSM Selangor sempena FBM ICAN Week 2020 anjuran Business Economics Student Society, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Puncak Alam, Selangor

**16 November 2022**

Sesi literasi statistik berkaitan topik *Understanding National Economics Accounts* bersama pelajar Jurusan Ekonomi, International Islamic University Malaysia (IIUM) di bawah program *Economics Employability Enhancement Program (E3P)* bertempat di Kulliyah of Economics & Management Sciences, IIUM, Gombak.

29 November 2022

Kunjungan Hormat DOSM Selangor kepada Dr. Nor Farradila Abdul Aziz, Timbalan Dekan, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**30 November 2022**

Pameran oleh DOSM Negeri Sembilan sempena Karnival Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

**30 November 2022**

The 2nd International Undergraduate and Postgraduate Conference on Engineering, Technology and Science 2022 (IUP 2022) yang dihadiri oleh Ketua Perangkawan Malaysia sebagai Keynote Speaker bertempat di UMTCC, Universiti Malaysia Terengganu





DISEMBER 2022

9 Disember 2022

Kunjungan hormat Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ke DOSM Sarawak



13 Disember 2022

Kunjungan Hormat Pengarah DOSM Johor kepada YB Dato' Dr. Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)



13 Disember 2022

Kunjungan Hormat Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal) bersama DOSM Sabah kepada YBrs. Encik Roslan bin Junaidi, Timbalan Konservator Hutan (Operasi), Jabatan Perhutanan Sabah dan kepada Borneo Samudera (Sawit Kinabalu Sdn Bhd) Ladang Luboh, Rancangan Sg. Manila Pkt. 5



16 Disember 2022

Sesi literasi statistik berkaitan topik "Understanding National Economics Accounts" bersama pelajar Jurusan Ekonomi, International Islamic University Malaysia (IIUM) di bawah program *Economics Employability Enhancement Program (E3P)* bertempat di *Kulliyah of Economics & Management Sciences*, IIUM, Gombak, Selangor - BPAN



16 Disember 2022

Lawatan sambil belajar daripada Encik Saiful Azhar Mohd, Pensyarah dan 7 orang pelajar Fakulti Pengurusan Seni Budaya dan Warisan, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur bertempat di Pejabat Operasi Gombak, Selangor



16 Disember 2022

Ceramah oleh DOSM yang bertajuk "National Economics Accounts and Balance of Payments" kepada pelajar dan pensyarah jurusan *Economics, Business, Finance and Accounting, Kulliyyah of Economics & Management Sciences*, Universiti Islam Antarabangsa



21 Disember 2022

Sesi Kunjungan Hormat DOSM Pulau Pinang kepada Tuan Hj. Abdul Rashid bin Abdul Samad, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

**21 Disember 2022**

Kunjungan Hormat Pengarah DOSM Johor kepada YB Dato' Haji Mohamed Ridha bin Dato' Haji Abd Kadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)

**21 Disember 2022**

Kunjungan Hormat Pengarah DOSM Johor kepada Pengarah Pembangunan Negeri Johor, Tuan Haji Rahman bin Mohd Din

**22 Disember 2022**

Webinar Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) Siri ke-16: *Women in Search of Excellence (WiSE)* dengan tema "Wanita Dalam Pasaran Buruh: Dilema dan Peluang" secara hybrid melibatkan kerjasama antara YTF dan DOSM



KUNJUNGAN HORMAT DAN MUHIBAH

DOSM telah menerima dan menganjurkan sebanyak 35 sesi kunjungan hormat dan muhibah sepanjang tahun 2022. Sesi ini yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta, universiti serta agensi antarabangsa dan delegasi dalam mengukuhkan hubungan kerjasama strategik dan sinergi dengan pihak yang terlibat.



JANUARI 2022

4 Januari 2022

Kunjungan Hormat kepada YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun, Peguam Negara



4 Januari 2022

Kunjungan Hormat daripada YBrs. Tuan Haji Khairoddin bin Ahmad, Pengarah Tabung Haji Wilayah Tengah

10 Januari 2022

Kunjungan Hormat kepada YBhg. Dato' Sri Hj. Mohammad Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia



14 Januari 2022

Kunjungan Muhibah daripada YBhg. Dato Dr. Hasan Mohamed Ali, Pengasas Anjung Husnul Khatimah



19 Januari 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis

20 Januari 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBhg. Dato' Syeikh Zakaria bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Kunjungan Hormat kepada YB Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

24 Januari 2022

Kunjungan Hormat daripada Encik Nazrul Azizi, Presiden Scopurs Malaysia dan Encik Firdaus Hilmi, Setiausaha Agung Scopurs Malaysia



FEBRUARI 2022

9 Februari 2022

Kunjungan Hormat kepada YBhg. Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab. Yajid, Presiden Management and Science University

21 Februari 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBrs. Tn. Hj. Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (ANGKASA)

21 Februari 2022

Kunjungan Muhibah daripada YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)



MAC 2022



APRIL 2022

6 April 2022

Kunjungan Hormat daripada YBhg. Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



2 Mac 2022

Kunjungan Hormat kepada YB Tan Sri Azhar Azizan Harun, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat

16 Mac 2022

Kunjungan Hormat daripada YBrs. Tuan Haji Zazali Haron, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

12 April 2022

Kunjungan Hormat daripada Delegasi Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya, Pegawai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pegawai Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

13 April 2022

Kunjungan Hormat daripada YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Kamarulzaki Mustafa, Provost, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) (Cawangan Pagoh, Johor) dan Delegasi ke DOSM

14 April 2022

Kunjungan Hormat daripada Persatuan Pendidikan Ekonomi Transformasi Nasional Malaysia (PETRAM), Malaysia Tamil Sanggam (MTS) dan Malaysia Tamil Matham Sangam (MTMS)

14 April 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBhg. Datuk Abdul Ghani bin Salleh, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)



26 April 2022

Kunjungan Muhibah kepada YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

26 April 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak



JUN 2022

1 Jun 2022

Kunjungan Hormat daripada Faradisse High Sdn. Bhd.

20 Jun 2022

Kunjungan Hormat kepada YB Mulia Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu



JULAI 2022

8 Julai 2022

Kunjungan Muhibah daripada YBhg. Dato' Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)



14 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada Tuan Yang Dipertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam di Istana Melaka

15 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka

18 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor, Menteri Besar Kedah

20 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada YB Dato' Abdullah Yaakob, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Kelantan

22 Julai 2022

Kunjungan Hormat daripada YBrs. Tuan Fraziali Ismail, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM)

26 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

26 Julai 2022

Kunjungan Hormat kepada YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor

**OGOS 2022****2 Ogos 2022**

Kunjungan Hormat bersama YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Hj Azumu, Menteri Belia dan Sukan dan Pengurusan KBS

18 Ogos 2022

Kunjungan Hormat kepada YB. Dato' Sri Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak

2 Ogos 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBrs. Tuan Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam Malaysia

**SEPTEMBER 2022****6 September 2022**

Kunjungan Hormat kepada YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP)

8 September 2022

Kunjungan Hormat kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah

**OKTOBER 2022****13 Oktober 2022**

Kunjungan Hormat daripada Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

13 Oktober 2022

Kunjungan Muhibah kepada YBhg. Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada tahun 2022. Tambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 40 MoU yang telah dimeterai sepanjang tahun 2022.



21 JUN 2022

Majlis Menandatangani MoU antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu



6 JULAI 2022

Majlis Menandatangani MoU antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Asia Pacific University Of Technology and Innovation (APU) bertempat di Asia Pacific University, Bukit Jalil, Kuala Lumpur



3 OGOS 2022

Majlis Menandatangani MoU antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor



SENARAI MoU 2022



8

KERAJAAN/
AGENSI



16

INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI AWAM



1

ANTARABANGSA



7

INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI SWASTA



6

SWASTA



KE ARAH ORGANISASI STATISTIK TERBILANG DI DUNIA

Jalinan Kerjasama Antarabangsa **164**

Pengiktirafan di Peringkat
Antarabangsa **165**

Penglibatan DOSM di Peringkat
Antarabangsa **169**

Program Utama Antarabangsa **179**



JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA

DOSM secara aktif sentiasa memperkuatkkan hubungan jalinan kerjasama dengan badan statistik serantau dan antarabangsa. Seiring dengan peranan DOSM sebagai badan statistik rasmi dalam pembangunan negara, hubungan jalinan kerjasama yang melewati sempadan global ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam merealisasikan visi DOSM iaitu Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat. DOSM sentiasa menyahut dan mematuhi amalan terbaik yang disyorkan oleh badan antarabangsa dalam menyediakan perkhidmatan statistik yang berintegriti dan sistematis. Justeru, DOSM juga turut aktif mengambil bahagian dalam pelbagai persidangan, mesyuarat dan program yang dianjurkan di peringkat antarabangsa.



PENGITIRAFAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

SENARAI KEANGGOTAAN DAN PERANAN DOSM

PENGERUSI

- ▶ 18th Session of the Governing Council of the Statistical Institute for Asia and The Pacific (GC SIAP)
- ▶ Working Group on System of National Accounts (WGSNA) (2021-2024)
- ▶ Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics (2018-2020)
- ▶ Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) (2018-2020)
- ▶ Organization of Islamic Cooperation Statistical Commission (OIC-StatCom) (2018-2019)
- ▶ Working Group on International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS) (2018-2019 & 2012-2013)
- ▶ Task Force on Asia-Pacific Economic Statistics Week (APES) (2017-2019)
- ▶ Working Group Statistics on International Trade in Services (WGSITS) (2014-2016)
- ▶ Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics (WGDSA) (2011-2017)

NAIB PENGERUSI

- ▶ Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and Pacific (2019- 2024)
- ▶ Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics (2021-2022)
- ▶ Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) (2020-2022)
- ▶ Friends of the Chair (FOC) of SIAP Governing Council (2013-2015)

PENGERUSI & TUAN RUMAH

- ▶ Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East Asean Growth Area (BIMP-EAGA) (2018)
- ▶ ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee (2015)

PENGERUSI BERSAMA

- ▶ Steering Group Members: Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific (RPES) (2021-2022, 2019-2020 & 2016-2017)
- ▶ Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC Statistical Commission (2018-2020)



KEAHLIAN DALAM PERSATUAN/ SURUHANJAYA/ JAWATANKUASA/ KUMPULAN PAKAR



UNSD
24
AKTIF

UNESCAP
6
AKTIF

UNSIAP
2
AKTIF

ASEAN
10
AKTIF

**ORGANISASI &
PERSATUAN LAIN**
13
AKTIF

SESRIC
1
AKTIF

MALAYSIA DIUNDI SEBAGAI AHLI GOVERNING COUNCIL OF THE STATISTICAL INSTITUTE FOR ASIA AND THE PACIFIC (GC SIAP) BAGI PENGGAL 2022-2024

United Nations the Statistical Institute for Asia and the Pacific (UN SIAP) Governing Council (GC): Selaras dengan Statutnya, Institut ini mempunyai GC yang merangkumi seorang perwakilan yang dilantik oleh Kerajaan Jepun dan Jepun (8) orang perwakilan yang dicalonkan oleh ahli majlis yang lain dan ahli-ahli bersekutu ESCAP yang dilantik oleh Suruhanjaya. Pada 24 Mei 2022 bersempena dengan sesi persidangan ke-78 di Bangkok, Suruhanjaya telah melantik negara-negara berikut sebagai ahli GC bagi tempoh 2022-2024: Bangladesh; China; India; Jepun (Negara Tuan Rumah); Malaysia; Filipina; Republik Korea; Thailand; dan Vietnam. Malaysia telah dilantik sebagai ahli GC SIAP bagi tempoh 2022-2024, susulan sepuluh tahun (10) keahlian sebagai pemerhati. Ahli-ahli rantau Asia dan Pasifik memberikan undian besar yang memihak kepada Malaysia.




Semasa sesi Ke-18 Governing Council (GC) Institut Perangkaan Asia dan Pasifik (SIAP) yang dianjurkan di Chiba, Jepun pada 12 hingga 13 Disember 2022, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menyandang tanggungjawab sebagai Pengerusi, melalui pencalonan dari India dan Republik Korea dan disokong oleh Filipina. Malaysia berbesar hati di atas perlantikan sebagai Pengerusi majlis tersebut. Malaysia melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah diwakili oleh Ketua Perangkawan, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin serta Encik Zuraidy Zainal Abidin, Pengarah Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM). Ketua Perangkawan berharap agar SIAP dapat mewujudkan persekitaran kerja yang mesra dan memberikan kepimpinan serta perkongsian pengalaman yang akan memberikan keupayaan untuk meneruskan kesinambungan tugas penting council dalam tempoh tiga tahun yang mendatang. "Malaysia akan terus bekerjasama dengan seluruh pasukan komuniti statistik Asia dan Pasifik dalam usaha untuk memperkembangkan lagi program dan aktiviti pembangunan-kapasiti statistik bagi membantu negara anggota memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti dan ketersediaan statistik, terutama sekali dalam melaksanakan dan memantau pencapaian Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan menangani isu-isu berbangkit."



KERTAS KERJA TERBAIK DAN PEMBENTANG TERBAIK SEMASA INTERNATIONAL CONFERENCE ON DATA SCIENCE AND EMERGING TECHNOLOGIES 2022 (DaSET 2022)


DaSET 2022 bertema "Trends in Artificial Intelligence and Data-Driven Solutions" telah dianjurkan pada 20 hingga 21 Disember 2022. Salah satu kertas kerja berjudul "Dissemination Management for Official Statistics using Artificial Intelligence-based Media Monitoring" telah mendapat anugerah Kertas Kerja Terbaik dan Pembentang Terbaik di persidangan tersebut. Kertas kerja ini juga telah diterbitkan dalam prosiding indeks Springer Scopus.



UN BIG DATA HACKATHON (BIG DATA EXPERTS TRACK WINNERS)

The United Nations Committee of Experts on Big Data and Data Science for Official Statistics (UNCEBD), Major Group for Children and Youth (MGCY), and Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia menjadi tuan rumah kepada penganjuran 2022 UN Big Data Hackathon.

2022 UN Big Data Hackathon telah dianjurkan bermula dari 8 hingga 11 November merangkumi dua (2) trek; trek Big Data Expert dan trek Youth yang membawa tema Menggunakan Big Data dan Sains Data untuk membangunkan idea dan penyelesaian bagi menangani Cabaran Global dalam membantu pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan. Malaysia melalui DOSM menghantar dua (2) pasukan bagi setiap trek iaitu pasukan GEMy (Big Data Expert) dan Analgent (Youth). Pada 22 Disember 2022, pasukan yang memenangi pertandingan ini telah diumumkan dan GEMy telah terpilih sebagai Key Contributor daripada 37 pasukan dari seluruh dunia. Pasukan yang memenangi pertandingan ini akan membentangkan projek mereka di UN World Data Forum 2023 (UNWDF2023) di Hangzhou, China serta akan turut menerima sijil dan hadiah ganjaran.



PENGLIBATAN DOSM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

DOSM terus mengukuhkan keterlibatan antarabangsa pada tahun 2022 dengan mengambil bahagian dalam 1,225 program Antarabangsa yang melibatkan seramai 1,330 orang pegawai DOSM. Selain itu, DOSM telah dijemput sebagai pengajar, ahli panel, dan pembentang kepada 30 mesyuarat kumpulan pakar, kursus, bengkel, dan persidangan antarabangsa yang melibatkan seramai 47 orang pegawai DOSM. DOSM juga telah menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja dari delegasi badan statistik kebangsaan dan institusi antarabangsa, yang merupakan salah satu komitmen DOSM untuk membantu negara-negara lain meningkatkan keupayaan mereka dalam menghasilkan statistik rasmi negara. Dengan keterlibatan ini, DOSM berupaya berada di peringkat yang sama dengan National Statistical Offices (NSOs) negara-negara lain serta menjadi lebih responsif dalam komuniti statistik antarabangsa terhadap pelaksanaan *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan Agenda Global 2030.

KATEGORI DAN BILANGAN PROGRAM

BILANGAN PROGRAM 1	Program Penempatan/ Sangkutan (Attachment Programme)	BILANGAN PROGRAM 1	Kunjungan Hormat (Courtesy Call)
BILANGAN PROGRAM 21	Mesyuarat Kumpulan Pakar (Expert Group Meeting)	BILANGAN PROGRAM 88	Forum/ Persidangan/ Webinar/ Seminar (Forum/ Conference/ Webinar/ Seminar)
BILANGAN PROGRAM 6	Mesyuarat Peringkat Tinggi/ Suruhanjaya (High-Level Meeting/ Commission)	BILANGAN PROGRAM 6	Mesyuarat (Meeting)
BILANGAN PROGRAM 4	Lawatan Sambil Belajar (Study Visit)	BILANGAN PROGRAM 39	Mesyuarat Kumpulan Kerja (Working Group Meeting)
BILANGAN PROGRAM 59	Bengkel/Latihan (Workshop/Training)	225 JUMLAH KESELURUHAN	

RINGKASAN PERANAN PEGAWAI DOSM DALAM PROGRAM ANTARABANGSA

Peranan	Bilangan Program	Bilangan Pegawai
Pengerusi/ Pengacara/ Moderator (Chairperson/ Table Host/ Moderator)	2	2
Penyampai Kata Alu-Aluan (Opening Remarks)	2	2
Ahli Panel (Panellist)	3	3
Pembentang (Presenter)	17	23
Pengajar/ Jurulatih (Trainer)	6	17
Jumlah Keseluruhan	30	47



30
JUMLAH
PROGRAM



47
JUMLAH PEGAWAI
TERLIBAT

JUMLAH PENYERTAAN MENGIKUT BULAN

Bulan	Bilangan Program	Bilangan Peserta
Januari	4	39
Februari	42	227
Mac	22	167
April	13	57
Mei	20	108
Jun	19	89
Julai	18	117
Ogos	20	141
September	18	97
Oktober	13	28
November	20	108
Disember	16	152
Jumlah Keseluruhan	225	1,330



225
JUMLAH
PROGRAM




1,330
JUMLAH PESERTA
TERLIBAT

Modus (Modality)	Program
Fizikal	24
Maya (Virtual)	201

PENYERTAAN DALAM PROGRAM ANTARABANGSA SECARA MAYA



PENYERTAAN MENGIKUT KUMPULAN UMUR DAN JANTINA PADA 2022



RINGKASAN PENGLIBATAN DOSM SECARA FIZIKAL DI LUAR NEGARA


25 - 28 April 2022

► Krakow, Poland

18th International Association of Official Statistics (IAOS) Conference 2022

YBrs. Puan Nazaria Baharudin

Timbalan Ketua Perangkawan
(Program Sosial dan Pembangunan Teknikal)



30 Mei - 3 Jun 2022

► Geneva, Switzerland

12th Round of Negotiations toward a Free Trade Agreement between EFTA States and Malaysia

Puan Siti Haslinda Md Din

Pengarah
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa



31 Mei - 3 Jun 2022

► Lisbon, Portugal

3rd Meeting of the Task Team on International Trade Statistics of the UN Committee of Experts in Business and Trade Statistics (UNCEBTS)

Puan Shafizaermawaty Shafei

Pengarah
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran

Puan Nurul Ainie Hamid

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa



13 - 25 Jun 2022

► Ireland, United Kingdom & Jerman

Study visit "Fact Finding Mission on Boosting Productivity through Improvement of Mean Years of Schooling and School Life Expectancy"

Puan Noraliza Mohamad Ali

Timbalan Pengarah Eksekutif
Malaysian Bureau of Labour Statistics



20 - 22 Jun 2022

► Rabat, Maghribi

United Nations Technical Meeting on Indicators and Operationalisation of the Conceptual Framework of International Migration Statistics

Puan Roslawati Yahya

Pengarah

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial



12 - 14 Julai 2022

► Bangkok, Thailand

International Labour Organization (ILO) Preparatory Regional Meeting of Labour Statisticians for the 21st International Conference of Labour Statisticians (ICLS)

Puan Nur Layali Mohd Ali Khan

Perangkawan

Malaysian Bureau of Labour Statistics



19 - 22 Julai 2022

► Manila, Filipina

BIMP-EAGA Vision 2025 Mid-Term Review (Task Force Meeting)

Puan Wan Siti Zaleha Wan Zakaria

Timbalan Pengarah

Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa



4 - 6 Ogos 2022

► Istanbul, Turkiye

Economic Globalization Conference

Puan Fadzillah Aini Mustafa

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Perangkaan Akaun Negara



22 - 26 Ogos 2022

- ▶ Bangkok, Thailand

8th Session of the ESCAP Committee on Statistics

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

Ketua Perangkawan Malaysia

Encik Herzie Mohamed Nordin

Pengarah

Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data



29 - 30 September 2022

- ▶ Bangkok, Thailand

8th Technical Meeting of Focal Points on International Labour Migration Statistics in ASEAN

Puan Noraliza Mohamad Ali

Timbalan Pengarah Eksekutif

Malaysian Bureau of Labour Statistics



21 - 22 September 2022

- ▶ Doha, Qatar

Regional Workshop "The Changing Role Of Official Statistics In The State Of Qatar: Why Data Culture Matters"

Encik Wan Mohd Shahruhnizam Wan Mohd Najuri

Pengarah Kanan

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi



3 - 5 Oktober 2022

- ▶ Bangkok, Thailand

East and Southeast Asia Regional Training Workshop: "Strengthening National Capacities In Education Indicators And Statistics For Evidence-Based Policymaking, Planning and Monitoring of SDG 4"

Puan Nur'Azah Afnan Hanafi

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial



10 - 19 Oktober 2022

▶ Itali dan Jerman

Study visit "Strengthening Labour Market Information Systems (LMIS) in the ASEAN Member States as a basis for better skills and employment policies"

Encik Mohd Firdaus Zaini

Ketua Penolong Pengarah
Malaysian Bureau of Labour Statistics



31 Oktober - 4 November 2022

▶ Singapura

Singapore-US Third Country Training Programme (TCTP): Workshop on Digital Economy

Puan Norazlin Muhamram

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan



31 Oktober – 4 November 2022

▶ Ankara, Turkiye

11th Session of OIC Statistical Commission (OIC-StatCom)

Puan Norhayati Jantan

Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Akaun Negara



26 Oktober 2022

▶ Singapura

SAS Innovate on Tour – Singapore

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

Ketua Perangkawan Malaysia



2 - 4 November 2022

▶ Seoul, Korea Selatan

The International Seminar on Data Stewardship and the Secure Sharing of Data

Puan Nazirah Ibrahim

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data



7 - 11 November 2022

► Bangkok, Thailand

13th Meeting of the IAEG-SDGs and UN Expert Group Meeting on Harnessing Data by Citizens for Public Policy and SDG Monitoring

YBrs. Puan Nazaria Baharudin

Timbalan Ketua Perangkawan
(Program Sosial dan Pembangunan Teknikal)



28 November - 2 Disember 2022

► Bangkok, Thailand

Subregional Workshop on the Implementation of the Degree of Urbanisation Methodology in South-East-Asian countries

Encik Zainal Abidin Mutalib

Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi



7 - 11 November 2022

► Yogyakarta, Indonesia

7th International Conference on Big Data and Data Science for Official Statistics

Puan Nur Aziha Mansoor @ Nordin

Ketua Penolong Pengarah
Core Team Analitik Data Raya

Puan Veronica S. Jamilat

Ketua Penolong Pengarah
Core Team Analitik Data Raya



28 November - 2 Disember 2022

► Melbourne, Australia

Leadership in a Challenging World

Puan Ezatul Nisha Abdul Rahman

Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi



6 - 8 Disember 2022

► Seoul, Korea Selatan

First Expert Consultation on Women and Technology Data

YBrs. Puan Nazaria Baharudin

Timbalan Ketua Perangkawan
(Program Sosial dan Pembangunan Teknikal)



12 - 15 Disember 2022

► Chiba, Japan

18th Session of the Governing Council of the Statistical Institute for Asia and The Pacific (GC SIAP)

- 8th Meeting of Network for the Coordination of Statistical Training in Asia and the Pacific (the Network)
- 17th Management Seminar for the Heads of National Statistical Offices (NSOs) in Asia and the Pacific

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

Ketua Perangkawan Malaysia

Encik Zuraidy Zainal Abidin

Pengarah
Institut Latihan Statistik Malaysia



19 - 22 Disember 2022

► Muscat, Oman

15th Meeting of the Task Team on International Trade Statistics (TT-ITS) of the UN Committee of Experts in Business and Trade Statistics (UNCEBTS)

Encik Abdul Latif Abd Kadir

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa

Encik Zuradi Jusoh


Penolong Pengarah
Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran



PROGRAM UTAMA ANTARABANGSA

53rd UNITED NATIONS STATISTICAL COMMISSION 2022

The United Nations Statistical Commission (UN StatCom) yang ditubuhkan pada tahun 1947, merupakan badan tertinggi dalam sistem statistik global yang menghimpunkan kesemua Ketua Perangkawan negara ahli dari seluruh dunia. Ia merupakan badan penggubal tertinggi bagi aktiviti statistik di peringkat antarabangsa, yang bertanggungjawab dalam menetapkan standard statistik dan pembangunan konsep serta kaedah, termasuk perlaksanaannya pada peringkat nasional dan antarabangsa. Statistical Commission ini memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh United Nations Statistics Division (UNSD), dan ia turut merupakan Functional Commission bagi UN Economic and Social Council. Pada tahun 2022, Malaysia menyertai UN StatCom Ke-53 (#UN52SC) yang diketuai secara maya oleh YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Sejumlah 38 item agenda dengan 55 dokumen sokongan telah dibincangkan dan dimuktamadkan, yang selanjutnya menjana keputusan penting terhadap usaha pembangunan sistem statistik global. Penyertaan serta sumbangan sepenuhnya dari Malaysia terus dilestarikan semasa sesi berlangsung, melalui penyerahan 38 pembentangan nasional secara bertulis dan penyampaian 10 pembentangan lisan secara maya.



8th SESSION OF THE COMMITTEE ON STATISTICS OF THE ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND PACIFIC (UNESCAP) 2022

Jawatankuasa Statistik ini menangani isu-isu berikut:

Memastikan bahawa menjelang 2020 kesemua negara di rantau ini mempunyai kemampuan untuk membekalkan julat asas statistik bagi populasi, ekonomi, sosial dan persekitaran

Mencipta persekitaran pengurusan informasi yang lebih mudah guna dan kos efektif untuk National Statistical Offices (NSOs) melalui usahasama yang lebih kukuh

Malaysia menyertai Sesi Ke-8 Committee on Statistics of the ESCAP yang telah dianjurkan bermula dari 23 hingga 25 Ogos 2022 di United Nations Conference Centre, Bangkok. Perwakilan dari Malaysia terdiri dari YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Encik Herzie Mohamed Nordin, Pengarah Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data.



18th SESSION OF THE GOVERNING COUNCIL OF THE STATISTICAL INSTITUTE FOR ASIA AND THE PACIFIC (GC SIAP) 2022

Selaras dengan Statutnya, Institut ini mempunyai Governing Council yang merangkumi seorang perwakilan yang dilantik oleh Kerajaan Jepun dan lapan orang perwakilan yang dicalonkan oleh ahli majlis yang lain dan ahli-ahli bersekutu ESCAP yang dilantik oleh Commission. Bersempena dengan sesi persidangan ke-78 di Bangkok, Commission telah melantik negara-negara berikut sebagai ahli Governing Council bagi tempoh 2022-2024: Bangladesh; China; India; Jepun (Negara Tuan Rumah); Malaysia; Filipina; Republik Korea; Thailand; dan Vietnam. Sesi ke-18 SIAP Governing Council telah dianjurkan dari 12 hingga 13 Disember 2022 di Chiba, Jepun dan Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi bagi sesi ini. Sesi ini telah dianjurkan bersama dengan 8th Network for the Coordination of Statistical Training in Asia and the Pacific (the Network) pada 13 Disember 2022 dan 17th Management Seminar for the Heads of National Statistical Offices (NSOs) in Asia and the Pacific pada 14 hingga 15 Disember dengan tema "Data Governance". Malaysia diwakili oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Encik Zuraidy Zainal Abidin, Pengarah Institut Latihan Statistik Malaysia.



11th SESSION OF THE OIC STATISTICAL COMMISSION (OIC-STATCOM) 2022

OIC-Statistical Commission (OIC-StatCom) merupakan inisiatif oleh SESRIC. Ia telah ditubuhkan pada tahun 2011 dengan matlamat untuk mempertingkatkan usahasama antara NSOs bagi negara ahli dengan wawasan untuk menyokong sistem statistik negara dalam membangunkan strategi dan polisi nasional yang lebih baik. OIC Stat-Com merupakan platform instrumen penting bagi menjalin kerjasama antara NSOs negara ahli sepetimana *UN Statistical Commission* (UNSC). Dalam kapasitinya selaku sekretariat OIC-StatCom, SESRIC memainkan peranan untuk menganjurkan sesi tahunan bagi pihak Commission dan membuat pemantauan susulan terhadap akitiviti yang dilaksanakan oleh kumpulan kerjanya.

SESRIC, dalam kapasitinya sebagai Sekretariat OIC-StatCom, telah menganjurkan Sesi ke-11 OIC-StatCom secara hibrid bertempat di Ibu Pejabat SESRIC, Ankara, Republik Türkiye, pada 18-19 Oktober 2022 secara usahasama dengan Islamic Development Bank (IsDB) Group. Sesi ini menghimpunkan 96 orang peserta daripada NSOs merangkumi 39 buah negara OIC dan Malaysia telah diwakili oleh Puan Norhayati binti Jantan, Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Akaun Negara. Sesi ini juga telah dihadiri oleh perwakilan daripada 10 organisasi serantau dan antarabangsa.





WORK LIFE BALANCE

Aktiviti Persatuan di DOSM

FitDOSM 2022

Tanggungjawab Sosial Korporat
(CSR)

184

192

196

Ihya Ramadan dan Sambutan
Perayaan Hari Raya 2022

Aktiviti-aktiviti lain

198

200



AKTIVITI PERSATUAN DI DOSM

Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPPPJPM)

Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM)

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) DOSM

PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan

Kesatuan Pembantu Perangkaan (KEPSTATS)

Persatuan Kebajikan Islam Statistik (PERKISA)

Kelab Sukan Statistik (KSS)

Klasik DOSM

COOP-Stats



JANUARI – FEBRUARI 2022

- ▶ Menguruskan sumbangan barang dan pakaian daripada warga DOSM kepada mangsa musibah banjir serta bantuan daripada sukarelawan untuk membersihkan rumah dan mengagihkan barang sumbangan bertempat di Kampung Tengah di Puchong; Dengkil dan Salak Tinggi di Sepang, Bukit Changgang di Banting dan Hulu Langat.
- ▶ Penyerahan Kotak Makanan Bantuan banjir oleh PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri dan sumbangan tunai daripada PUSPANITA JPM dan PUSPANITA MAIWP pada 26 Januari 2022
- ▶ Program Derma Darah DOSM bersama Pusat Darah Negara anjuran PUSPANITA pada 27 Januari 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM
- ▶ Majlis Doa Selamat dan Solat Hajat anjuran PERKISA dan Jawatankuasa Surau As-Siddiq C7 pada 23 Februari 2022





APRIL 2022



- ▶ Program Ceramah Ramadan 1443H Jabatan Perangkaan Malaysia "Andai Ini Ramadan Terakhirku" disampaikan oleh Ustaz Ahmad Dusuki pada 15 April 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM
- ▶ Majlis Silaturahim dan Pengimaranan Ramadan Al Kareem 1443H/ 2022M anjuran Jabatan melalui PERKISA dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan, KSS dan GAKEPS pada 21 April 2022 bersamaan 19 Ramadan 1443H bertempat di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya
- ▶ Majlis Pengimaranan Ramadan dan Silaturrahim DOSM 1443H/ 2022M (Majlis Berbuka Puasa) anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan dengan kerjasama Gabungan Kesatuan Persatuan Statistik (GAKEB), Stats Relief DOSM, PPJPM dan DOSM Selangor pada 28 April 2022 bertempat di Sekolah Kebangsaan Sg. Lui, Hulu Langat, Selangor
- ▶ Lawatan dan sumbangan ikhlas ahli Klasik DOSM Sabah ke rumah Encik Suaip bin Saman (mantan Pembantu Perangkaan E22) DOSM Sabah di kediaman beliau di Kg. Kalanahan, Papar, Sabah
- ▶ Sesi Kunjungan Hormat Exco PPJPM 2021/ 2023 kepada Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Bilik Mawar, Aras 8, DOSM pada 27 April 2022
- ▶ Majlis Khatam Al-Quran Jabatan Perangkaan Malaysia 1443H/ 2022M pada 27 April 2022 bertempat di Surau As-Siddiq, C7, DOSM
- ▶ Program "Ziarah Kasih Sentuhan Statistik Menjelang Aidilfitri Bersama Anak-anak Orang Asli" anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan dengan kerjasama Gabungan Kesatuan Persatuan Statistik (GAKEB), Stats Relief DOSM, PPJPM dan DOSM Selangor pada 28 April 2022 bertempat di Sekolah Kebangsaan Sg. Lui, Hulu Langat, Selangor
- ▶ Tadarus Al-Quran Muslimat Secara Bersempena dan dalam talian anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan
- ▶ Kempen Solat Berjemaah Zohor dan Asar pada setiap hari bekerja di Surau As-Siddiq, C7 anjuran DOSM dan PERKISA



MEI 2022

- ▶ Majlis Warna-Warni Aidilfitri Jabatan Perangkaan Malaysia 1443H/ 2022M anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan dengan kerjasama Gabungan Kesatuan Persatuan Statistik (GAKEB) pada 24 Mei 2022 bertempat di Ruang Legar Blok C6 & C7, DOSM



JUN 2022

- ▶ Sesi Santai Ketua Perangkawan Malaysia bersama ahli KLASIK DOSM (Pesara DOSM) Negeri Terengganu pada 21 Jun 2022
- ▶ Sesi Pemilihan Pemain Badminton MAKSWIP & SSK 2022 pada 25 Jun 2023
- ▶ Perlawanan Persahabatan Bola Sepak di antara DOSM FC dan Jabatan Peguam Negara pada 27 Jun 2022
- ▶ Majlis Pelancaran FIT DOSM peringkat Jabatan pada 29 Jun 2022 dirasmikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Tangga Putrajaya





JULAI 2022

- ▶ Program Executive Talk 2022 bersama YBhg. Dato' Zainal Azman Bin Abu Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tema "Memperkuuh Perkhidmatan Awam Berteraskan Data" pada 6 Julai 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM
- ▶ Sesi Ramah Mesra Ketua Perangkawan Malaysia bersama pesara DOSM Melaka (KLASIK MELAKA) pada 14 Julai 2022
- ▶ Sesi Ramah Mesra Ketua Perangkawan Malaysia bersama pesara DOSM Kelantan (KLASIK KELANTAN) pada 20 Julai 2022
- ▶ Majlis berbuka puasa bersama Warga DOSM Perak dan Alumni DOSM (KLASIK) Perak pada 25 April 2022
- ▶ Sesi Ramah Mesra Ketua Perangkawan Malaysia Bersama Pesara DOSM Johor (KLASIK JOHOR) pada 26 Julai 2022
- ▶ Pertandingan Boling PUSPANITA JPM 2022 pada 31 Julai 2022 bertempat di Wangsa Bowl, IOI City Mall
- ▶ Liga Stats BC pada 30 Julai 2022
- ▶ Latihan Bola Tampar dan Sepak Takraw DOSM pada 28 Julai 2022





OGOS 2022

- ▶ Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-8 Koperasi Perangkaan Malaysia Berhad (COOP-Stats) pada 2 Ogos 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM
- ▶ Program Penolong Pegawai Perangkaan (PPP) Menyantuni Gelandangan Musim Kedua pada 3 Ogos 2022 bertempat di Bandar Klang, Selangor dan program ini adalah kerjasama PPPPJPM bersama NGO, REACH OUT KLANG
- ▶ Program PERKISA PEDULI dengan menyantuni Encik Muhd Assamarqandi Lee Abdullah, pegawai BPPAS, DOSM yang ditimpah musibah kemalangan dan sumbangan ikhlas turut disampaikan
- ▶ Kejohanan Balapan dan Tri-Sukan 2022 pada 13 Ogos 2022 bertempat di Stadium dan Pusat Sukan UNITEN, Bangi
- ▶ DOSM RUNLIGA CHALLENGE (RMC 2022) pada 17 Ogos 2022 – 16 September 2022





SEPTEMBER 2022

- ▶ Malam Aspirasi PPJPM 2022 pada 13 September 2022 bertempat di Dewan Omega, ILSM
- ▶ Webinar Data Driven Statistik & Belia: Harapan Generasi Masa Depan anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan PPJPM, DOSM
- ▶ Siri 1 Statistik & Belia: Harapan Generasi Masa Depan dirasmikan oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES pada 27 September 2022
- ▶ Siri 2 Data Sciences: Challenges, Opportunities & Realities dirasmikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia pada 13 Oktober 2022
- ▶ Sesi Pemilihan SSK 2022 pada 29 September 2022 (Batu Seremban, Ping Pong, Dart, Carom dan Congkak)





OKTOBER 2022

- ▶ Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Jabatan Bagi Tahun 2022M /1444H anjuran PERKISA pada 14 Oktober 2022 bertempat di Dewan Anggerik, DOSM
- ▶ Penganjuran Sukan Statistik Kebangsaan (SSK) Ke-XIII 2022 pada 27-28 Oktober 2022 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ▶ Majlis Apresiasi 2022 anjuran KSS pada 28 Oktober 2022 bertempat di Dewan Proton, Tanjung Malim, Perak
- ▶ Latihan Futsal Persediaan untuk SSK 2022 (Pemilihan) pada 1 Oktober 2022





NOVEMBER 2022

- ▶ Program *Clothing Bank for Disaster Relief (CB4DR)* oleh PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan pada 8 November 2022 bertempat di pusat penyerahan sumbangan NADMA, JPM, Blok D5
- ▶ Majlis Pelancaran Diskaun Kad Ahli PUSPANITA anjuran PUSPANITA Kebangsaan dengan kerjasama PUSPANITA JPM pada 25 November 2022 bertempat di Dewan Banquet 1, Menara Felda, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YBhg. Puan Sri To' Puan Seri Norizam Che Mohd Nor, Yang Dipertua PUSPANITA Kebangsaan
- ▶ Program Kejohanan Boling Persahabatan ICU JPM bersama DOSM pada 3 November 2022



DISEMBER 2022

- ▶ Penyertaan Kontijen DOSM bagi Kejohanan Sukan Integrasi MAKSWIP 2022 pada 2 hingga 4 Disember 2022.
- ▶ Majlis Apresiasi AJK PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan, "Sayang Dik Sayang" pada 21 Disember 2022 bertempat di Ruang Legar Aras 2, Blok C6, DOSM



FITDOSM 2022

Aktiviti FitDOSM dianjurkan dengan tujuan untuk memastikan anggota DOSM sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat bagi melahirkan warga DOSM yang kekal aktif dan cerdas.

Aktiviti FitDOSM mengikut Bahagian-Bahagian di Ibu pejabat adalah seperti berikut:

26 Jun 2022

FitDOSM Bil. 1/2022 anjuran Kelab Sukan Statistik (KSS). Perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia di Tangga Putrajaya, Presint 1

6 Julai 2022

FitDOSM Bil. 2/2022 anjuran BPHPP – Zumba bersama Pak Yus

13 Julai 2022

FitDOSM Bil. 3/ 2022 anjuran BPTMS – Zumba bersama Zin Diqna

20 Julai 2022

FitDOSM Bil. 4/2022 anjuran BPM – Tabata Workout

22 Julai 2022

FitDOSM Bil. 5/2022 anjuran BPAN – Senamrobik Workout

3 Ogos 2022

FitDOSM Bil. 6/2022 anjuran BPPD – *Tabata HITT Workout* oleh Coach Firdaus

10 Ogos 2022

FitDOSM Bil. 7/2022 anjuran BPPIB – Senamrobik bersama Coach Helmi

17 Ogos 2022

FitDOSM Bil. 8/2022 anjuran BKP dengan kerjasama KSS - *Kick Off DOSM RUNLIGA Malaysia Challenge (RMC) 2022*

24 Ogos 2022

FitDOSM Bil. 9/2022 anjuran BPIP – Senamrobik

7 September 2022

FitDOSM Bil.10/2022 anjuran BPPAS – Senamrobik



14 September 2022

FitDOSM Bil. 11/2022 anjuran BPE – Larian santai di Sekitar Tasik Presint 1

21 September 2022

FitDOSM Bil.12/2022 anjuran BPPA – Seni Senamrobik

28 September 2022

FitDOSM Bil.13/2022 anjuran BMP – Slow jog di Sekitar Tasik Presint 1

5 Oktober 2022

FitDOSM Bil. 14/2022 anjuran BIPD – Senamrobik bersama Coach Helmi

12 Oktober 2022

FitDOSM Bil. 15/2022 anjuran BKS – Brisk Walk

26 Oktober 2022

FitDOSM Bil. 16/2022 anjuran CTADR – Aero Dance

2 November 2022

FitDOSM Bil. 17/2022 anjuran MBLS – Senam Tari

9 November 2022

FitDOSM Bil. 18/2022 anjuran ILMIA – Light HITT bersama Coach Azizul

16 November 2022

FitDOSM Bil. 19/2022 BPP – Aerobik Ala Workout

23 November 2022

FitDOSM Bil. 20/2022 anjuran BPHPP dengan kerjasama KSS – HITT bersama Pak Yus

30 November 2022

FitDOSM Bil. 21/2022 anjuran BPTMS – Senamrobik

7 Disember 2022

FitDOSM Bil. 22/2022 anjuran BPM – Masala Bhangra Workout bersama Coach Nana

14 Disember 2022

FitDOSM Bil. 23/2022 anjuran BPAN – Senamrobik Workout Bersama Coach Jumli

21 Disember 2022

FitDOSM Bil. 24/2022 anjuran BPPD – Aerobik Light With Love Bersama Coach Firdaus

28 Disember 2022

FitDOSM Bil. 25/2022 anjuran BPPIB – Senamrobik



AKTIVITI FITDOSM DI PERINGKAT DOSM NEGERI

FitDOSM DOSM Johor

- ▶ Mendaki Gunung Lambak pada 25 Julai 2022



FitDOSM Negeri Sembilan

- ▶ Senamrobik bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan di Tasik Villa International Resort, Port Dickson pada 2 dan 4 Mac 2022.



FitDOSM WP Kuala Lumpur

- ▶ Fun Run 3KM pada 20 Oktober 2022



FitDOSM Pahang bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan

- ▶ Senamrobik di Hotel Swiss Bell, Pantai Cempaka pada 28 Mac 2022
- ▶ Sesi Regangan dan Senaman Ringan di Wisma Persekutuan, Kuantan pada 12 Mei 2022
- ▶ Half Marathon 21KM di Padang Kamunting pada 14 Jun 2022
- ▶ Moh Santai FitDOSM (Slow Jog) bersama PUSPANITA di Padang MPK 1, Kuantan pada 14 Disember 2022



FitDOSM Kelantan

- ▶ Larian 21km di Pantai Nusak, Pangkalan Chepa pada 20 Julai 2022
- ▶ Jeli Stats Nature Half Marathon 2022 di Padang Istiadat Jeli pada 27 Ogos 2022



FitDOSM Terengganu Bersama YBhg. Dato' Sri Ketua Perangkawan

- ▶ Larian 21km dari Bandar Kuala Terengganu ke Stadium Sultan Mizan, Kuala Nerus pada 22 Jun 2022
- ▶ Senam Aerobik dan Larian di sekitar Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 17 September 2022
- ▶ Mendaki Bukit Bubus, Besut bersama semua anggota Pejabat Operasi Besut pada 21 Oktober 2022
- ▶ Larian 12km di sepanjang Pantai Paka, Dungun pada 1 Disember 2022



FitDOSM Sabah

- ▶ Morning Breakfast Run 21KM bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan dan warga DOSM Sabah pada 8 September 2022



FitDOSM Sarawak

- ▶ FitDOSM Evening Hiking Mount Matang Sri Maha Mariamman bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan pada 12 Mac 2022
- ▶ Program Santai Statistik bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan dan Kuching Thai-Chi Physical Culture Society pada 10 Mac 2022
- ▶ FitDOSM PO Sibu sempena Hari Statistik Negara 2022
- ▶ FitDOSM PO Sarikei dengan kolaborasi Kelab Goyang Sarikei dan pelajar Sekolah Kebangsaan Sarikei bertempat di Taman Tasik Sarikei pada 15 September 2022



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

DOSM turut prihatin dan melaksanakan inisiatif dalam memberikan bantuan dan sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat dan warga DOSM yang memerlukan. Pelbagai program dan pelaksanaan CSR telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 di peringkat Ibu Pejabat, Bahagian, DOSM Negeri, Pejabat Operasi dan persatuan-persatuan terlibat.





IHYA RAMADAN DAN SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA 2022

Pelbagai program turut dilaksanakan bagi mengimarahkan bulan Ramadan 1443H. Di samping itu, sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri juga telah disambut dengan penuh kemeriahkan pada tahun 2022.



OKTOBER 2022

- ▶ Majlis Silaturahim & Pengimarahuan Ramadan 1443H/2022M Jabatan Perangkaan Malaysia





24 MEI 2022

- Sambutan Majlis Warna-warni Aidilfitri 1443H/2022M



AKTIVITI-AKTIVITI LAIN





AKTIVITI-AKTIVITI LAIN







CABARAN DAN ASPIRASI 2023

Cabar dan Aspirasi 2023

206

Perancangan 2023

210



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGS)

Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs) adalah agenda yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk merealisasikan pencapaian pembangunan dan kesejahteraan global menjelang tahun 2030. SDG meliputi 17 Matlamat, 169 Sasaran dan lebih daripada 200 Indikator yang merangkumi 3 dimensi iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar. Ini adalah komitmen global ke arah pembangunan yang lebih mampan, berdaya tahan dan inklusif. Malaysia turut sama menyokong agenda ini dalam penggubalan dasar kerajaan. Justeru, bagi menyokong komitmen kerajaan dalam agenda SDG ini, DOSM sebagai *focal point* dalam pembangunan Indikator SDG di peringkat nasional terus mengeluarkan data-data yang berkaitan bagi tujuan pemantauan dan pelaporan SDG. DOSM telah menerbitkan *The Initial Assessment of the SDG Indicators for Malaysia, 2018* dan empat laporan Indikator SDG bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021. SDG Dashboard juga telah dibangunkan pada 2019 sebagai platform komunikasi indikator SDG dengan menggunakan paparan yang interaktif dan dikemaskini secara berkala.



The Sustainable Development Goals Report 2022

 United Nations



RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, 2021-2025

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merupakan sebahagian daripada Pelan Pemulihan Negara di bawah pendekatan 6R iaitu *Resolve, Resilient, Restart, Recovery, Revitalise* dan *Reform*. Rangka dasar RMKe-12 merangkumi 3 Tema, 4 Pemangkin Dasar dan 14 Pemacu Perubahan yang disusun dalam 13 Bab selaras dengan perubahan terkini yang berlaku dan intipati terbaru daripada semua pihak berkepentingan. Objektif RMKe-12 adalah untuk memacu Malaysia mencapai status negara makmur, inklusif dan mampan sejajar dengan Agenda 2030 dalam tempoh lima tahun. Agenda ini akan dicapai dengan memberi tumpuan kepada usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi disamping memastikan kelestarian alam sekitar. Dalam konteks ini, DOSM sentiasa menyokong usaha dan bersedia untuk membantu Kerajaan dalam menerbitkan laporan-laporan yang berkaitan bagi pemantauan pelaksanaan perancangan dan pembangunan Negara. DOSM sebagai pengeluar statistik rasmi Negara berperanan dalam membuat analisis dan memberi ulasan terhadap pelan perancangan dan pelaksanaan sepanjang RMKe-12. Data dan statistik rasmi dari DOSM memainkan peranan besar



DASAR REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT (4IR) NEGARA

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara merupakan dasar negara yang menyeluruh untuk memacu usaha bersepadu dalam mentransformasi pembangunan sosioekonomi negara melalui penggunaan teknologi 4IR yang beretika serta menyokong dasar-dasar pembangunan negara seperti RMKe-12. Dasar 4IR merujuk kepada transformasi disruptif yang menggabungkan alam fizikal, digital dan biologi dalam industri melalui penggunaan teknologi baharu muncul. Pendigitalan dalam semua sektor melalui penggunaan teknologi 4IR yang meluas akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital. Dalam mencapai objektif dasar ini, DOSM sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk membekalkan data yang tepat dan *reliable* bagi menyokong dasar-dasar pembangunan dan projek-projek pembangunan yang dirancang. DOSM juga turut sama bergerak seiring dengan perkembangan teknologi digital dan mengambil inisiatif dalam membangunkan pelbagai sistem serta *dashboard* yang memberi manfaat kepada semua. Ini dapat membuka lembaran baharu bagi mengukuhkan dan memodenkan sistem statistik negara.



ANALISIS DATA RAYA (BIG DATA ANALYTICS)



Data Raya (Big Data) merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan internet dan kecanggihan teknologi semasa. Secara umumnya, Data Raya merujuk kepada kumpulan data yang bersifat besar (*volume*), pantas (*velocity*), pelbagai (*variety*), bernilai (*value*) dan benar (*veracity*) yang digunakan bagi proses analisis. Perkembangan fenomena Data Raya turut disumbang daripada pelbagai jenis data berstruktur daripada sistem dan peranti seperti *Internet of Things* (IoT) serta data tidak berstruktur daripada pelbagai platform media sosial. Perkembangan Data Raya ini dimanfaatkan oleh DOSM melalui inisiatif penubuhan *National Big Data Analytics Centre* (NBDAC) untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam memastikan setiap perancangan dan keputusan adalah berdasarkan analitik data seiring dengan inisiatif pendigitalan dan 4IR. Objektif utama NBDAC adalah untuk bertindak sebagai pusat pentadbiran untuk analisis Data Raya negara, di mana ia bertanggungjawab dalam pengumpulan data, sebagai hab dalam penyebaran data, mengurus, menyelaras dan menganalisis Data Raya daripada pelbagai agensi dan sumber untuk keperluan negara. Perkembangan ini akan memberikan impak yang besar ke arah membantu pembangunan dasar kerajaan di masa akan datang.

PERANCANGAN 2023

DOSM merancang untuk menerbitkan keluaran dan melaksanakan kajian/ pembangunan bagi tahun 2023 seperti berikut:

KELUARAN/ PENERBITAN

- ▶ Banci Ekonomi 2023 (BE 2023)
- ▶ Survei Penilaian Impak Bencana Banjir
- ▶ Survei Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri 2023
- ▶ Penerbitan Banci Malaysia 2020
 - Penerbitan Penemuan Utama Pihak Berkuasa Tempatan Dan Mukim, 2020
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Kesejahteraan Rakyat (Keselamatan, Kesihatan, Hubungan Sosial Dan Perumahan)
 - Penerbitan Banci Malaysia 2020: Pendidikan
 - Penerbitan Banci Malaysia 2020: Tempat kediaman
 - Penerbitan Banci Malaysia 2020: Isi rumah
 - Penerbitan Banci Malaysia 2020: Migrasi dan Taburan Penduduk
 - Penerbitan Banci Malaysia 2020: Ekonomi Penduduk
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Penjawat awam
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Wilayah Pembangunan Ekonomi (WPE)
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Urbanisasi
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Wanita
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Warga emas
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Belia
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Kanak-kanak
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Orang asli
 - Monograf Banci Malaysia 2020: Atlas
 - Kesejahteraan Penduduk (Kecergasan)
- ▶ Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran
- ▶ Penerbitan Unjuran Penduduk, Malaysia/ Negeri, 2020-2050
- ▶ Penerbitan Kajian Semula Anggaran Penduduk Antara Banci Peringkat Malaysia Dan Negeri 2011-2019
- ▶ Penerbitan Statistik Orang Kurang Upaya (OKU)
- ▶ Laporan Ketidaksamarataan Pendapatan Malaysia 2022
- ▶ Laporan Kemiskinan Malaysia 2022
- ▶ Laporan Indikator SDG mengikut negeri
- ▶ Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal)
- ▶ Intisari Pendapatan Perbelanjaan Kemiskinan Ketaksamarataan 2022
- ▶ Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) peringkat negeri tahun 2022
- ▶ Malaysian Human Development Index (MHDI)
- ▶ Manual Pensampelan 2022
- ▶ Manual Rangka Pertubuhan Enterprise dan Isi Rumah
- ▶ Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan
- ▶ Statistik Perlombongan Petroleum dan Gas Asli

PEMBANGUNAN/KAJIAN:

- ▶ Pembangunan *National Transfer Accounts* (NTA)
- ▶ Pembangunan Pangkalan Geocoding Tempat Kediaman dan Pertubuhan
- ▶ Pengemaskinian Platform Geospatial DOSM (ArcGIS Enterprise)
- ▶ *PriceDash*
- ▶ Kajian Diaspora Malaysia di Brunei Darussalam
- ▶ Kajian Penggajian Pelakon Kanak-Kanak dan Orang Muda (Filem & Drama) di Semenanjung Malaysia
- ▶ Kajian Pendigitalan Perniagaan Makanan Segera
- ▶ Kajian Definisi Pekerjaan Dalam Sektor Informal
- ▶ Kajian Pendaftaran Kelahiran dan Kematian: Kajian Kes Sabah dan Sarawak
- ▶ Kajian Liputan Data Bukan Warganegara di Sabah dan Sarawak
- ▶ Kajian Rintis Penggunaan Data Imej Satelit untuk Mengukur Aktiviti Ekonomi (*NightLight*)
- ▶ Kajian Eksport Import mengikut Daerah Pentadbiran (kajian lanjutan bagi modul *Trade by Enterprise Characteristics* (TEC))



Kementerian Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

StatsMalaysia



www.dosm.gov.my

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62514 Putrajaya, MALAYSIA

📞 (603) 8885 7000

📠 (603) 8888 9248

✉️ info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)

✉️ data@dosm.gov.my (pertanyaan dan permintaan data)



20 OKT



2016 - 2030